# PARLIMEN
M A L A Y S I A

www.parlimen.gov.my




# 2013
# LAPORAN
T A H U N A N




## RASIONAL MUKA DEPAN

Kulit Buku Laporan Tahunan Parlimen Malaysia 2013 ini adalah ilustrasi gandingan paparan di Portal Rasmi Parlimen Malaysia yang telah berjaya menerima Penilaian Penarafan 5 Bintang dalam *MALAYSIA GOVERNMENT PORTALS AND WEBSITES ASSESMENTS 2013.*

## SEKALUNG BUDI

Pihak Parlimen Malaysia ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak serta individu yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam penerbitan Buku Laporan Tahunan Parlimen Malaysia bagi tahun 2013.

## PENAFIAN

Semua bahan yang diterbitkan dalam Buku Laporan Tahunan Parlimen Malaysia 2013 ini merupakan hak cipta terpelihara. Sebarang bentuk penerbitan semula samada secara keseluruhan atau sebahagian adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis dari pihak penerbit dan sidang editorial. Walaupun ketepatan fakta dipatuhi semasa pengumpulan maklumat, pihak penerbit dan sidang editorial tidak bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan yang timbul akibat kesilapan yang tidak dimaksudkan.

## SIDANG EDITORIAL

**Ketua Editor**
YBHG. DATUK LAMIEN BIN SAWIYO

**Kumpulan Editorial**
YM TENGKU NASARUDDIN BIN TENGKU MOHAMED
ALBASYA'ARI BIN ABDUL LATIF
SITI NUR AZLIN BINTI RASHIM

**Jurufoto**
MOHD KHAIRUL ADNAN BIN KHALIP

**Pejabat Editorial**
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
PARLIMEN MALAYSIA
pro@parlimen.gov.my

**Terbitan**
PARLIMEN MALAYSIA

**Edaran**
STEVEN A/L JAMES
KAMARUL BAHARIN BIN SHAUDIN
ENGKU MOHD ZHAFRI BIN ENGKU MOHD SUHAIMI
NOOR AZLINA BINTI MURAT

**Reka Bentuk Dan Cetakan**
D'KHAIRAN SDN. BHD.
NO.43 A, JALAN JERNANG JAYA 1
TAMAN JERNANG JAYA, 43000 KAJANG,
SELANGOR DARUL EHSAN

TEL: 03 – 8912 3309
FAKS: 03 – 8912 4390
EMEL: dkhairan06@yahoo.com

**Keterangan Lanjut Hubungi**
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
PARLIMEN MALAYSIA
TINGKAT 8, BANGUNAN PARLIMEN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

TEL: 03 – 2072 1955
FAKS: 03 – 2072 7436
EMEL: info@parlimen.gov.my

www.parlimen.gov.my

ISSN 2289-5124

9 772289 512000

# PARLIMEN
M A L A Y S I A

www.parlimen.gov.my



# 2013
# LAPORAN
T A H U N A N



# ISI KANDUNGAN

## LAPORAN TAHUNAN 2013

PARLIMEN MALAYSIA






04 PERUTUSAN KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA

08 PENGURUSAN TERTINGGI PARLIMEN MALAYSIA

18 SEKRETARIAT PARLIMEN MALAYSIA

27 PENSTUKTURAN SEMULA SEKRETARIAT PARLIMEN MALAYSIA

30 LAPORAN BAHAGIAN/CAWANGAN/UNIT

Pejabat Ketua Pentadbir

- 34 Pejabat Penasihat Undang-undang
- 37 Unit Perhubungan Korporat
- 42 Unit Penyelidikan

48 Bahagian Pengurusan Dewan

68 Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

100 Bahagian Perhubungan Antarabangsa dan Protokol

110 Bahagian Urus Bangunan dan Landskap

128 PELAN STRATEGIK PARLIMEN MALAYSIA 2013 - 2018

142 PERPUSTAKAAN PARLIMEN MALAYSIA

148 LAWATAN KE PARLIMEN MALAYSIA

154 SOROTAN MAJLIS-MAJLIS DAN AKTIVITI-AKTIVITI DI PARLIMEN MALAYSIA SEPANJANG TAHUN 2013

177 PROGRAM-PROGRAM SEPANJANG SAMBUTAN 50 TAHUN BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

# PERUTUSAN

## Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia



"Tahun 2013 merupakan tahun yang cemerlang bagi Parlimen Malaysia. Ini kerana semua program dan aktiviti telah dapat dilaksanakan dengan jayanya."

Bersyukur saya ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin Nya Parlimen Malaysia dapat menerbitkan Buku Laporan Tahunan Parlimen Malaysia 2013 ini. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua ahli sidang redaksi yang memberi komitmen untuk menerbitkan laporan ini.

Tahun 2013 merupakan tahun yang cemerlang bagi Parlimen Malaysia. Ini kerana semua program dan aktiviti telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Walaupun Parlimen ke 13 hanya bermula pada 25 Jun 2013, Mesyuarat Pertama, Kedua dan Ketiga, Penggal Pertama Parlimen ke 13 bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah dapat dijalankan mengikut kelaziman dengan lancar dan sempurna.

Dari segi pelaksanaan projek pengubahsuaian dan naik taraf Parlimen Malaysia pula fasa 2A iaitu baik pulih panel fasad dan bumbung pinnacle Blok Utama dan Blok Menara telah siap disempurnakan oleh Jabatan Kerja Raya pada 26 September 2013.

Pada tahun 2013 juga, pentadbiran Parlimen Malaysia telah diluluskan oleh agensi pusat 67 jawatan baru dan naik gred serta pengwujudan beberapa bahagian/seksyen baru bagi memperkukuhkan organisasi Parlimen. Dalam bidang teknologi maklumat pula, Parlimen Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang. Ini kerana laman web Parlimen Malaysia telah diberi taraf 5 bintang oleh *Multimedia Development Corporation* (MDEC). Menurut laporan *Malaysia Government Portal an Websites Assessment* (MGPWA) 2013, laman web Parlimen Malaysia berjaya mencatat peningkatan markah yang besar daripada 48% pada tahun 2012 kepada 94% pada tahun 2013.

Dari segi hubungan antarabangsa, Parlimen Malaysia telah mengadakan lima (5) lawatan ke luar negara dan telah menerima 40 tetamu dari luar negara dan menghadiri 23 persidangan antarabangsa. Pada tahun 2013 juga, Bangunan Parlimen Malaysia yang dirasmikan pada 2 November 1963 genap berusia 50 tahun. Acara Sambutan 50 Tahun Bangunan Parlimen Malaysia telah diadakan yang bertujuan mendekatkan institusi Parlimen kepada rakyat melalui aktiviti yang telah dijalankan seperti mengadakan Galeri Pameran, acara larian Parlimen, Pertandingan Idea Rekabentuk Landskap Parlimen Malaysia, Pertandingan Lakaran Bangunan Parlimen Malaysia, Pertandingan Fotografi serta Pertandingan Mewarna dan Melukis untuk kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Dari segi bilangan pelawat, pada tahun 2013, seramai 27,411 pelawat dan rombongan berkunjung kompleks Parlimen Malaysia, manakala satu juta berkunjung secara maya melalui laman web Parlimen Malaysia. Bagi meningkatkan kecekapan anggota keselamatan, dalam tahun 2013 kumpulan pertama seramai 11 orang anggota keselamatan telah dihantar mengikuti Kursus Asas Polis Bantuan dan salah seorang pelatih dari anggota Parlimen Malaysia telah dipilih sebagai pelatih terbaik.

Pada tahun 2013 sebanyak 65 nota perbahasan, 187 analisis Rang Undang-undang telah disediakan oleh pegawai-pegawai penyelidik untuk kegunaan Ahli Parlimen dalam perbahasan di kedua-dua dewan. Pada penghujung tahun 2013, sekretariat Parlimen Malaysia telah berjaya menggubal satu pelan strategik Parlimen Malaysia dari tahun 2013-2018 untuk dijadikan pedoman dalam usaha mencapai visi Parlimen untuk menjadi institusi perundangan unggul bertaraf dunia.

Saya berharap Laporan Tahunan 2013 dapat memberi gambaran berkaitan program dan aktiviti Parlimen Malaysia sepanjang tahun 2013.

**Datuk Lamien Bin Sawiyo**
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

# PENGURUSAN TERTINGGI

Parlimen Malaysia





# KETUA PENTADBIR & TIMBALAN KETUA PENTADBIR






1. **YBhg. Datuk Lamien Sawiyo**
   Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

2. **YBhg. Encik Awang Alik Jeman**
   Timbalan Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

# SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA






1. **YBhg. Datuk Roosme Hamzah**
   Setiausaha Dewan Rakyat

2. **YBhg. Datuk Zamani Haji Sulaiman**
   Setiausaha Dewan Negara

# SETIAUSAHA-SETIAUSAHA BAHAGIAN/KETUA JURUTERA






1. **Encik Riduan Rahmat**
   Setiausaha Bahagian
   Sumber Manusia & Khidmat Pengurusan

2. **Encik Che Seman Pa Chik**
   Setiausaha Bahagian
   Pengurusan Dewan

3. **Encik Muhd Sujairi Abdullah**
   Setiausaha Bahagian
   Perhubungan Antarabangsa & Protokol

4. **Puan Hajah Ruhani Haji Ali**
   Ketua Jurutera
   Bahagian Urus Bangunan & Landskap

# PEJABAT KETUA PENTADBIR

## PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG, UNIT PENYELIDIKAN DAN UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT






1. **Encik Noor Rosidi Abdul Latif**
   Penasihat Undang-Undang
   Pejabat Penasihat Undang-Undang

2. **Encik Asri Adnan**
   Pegawai Penyelidik (Penyelaras)
   Unit Penyelidikan

3. **YM Tengku Nasaruddin Tengku Mohamed**
   Pegawai Perhubungan Awam Kanan
   Unit Perhubungan Korporat

# KETUA-KETUA CAWANGAN






1. **Puan Hajah Ruhana Abdullah**
   Ketua Penolong Setiausaha
   Cawangan Sumber Manusia & Khidmat Pengurusan

2. **Puan Lavinia A/P Vyveganathan**
   Penolong Setiausaha Kanan
   Cawangan Perhubungan Antarabangsa

3. **Encik Amisyahrizan Amir Khan**
   Ketua Penolong Setiausaha
   Cawangan Perundangan & Prosiding

4. **Encik Ahmad Shaharuddin Mohamad**
   Pegawai Keselamatan Kanan
   Cawangan Keselamatan

# KETUA-KETUA CAWANGAN






5. **Puan Hasnah Ismail**
   Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
   Cawangan Teknologi Maklumat

6. **Encik Azhari Hamzah**
   Pegawai Penerbitan Kanan 1
   Cawangan Penyata Rasmi

7. **Puan Mazidah Mohamed**
   Juru Bahasa Serentak Kanan
   Cawangan Bahasa Serentak

8. **Lt. Kol. (B) Morad Omar**
   Bentara Mesyuarat Kanan
   Cawangan Bentara

# KETUA-KETUA CAWANGAN






9. **Cik Noor Izzatulekmal Rosly**
   Penolong Setiausaha (Kewangan)
   Cawangan Kewangan

10. **Encik Abdul Jawat Mansor**
    Jurutera Mekanikal Kanan
    Cawangan Urus Bangunan & Landskap

11. **Ir. Halimah Mohamad**
    Jurutera Elektrik Kanan
    Cawangan Urus Bangunan & Landskap

12. **Puan Siti Nurulhuda Amirrudin**
    Jurutera Awam Kanan
    Cawangan Urus Bangunan & Landskap

# KETUA-KETUA CAWANGAN/UNIT






1. **Cik Farah Nurdiana Azhar**
   Penolong Setiausaha Kanan
   Unit Sumber Manusia

2. **Cik Hasmahani Hassan**
   Penolong Setiausaha (T)
   Unit Pentadbiran

3. **Puan Nur Hafiza Mohd Harith**
   Penolong Setiausaha
   Unit Pengurusan Prestasi dan Latihan

4. **Puan Nor Syafinaz Samsudin**
   Pustakawan
   Cawangan Pusat Sumber

# SEKRETARIAT

Parlimen Malaysia





# SEKRETARIAT PARLIMEN MALAYSIA

Sekretariat di Parlimen Malaysia terbahagi kepada dua (2) aktiviti utama iaitu Urusan Pentadbiran Am dan Pengurusan Dewan yang diketuai oleh seorang penjawat awam yang digelar Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia (KPPM). Beliau bertanggungjawab terhadap urusan hal ehwal pentadbiran dan kewangan. Bagi aktiviti Pengurusan dewan pula, KPPM dibantu oleh dua (2) orang Setiausaha Dewan iaitu Setiausaha Dewan Negara (SUDN) dan Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR). SUDN bertanggungjawab terhadap urusan Mesyuarat di Dewan Negara manakala SUDR bertanggungjawab terhadap urusan Mesyuarat di Dewan Rakyat.

Sekretariat Parlimen terdiri daripada Pejabat Ketua Pentadbir dan empat (4) Bahagian utama dengan keseluruhan warga kerja berjumlah 298 perjawatan seperti berikut:

- Pejabat Ketua Pentadbir
    - Pejabat Penasihat Undang-Undang
    - Unit Perhubungan Korporat
    - Unit Penyelidikan
- Bahagian Pengurusan Dewan
    - Dewan Negara
    - Dewan Rakyat
- Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan
- Bahagian Perhubungan Antarabangsa dan Protokol
- Bahagian Urus Bangunan dan Lanskap



# PEJABAT KETUA PENTADBIR

## PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

### Carta Organisasi Unit

**KETUA PENTADBIR**
PTD - JUSA A

**UNIT PENASIHAT UNDANG-UNDANG**
PEGAWAI UNDANG-UNDANG
GRED L48

## FUNGSI UNIT

**1. Penasihat**

- Menasihati Pentadbiran Parlimen dalam semua hal-hal perundangan terutama yang berkaitan tafsiran Akta, Statut, Kaedah, Peraturan, Perundangan Subsidiari atau keputusan kehakiman yang relevan kepada Pentabdiran Parlimen.

- Memberi pandangan berkenaan dengan apa-apa perjanjian/kontrak yang melibatkan pihak Pentadbiran Parlimen supaya peruntukan perjanjian/kontrak sentiasa mematuhi kehendak undang-undang dan menjaga kepentingan Kerajaan.

- Menasihati Pentadbiran Parlimen berhubung kes tatatertib supaya tindakan dan keputusan tatatertib sentiasa mematuhi kehendak peruntukan dan norma undang-undang.

- Menguruskan apa-apa arahan semasa yang diberikan oleh Peguam Negara Malaysia berkaitan undang-undang yang terpakai kepada Pentadbiran Parlimen Malaysia.

- Memberikan pandangan/ulasan undang-undang berhubung perundangan yang terpakai kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

- Membantu Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat dalam mentafsir peruntukan Peraturan Mesyuarat Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

- Membantu Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat berhubung apa-apa isu yang membabitkan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

**2. Gubalan**

- Menyediakan, menderaf, menyemak dan menasihati terma-terma dan syarat-syarat Memorandum Persefahaman, Memorandum Perjanjian, Surat Niat, Terma Jawatankuasa Dewan Negara/ Dewan Rakyat dan Peraturan Mesyuarat Dewan Negara/Rakyat.

**3. Guaman**

- Memantau dan melapor kepada Pentadbiran Parlimen dan Setiausaha Dewan Negara/Setiausaha Dewan Rakyat berhubung kes-kes mahkamah yang melibatkan Parlimen Malaysia.

- Meneliti saman, menandatangani afidavit dan dokumentasi perundangan untuk dikemukakan kepada mahkamah.

# PEJABAT KETUA PENTADBIR
## UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT

### Carta Organisasi Unit




## FUNGSI UNIT

- Menyelenggara urusan perhubungan awam dengan pihak media.
- Memantau keperluan aktiviti-aktiviti dan maklumat berkaitan Parlimen Malaysia, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.
- Mengendalikan lawatan rasmi/kunjungan hormat/pelawat dalam dan luar negara.
- Bertindak sebagai jurucakap Parlimen Malaysia.
- Pegawai Aduan bagi pihak Jabatan.
- Menyelia keperluan media massa yang membuat liputan semasa berlangsungnya sesi persidangan dan aktiviti anjuran Parlimen.
- Mengurus dan melaksanakan segala publisiti.
- Bertanggungjawab memastikan segala urusan liputan bergambar semua aktiviti/ majlis rasmi Parlimen berjalan lancar seperti:

  - Majlis Angkat Sumpah Ahli-ahli Dewan

  - Pembentangan Bajet

  - Perasmian Persidangan Parlimen

  - Kunjungan Hormat

  - Majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi Parlimen

- Mengurus dan mengendalikan permohonan lawatan ke Parlimen.
- Memberi taklimat kepada pelawat.
- Menyelia urusan aduan pelanggan.
- Jawatankuasa Buletin Parlimen Malaysia dan Laporan Tahunan.
- Mengemaskini dan menyelaras maklumat laman web.
- Merekod aktiviti Jabatan dan Keratan Akhbar
- Mengendalikan bilik media, galeri/ruang pameran tetap.
- Mengurus pengendalian alat siaraya.
- Mengurus arkib foto termasuk audio visual bagi semua majlis rasmi Jabatan (Majlis Perasmian Pembukaan Parlimen, Pembentangan Bajet, Angkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Negara/Rakyat, lawatan-lawatan dan kunjungan hormat dari dalam dan luar negara).

# PEJABAT KETUA PENTADBIR

## UNIT PENYELIDIKAN

### Carta Organisasi Unit




## FUNGSI UNIT

- Membantu Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan maklumat/statistik dan menyediakan nota-nota perbahasan untuk kegunaan Ahli-ahli Parlimen.

- Menganalisis Rang Undang-undang (RUU) yang dibentangkan dan memberi input kepada Ahli-ahli Parlimen.

- Menyediakan ikhtisar dan nota percakapan untuk Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, dan Ahli-ahli Parlimen yang akan menghadiri persidangan/mesyuarat/seminar di dalam atau luar negara.

- Menyiapkan penyelidikan mengenai isu-isu semasa sama ada dari dalam dan luar negara berdasarkan permohonan khusus daripada Ahli-ahli Parlimen.

# PEJABAT KETUA PENTADBIR

## DEWAN RAKYAT

### Carta Organisasi Bahagian




## DEWAN NEGARA

### Carta Organisasi Bahagian



## FUNGSI BAHAGIAN

- Menguruskan Persidangan Dewan Rakyat/Dewan Negara seperti mengeluarkan Notis-notis Mesyuarat kepada Ahli-ahli Dewan dan Agensi Kerajaan, menyediakan Kertas Aturan Urusan Mesyuarat (AUM), memproses dan menyunting soalan pertanyaan jawab lisan dan bertulis serta menyediakan minit mesyuarat (Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat).

- Mengurus pembentangan Usul-usul Kerajaan, Usul Persendirian dan Ucapan Penangguhan.

- Menguruskan pembentangan Rang Undang-undang, mendapatkan perkenan SPB YDP Agong dan memaklumkan kepada Peguam Negara untuk diwartakan.

- Menguruskan pembentangan Risalat-risalat Dewan seperti kertas Perintah, Statut dan urusan mewartakannya.

- Menguruskan penyediaan Penyata Rasmi Persidangan Dewan dan Jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan dengan Dewan Rakyat.

- Mengendalikan urusan penterjemahan serentak semasa Persidangan Dewan dan majlis rasmi seperti seminar dan persidangan.

- Membuat terjemahan Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) dan dokumen yang berkaitan dengan Parlimen seperti Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas dan Penyata Rasmi berdasarkan permintaan.

- Membuat terjemahan kandungan Portal Rasmi Parlimen.

- Memastikan keselamatan Dewan sebelum, semasa dan selepas Persidangan.

- Menyebar dan menyusun dengan kemas risalat-risalat di atas meja Ahli-ahli Dewan.

- Memastikan keselamatan, senggaraan dan penyimpanan Cokmar di tempat yang dikhaskan.

- Sekretariat Mesyuarat Majlis Istiadat Perasmian Persidangan Parlimen, Mesyuarat Pra-Persidangan Parlimen bersama-sama Agensi-agensi Kerajaan, Persidangan Speaker-speaker Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia dan Jawatankuasa yang dibentuk oleh Dewan iaitu Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan, Jawatankuasa Dewan bagi Dewan, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Rakyat.

# BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

## Carta Organisasi Bahagian




## FUNGSI BAHAGIAN

Bertanggungjawab ke atas urusan:-

- Merancang dan menyelaras projek-projek pembangunan Parlimen Malaysia dan urusan kewangan.
- Pengurusan kewangan (belanja mengurus, kewangan dan kutipan hasil).
- Pengurusan sumber manusia.
- Perkhidmatan pengurusan teknologi maklumat.
- Khidmat perpustakaan.
- Urusan perkhidmatan dan kewangan ahli parlimen sejajar dengan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1981 (Akta 237) dan Kertas Statut 95, 102 dan 235.
- Keselamatan Kompleks Parlimen.
- Pengurusan peruntukan di bawah Bekalan B01 (Parlimen Malaysia) serta Tanggungan T05 (Yang di-Pertua Dewan Rakyat) dan T06 (Yang di-Pertua Dewan Negara).
- Pengurusan perolehan Jabatan.
- Menyelaras projek-projek pembangunan.
- Pelantikan, pengisian jawatan, perkhidmatan, latihan, kenaikan pangkat, tatatertib dan persaraan kakitangan.

# BAHAGIAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PROTOKOL

## Carta Organisasi Bahagian




## FUNGSI BAHAGIAN

- Menjadi sekretariat kepada semua Pertubuhan/Persatuan/Organisasi di peringkat antarabangsa yang dianggotai oleh Parlimen Malaysia
- Mengurus dan menyelaras penyertaan Ahli-ahli Parlimen Malaysia yang menyertai persidangan, seminar atau lawatan rasmi ke luar negara
- Menyelaras dan mengendalikan keurusetiaan Kumpulan Persahabatan Parlimen (Parliamentary Friendship Group)
- Menyelaras urusan protokol bagi majlis-majlis rasmi Parlimen Malaysia
- Menjadi sekretariat persidangan/seminar/bengkel yang dianjurkan oleh Parlimen Malaysia
- Menjadi sekretariat Commonwealth Parliamentary Association (CPA) Cawangan Malaysia, Inter-Parliamentary Union (IPU) Kumpulan Malaysia dan Asean Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)-Malaysia
- Mengemaskini semua rekod dan data mengenai maklumat yang berkaitan dengan keperluan Bahagian Perhubungan Antarabangsa dan Protokol serta sebagai pusat rujukan setempat bagi pertubuhan dan persidangan antarabangsa yang melibatkan Parlimen Malaysia

# BAHAGIAN URUS BANGUNAN DAN LANDSKAP

## Carta Organisasi Bahagian




## FUNGSI BAHAGIAN

- Merancang, mentadbir dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan pada infrastruktur, bangunan, landskap dan kediaman rasmi YPDR dan YPDN;

  a) kontrak penyelenggaraan berpenggal

  b) lantikan terus, sebutharga dan tender

- Menyelaras pelaksanaan projek pembangunan Parlimen di bawah pelaksanaan JKR agar berjalan mengikut jadual, kos dan kualiti yang ditetapkan

- Menyelaras dan memantau projek di bawah tempoh tanggungan kecacatan (DLP):

  a) Di bawah pelaksanaan JKR

  b) Di bawah pelaksanaan Parlimen

- Memastikan infrastruktur dan bangunan Parlimen dalam keadaan baik sepanjang masa di Bangunan Parlimen dan kediaman rasmi YPDN & YPDR.

- Memastikan tahap kebersihan dan landskap di seluruh kawasan Parlimen berada dalam keadaan bersih dan terurus.

- Memastikan sistem Mekanikal beroperasi dengan baik sepanjang masa di Bangunan Parlimen dan kediaman rasmi YPDN & YPDR.

- Memastikan sistem Elektrikal dan Sistem Keselamatan beroperasi dengan baik sepanjang masa di Bangunan Parlimen dan kediaman rasmi YPDN & YPDR.

- Mengurus, menyelaras, memantau dan melaksanakan persediaan fasiliti bagi majlis-majlis rasmi di Parlimen.

# PENSTUKTURAN SEMULA SEKRETARIAT PARLIMEN MALAYSIA

Berkuatkuasa pada 1 Oktober 2013, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan sebanyak 18 jawatan naik gred dan 52 jawatan baru di Parlimen Malaysia.

Asas kepada penstukturan semula perjawatan organisasi Parlimen Malaysia ialah :

(a) Memperkukuh kemudahan dan infrasruktur Teknologi Maklumat di Parlimen Malaysia;

(b) Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Parlimen dalam perjalanan Persidangan Dewan, kemudahan Ahli Parlimen, penyelidikan legislatif, pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan dan keselamatan Parlimen;

(c) Mengantarabangsakan Parlimen Malaysia;

(d) Merakyatkan institusi demokrasi berparlimen melalui program advokasi untuk menggalakkan penyertaan orang awam dalam proses penggubalan undang-undang; dan

(e) Menambah baik kemudahan prasarana dan penyelenggaraan fasiliti Parlimen sebagai Warisan Kebangsaan.

Melalui penstukturan semula ini, beberapa cadangan telah diluluskan antaranya ialah :

a) Jawatan-jawatan seperti Pegawai Tugas-tugas Khas dan Setiausaha Akhbar di Pejabat Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat telah diwujudkan;

b) Cawangan Teknologi Maklumat telah dinaiktaraf kepada Bahagian Teknologi Maklumat;

c) Unit Penyelidikan telah dinaiktaraf kepada Bahagian juga telah diwujudkan jawatan Ketua Bahagian dan Ketua Seksyen;

d) Seksyen Ahli Parlimen (One Stop Centre) telah diwujudkan di Bahagian Pengurusan;

e) Unit Perhubungan Korporat telah dinaiktaraf kepada Bahagian dan telah diwujudkan Seksyen Pendidikan untuk memberi penerangan kepada pelajar dan masyarakat umum mengenai sistem demokrasi berparlimen;

f) Unit Jawatankuasa Dewan di Seksyen Perundangan dan Prosiding, Seksyen Penyata Rasmi dan Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan dalam Pengurusan Dewan telah diwujudkan;

g) Dua (2) jawatan Jurutera Elektrik dan Jurutera Awam gred J48 yang mengetuai Seksyen Elektrik dan Seksyen Kerja Awam dan Stuktur telah diwujudkan;

h) Jawatan Timbalan Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia telah diwujudkan;

i) Bahagian Pengurusan Dasar dan Inovasi telah diwujudkan; dan

j) Cawangan Keselamatan telah dinaiktaraf kepada Bahagian.

# CARTA ORGANISASI PARLIMEN MALAYSIA

(BERKUATKUASA 1 JANUARI 2014 - ARAHAN PENT BIL. 1/2014)




YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT
TYDP DEWAN RAKYAT
TYDP DEWAN RAKYAT
SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT
DATUK ROOSME BT HAMZAH
BAHAGIAN SENGGARA FASILITI DAN LANDSKAP
IR. RUHANI BT HAJI ALI
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
RUZAIDA BT TIRUN
BAHAGIAN PERHUBUNGAN ANTARA DAN PROTOKOL
ADAM BIN ABU HANIPAH
BAHAGIAN PENGURUSAN DEWAN RAKYAT
CHE SEMAN BIN PA CHIK
SEKSYEN STRUKTUR KERJA AWAM DAN LANDSKAP
SITI NURULHUDA BT AMIRRUDIN
SEKSYEN MEKANIKAL
ABDUL JAWAT BIN MANSOR
SEKSYEN ELEKTRIKAL
IR. HALIMAH BT MOHAMAD
SEKSYEN PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI DAN MULTIMEDIA
KOSONG
SEKSYEN OPERASI DAN TEKNIKAL
DR. RADIAH BT AMIN
SEKSYEN PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN (MULTILATERAL)
ZAMRIZAM BIN SAMSURI
SEKSYEN PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN (BILATERAL)
CHEANG JIE YING
SEKSYEN PERUNDANGAN DAN PROSIDING
AMISYAHRIZAN BIN AMIR KHAN
SEKSYEN PENYATA RASMI
KOSONG
SEKSYEN JURUBAHASA DAN TERJEMAHAN
MAZIDAH BT MOHAMED
SEKSYEN BENTARA
LT. KOL (B) MORAD BIN OMAR
PETUNJUK
urusan Pentadbiran dan Perkhidmatan
urusan Persidangan Dewan Rakyat
urusan Persidangan Dewan Negara
urusan Persidangan Antarabangsa dan Protokol

# LAPORAN BAHAGIAN/ CAWANGAN/ UNIT

Parlimen Malaysia





# PEJABAT KETUA PENTADBIR

Parlimen Malaysia





# PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

## TUGAS-TUGAS PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

| JENIS TUGAS | CATATAN | KUANTITI YANG DITERIMA | PENCAPAIAN 2013 | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| PANDANGAN UNDANG-UNDANG SECARA BERTULIS | Termasuk jawapan bagi soalan Parlimen, maklum balas dan ulasan kepada minit mesyuarat, ulasan bagi Memorandum Jemaah Menteri, dan ulasan bagi apa-apa perkara perundangan. | 237 | 216 pandangan undang-undang diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. 21 pandangan undang-undang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 14 hari. | Terdapat pandangan yang melebihi tempoh 14 hari. Ini terjadi kerana terdapat beberapa isu atau maklumat penting yang diperlukan daripada organisasi atau entiti luar sebelum pandangan tersebut boleh dimuktamadkan. Kerap kali ulasan entity luar tersebut diterima lewat daripada masa yang ditetapkan dan ini mengakibatkan Pejabat PUU tidak dapat memenuhi tempoh masa yang ditetapkan. |
| PANDANGAN UNDANG-UNDANG SECARA LISAN | Termasuk pandangan undang-undang yang diberi dalam mesyuarat, perbincangan, rundingan, secara *walk-in* dan melalui panggilan telefon. | 190 | 190 ulasan lisan diselesai dalam tempoh masa yang ditetapkan. | |
| KAJIAN UNDANG-UNDANG | Termasuk kajian yang dijalankan bagi tujuan cadangan pembaharuan dan penggubalan undang-undang dan sebagainya. | 13 | 13 kajian berjaya diselesaikan. | |

| JENIS TUGAS | CATATAN | KUANTITI YANG DITERIMA | PENCAPAIAN 2013 | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | Kuantiti yang dinyatakan adalah bilangan permohonan kajian yang diterima dan tidak mengambil kira bilangan mesyuarat, rundingan dan sebagainya bagi suatu kajian itu. | | | |
| KHIDMAT NASIHAT SECARA UMUM | Termasuk memberi maklum balas dan penjelasan kepada orang awam/pengadu berhubung dengan bidang kuasa/ prosedur agensi/ aduan yang diterima oleh Suruhanjaya/ Tribunal/ JBG. | 11 | Selesai dalam tempoh masa yang ditetapkan. | |
| MENGGUBAL/ MENYEMAK SURAT CARA PERUNDANGAN | Termasuk semua jenis surat cara perundangan seperti perjanjian/ MOU/surat setuju terima/ surat niat (letter of intent)/ surat jaminan/surat pertuduhan dan lain-lain.<br><br>Kuantiti yang dinyatakan adalah bilangan surat cara perundangan yang diterima dan tidak mengambil kira bilangan mesyuarat, rundingan dan sebagainya bagi suatu surat cara perundangan itu. | 21 | 21 surat cara perundangan selesai dalam tempoh masa yang ditetapkan. | |
| MENGGUBAL/ MENYEMAK RANG UNDANG-UNDANG | Kuantiti yang dinyatakan adalah draf rang undang-undang yang diterima dan tidak mengambil kira bilangan mesyuarat, rundingan dan sebagainya bagi suatu draf rang undang-undang itu. | 0 | Tiada draf Rang Undang-Undang (termasuk pindaan Peraturan Mesyuarat) telah dikemukakan kepada Pejabat PUU bagi tahun 2013. | |

| JENIS TUGAS | CATATAN | KUANTITI YANG DITERIMA | PENCAPAIAN 2013 | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| MENGGUBAL/ MENYEMAK PERUNDANGAN SUBSIDIARI | Kuantiti yang dinyatakan adalah draf perundangan subsidiari yang diterima dan tidak kira bilangan mesyuarat, rundingan dan sebagainya bagi suatu draf perundangan subsidiari itu. | 0 | Tiada draf Rang Undang-Undang subsidiari telah dikemukakan kepada Pejabat PUU bagi tahun 2013. | |
| KES TATATERTIB | Kuantiti yang dinyatakan adalah bilangan kes tatatertib yang diterima oleh Jawatankuasa Tatatertib yang dianggotai oleh Pegawai Undang-Undang. | 9 | Selesai dalam tempoh masa yang ditetapkan. | |
| MESYUARAT YANG DIHADIRI (TERMASUK MESYUARAT BUKAN BERKAITAN PERKARA UNDANG-UNDANG) | Kuantiti mesyuarat yang dihadiri sepanjang tahun. | 251 | Hadir semua mesyuarat tersebut. | |

# UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT

## TUGAS UTAMA UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT

Unit Perhubungan Korporat diwujudkan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan sistem penyampaian maklumat secara efektif dan berkesan. Hal ini selaras dengan pemakaian Panduan Pengurusan Pejabat, Bahagian IV dan V, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007.

### 1. Pengurusan Media

Tugas utama Unit Perhubungan Korporat adalah menyebarkan berita dan informasi berkaitan Parlimen Malaysia seperti Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat, kunjungan hormat daripada luar negara serta majlis-majlis rasmi Parlimen Malaysia. Secara umumnya, Unit Perhubungan Korporat bertindak sebagai ejen responsif yang menjadi penghubung antara pihak media dan Parlimen Malaysia. Unit ini akan mengeluarkan Nota Kepada Pengarang (*Note to Editor*) kepada media elektronik dan media massa 3 hari sebelum berlangsungnya majlis untuk media membuat liputan mengenai majlis tersebut. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 106 kenyataan media telah dikeluarkan merangkumi makluman dan kenyataan berhubung majlis rasmi mahupun isu-isu semasa berkenaan jabatan ini

Selain itu, Unit Perhubungan Korporat juga bertanggungjawab untuk memaklumkan berita-berita ini kepada kakitangan Parlimen melalui emel rasmi Unit Perhubungan Korporat iaitu mediaparlimen@parlimen.gov.my. Unit ini juga aktif menyebarkan maklumat mengenai Parlimen Malaysia melalui media sosial seperti Facebook Rasmi Parlimen Malaysia. Selain itu, pemantauan terhadap media elektronik dan cetak akan dilakukan setiap hari sepanjang tahun.

Di samping itu juga, Unit Perhubungan Korporat juga berperanan menguruskan Pusat Media di Parlimen Malaysia. Pusat Media ini akan menempatkan petugas-petugas media rasmi dan swasta juga media web portal terutamanya ketika waktu persidangan. Pusat Media ini juga menempatkan 2 mini studio milik Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan TV3. Secara kasarnya, sebanyak 200 hingga 250 sidang media telah diadakan dalam masa setahun.

### 2. Menyelaras Lawatan Rasmi Delegasi Dalam dan Luar Negara

Semua pelawat samada individu atau berkumpulan, institusi dan pertubuhan boleh mengunjungi Parlimen Malaysia. Semua permohonan lawatan boleh dibuat secara bertulis atau melalui *online* di Portal Rasmi Parlimen Malaysia selewat-lewatnya 5 hari bekerja sebelum tarikh lawatan. Lawatan hanya dibenarkan semasa hari bekerja sahaja dan terbuka kepada semua pelawat samada dari dalam ataupun luar negara. Untuk pelawat luar yang berstatus Ahli Parlimen atau mewakili jabatan atau agensi luar negara, Unit Perhubungan Korporat akan bekerjasama dengan Bahagian Protokol dan Perhubungan Antarabangsa dan Cawangan Jurubahasa Serentak.

## JUMLAH PELAWAT KE PARLIMEN MALAYSIA TAHUN 2013 MENGIKUT KATEGORI




*Rajah menunjukkan jumlah pelawat ke Parlimen Malaysia mengikut kategori pelawat pada tahun 2013.*

Pada 2013, Parlimen Malaysia telah menerima sebanyak 15,174 pelawat pada Pelajar sekolah merekodkan 53% daripada jumlah pelawat pada tahun 2013 disebabkan mereka mempunyai silibus berkaitan Parlimen yang diajar di dalam kelas.






*Graf garis menunjukkan jumlah pelawat ke Parlimen Malaysia mengikut bulan pada tahun 2013. Bulan Oktober mencatatkan jumlah pelawat paling tinggi iaitu 3472 orang pelawat, manakala bulan Mei mencatat jumlah pelawat yang paling rendah iaitu seramai 44 orang pelawat sahaja.*

### 3. Bertanggungjawab Dalam Penghasilan dan Penerbitan Bahan-bahan Cetakan

Unit Perhubungan Korporat juga terlibat secara langsung dalam penghasilan dan penerbitan bahan-bahan cetakan seperti Buku Laporan Tahunan, Buletin Parlimen Malaysia juga risalah-risalah mengenai Parlimen Malaysia.

Unit ini bertanggungjawab untuk mengumpul dan menyelaras bahan-bahan yang akan dimuatkan dalam bahan-bahan cetakan ini. Selain itu, pemilihan gambar-gambar juga akan dilakukan oleh Unit Perhubungan Korporat. Buletin Parlimen dan Buku Laporan Tahunan akan diterbitkan sekali setahun manakala bahan-bahan cetakan lain adalah bergantung kepada keperluan.

### 4. Liputan Bergambar

Seorang ahli fotografi telah dilantik dibawah Unit Perhubungan Korporat (UPK). Ahli fotografi ini bertanggungjawab membuat liputan foto untuk setiap majlis rasmi jabatan seperti Majlis Angkat Sumpah Ahli Dewan Negara/ Dewan Rakyat, Upacara Pembukaan Penggal Baru Parlimen, Pembentangan Belanjawan, Kunjungan Hormat ke atas Yang di-Pertua Dewan Negara/Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara/Dewan Rakyat, lawatan dari luar negara serta majlis rasmi dan tidak rasmi di Parlimen Malaysia.

### 5. Pengurusan Acara-acara Rasmi Jabatan

Unit Perhubungan Korporat juga bertanggungjawab dalam menguruskan acara-acara rasmi dan tidak rasmi Parlimen Malaysia. Pada kebiasaanya, unit ini akan terlibat untuk memastikan perjalanan majlis berjalan dengan lancar. Secara purata,pada tahun 2013, sebanyak 30 acara-acara rasmi telah diuruskan oleh Unit Perhubungan Korporat. Di antara acara-acara yang telah di uruskan oleh Unit Perhubungan Korporat bagi tahun 2013 adalah seperti berikut :

# 2013

| | |
|---|---|
| **19 Januari** | **20 Februari** |
| Malam Apresiasi dan Pelancaran Portal Parlimen Malaysia | Majlis menanam pokok dibawah program Hutan @ Parlimen |
| **12 Mac** | **30 April** |
| Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Wira Lahad Datu kepada Media Prima Berhad | Majlis Pelancaran Teras Strategik Parlimen Malaysia (2013-2018) & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 |
| **8 Mei** | **31 Mei** |
| Majlis Pelancaran Program Senam 1Malaysia | Majlis Perhimpunan Bulanan (Mei) & Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Terpuji 2012 |
| **4 Jun** | **11 Jun** |
| Majlis Penyerahan Tugas YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri | Majlis Taklimat Ahli-Ahli Dewan Rakyat Parlimen Malaysia |
| **24 Jun** | **25 Jun** |
| Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Rakyat | Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Majlis Parlimen Malaysia Yang Ketiga Belas |
| **10 Julai** | **23 Julai** |
| Majlis Berbuka Puasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat Bersama YB Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan Warga Parlimen Malaysia | Majlis Berbuka Puasa Yang di-Pertua Dewan Negara bersama YB Ahli-Ahli Dewan Negara dan Warga Parlimen Malaysia |
| **30 Julai** | **29 Ogos** |
| Majlis Rakaman Takbir Hari Raya bagi Pegawai-pegawai Atasan dan Kakitangan Parlimen Malaysia | Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri |
| **18 September** | **25 Oktober** |
| Sambutan Rasmi Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama (TYT) Dr. Tony Tan Keng Yam | Pembentangan Bajet 2014 |
| **6 November** | **8 Disember** |
| Majlis Persaraan Pegawai; Puan Aziyah Binti Abdul Aziz, Penolong Akauntan dari Cawangan Kewangan | Program Larian Sempena Sambutan 50 Tahun Bangunan Parlimen Malaysia |
| **14 Disember** | Pertandingan Fotografi |
| Majlis Penyampaian Hadiah dan Pertandingan Mewarna & Melukis Sambutan 50 Tahun Bangunan Parlimen Malaysia | Galeri Pameran Sempena Sambutan 50 Tahun Bangunan Parlimen Malaysia |

Sebelum berlangsungnya majlis, unit ini akan mengenalpasti aturcara bagi majlis tersebut, menyediakan kad jemputan, menyenaraikan senarai tetamu kehormat dan jemputan lain serta menghebahkan mengenai majlis tersebut kepada wakil-wakil media.

Di samping itu, pada kebiasaannya, pegawai dari Unit Perhubungan Korporat juga akan dipertanggungjawabkan untuk menjadi pengacara majlis di dalam majlis ini. Selain itu, memastikan majlis berlangsung mengikut atur cara yang telah ditetapkan dan selesai mengikut jangkaan masa yang telah diberikan adalah tanggungjawab terbesar unit ini.

**6. Menguruskan aduan dan pertanyaan**

Unit Perhubungan Korporat juga bertanggungjawab untuk menguruskan segala aduan dan pertanyaan dan pada kebiasaanya aduan yang diterima adalah melalui e-mel, portal Parlimen Malaysia dan juga *Feedback Management System*. Secara kasarnya, aduan yang diterima pada 2012 ialah sebanyak 10 aduan dan 31 pertanyaan. Semua aduan dan pertanyaan akan dijawab dalam masa 3 hari bekerja

**7. Menerima panggilan telefon**

Kebiasaannya, semua panggilan telefon daripada pihak luar akan diuruskan oleh Unit Khidmat Pelanggan yang juga berada di bawah penyeliaan Unit Perhubungan Korporat. Secara purata dalam masa sehari, jumlah panggilan yang diterima ialah sebanyak 200 ke 250 panggilan. Tetapi jumlah ini akan meningkat terutamanya apabila berlangsungnya Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Panggilan yang diterima adalah merangkumi pertanyaan atau maklumat-maklumat berkaitan Parlimen Malaysia dan Persidangan Dewan Negara/Rakyat seperti tarikh bermula persidangan, maklumat berkaitan Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, prosedur untuk membuat lawatan ke Parlimen Malaysia dan sebagainya.

# UNIT PENYELIDIKAN

## PENGENALAN

Unit Penyelidikan ditubuhkan pada 2005 untuk membantu ahli-ahli Parlimen terutamanya dalam kerja-kerja untuk mendapatkan maklumat dan hal-hal penyelidikan yang menyentuh mengenai isu-isu perbahasan dalam kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Ahli-ahli Parlimen yang dibantu adalah ahli-ahli Parlimen yang tidak menjawat apa-apa jawatan dalam cabang eksekutif.

## 2013 - SEPINTAS LALU

Bilangan hari bersidang untuk penggal pertama Parlimen Ketigabelas adalah lebih singkat jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah kerana Parlimen Keduabelas telah dibubarkan pada 3 April 2013 dan pilihan raya umum Malaysia Ketigabelas telah diadakan pada 5 Mei 2013. Istiadat Pembukaan rasmi Parlimen Ketigabelas telah disempurnakan pada 25 Jun 2013 dan upacara mengangkat sumpah ahli-ahli Dewan Rakyat pada 26 Jun 2013.

Secara keseluruhan, bilangan hari bersidang pada 2013 adalah 72 hari berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 101 hari (2012). Ini adalah pengurangan sebanyak 29 hari. Pengurangan hari bersidang memberi kesan secara langsung kepada bilangan kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan.

## FUNGSI-FUNGSI TERAS - PENCAPAIAN 2013

Secara khusus, empat fungsi teras Unit Penyelidikan adalah untuk membantu ahli-ahli Parlimen dalam (a) menyediakan nota-nota perbahasan, (b) menganalisis rang undang-undang, (c) membantu dalam penyelidikan isu-isu semasa dan (d) menyediakan Ikhtisar dan Nota Percakapan untuk ahli-ahli Parlimen yang menghadiri persidangan, seminar, bengkel di peringkat antarabangsa.

Ringkasan kerja-kerja penyelidikan sepanjang 2013 adalah seperti di Jadual 1di bawah:-

**JADUAL 1: BILANGAN KERJA PENYELIDIKAN: PERBANDINGAN 2012 DAN 2013**

| NO. | FUNGSI TERAS | BILANGAN (2012) | BILANGAN (2013) |
|---|---|---|---|
| 1. | Penyediaan Nota Perbahasan | 143 | 65 |
| 2. | Analisis Rang Undang-undang (RUU) | 287 | 187 |
| 3. | Penyelidikan Isu-isu Semasa | 121 | 262 |
| 4. | Ikhtisar dan Nota Percakapan | 47 | 57 |

## PENYERTAAN DALAM SEMINAR/ BENGKEL ANTARABANGSA - 2013

Unit Penyelidikan telah menghantar beberapa pegawai untuk mengambil bahagian dan membentangkan kertas kerja dalam seminar dan bengkel di peringkat antarabangsa. Seminar dan bengkel yang telah dihadiri adalah seperti berikut:-

(A) ***Capacity Development For Asean Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) - Workshop on Complex Information Management (CIM) - Jakarta, Indonesia (28 & 29 Oktober 2013)***

Penyelaras Penyelidik, Encik Asri Adnan telah menghadiri bengkel yang dianjurkan secara bersama oleh Sekretariat AIPA di Jakarta, Republik Indonesia, German Cooperation dan *Deutsche Gesellschaft Fur Internationale Zusammenarbeit* (GIZ). Turut sama menyertai bengkel tersebut adalah Encik Muhd Sujairi Abdullah, Setiausaha Bahagian Perhubungan Antarabangsa dan Protokol.

Bengkel ini merupakan sebahagian daripada program pembangunan kapasiti AIPA. Ia merupakan siri pertama program yang dianjurkan oleh Sekretariat AIPA di Jakarta khusus untuk pegawai-pegawai parlimen negara-negara ASEAN yang terlibat dalam perkhidmatan penyelidikan dan “*advisory*” di parlimen negara-negara AIPA. Seramai 29 peserta dari 9 negara ASEAN menghadiri bengkel ini.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk (i) mendapatkan maklumbalas mengenai skop perkhidmatan penyelidikan dan “*advisory*” yang disediakan oleh parlimen di negara-negara AIPA dan (ii) menganalisis keperluan untuk meningkatkan kapasiti perkhidmatan penyelidikan di parlimen-parlimen tersebut. Objektif Sekretariat AIPA adalah untuk membantu bagi memastikan kejayaan program tersebut dibawah senario “Komuniti ASEAN 2015”.

(B) ***The 4th International Seminar for Parliamentary Research Services - Seoul, Republic of Korea - 31 Oktober hingga 2 November 2013***

Penyertaan Parlimen Malaysia dalam seminar kali keempat yang diadakan dari 31 Oktober hingga 2 November 2013 di Seoul, Republik Korea dari 31 Oktober hingga 2 November 2013 telah diwakili oleh dua pegawai penyelidik iaitu Puan Rozana Abdullah dan Encik Siritharan Kuttapan. Seminar tahunan yang dianjurkan untuk kali yang keempat ini telah dihadiri oleh penyelidik-penyelidik dari 17 buah negara.

Tujuan seminar tahunan ini diadakan, antara lain, adalah untuk menyatu dan memperkasa peranan yang dimainkan oleh kumpulan penyelidik dari parlimen-parlimen pelbagai negara dari seluruh dunia selain daripada menyediakan landasan bagi kumpulan penyelidik tersebut untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka.

Seminar kali ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu Sesi 1 di bawah tajuk “P*arliamentary Research Services: Issues, Challenges, and the Way Ahead*” dan Sesi 2 di bawah tajuk “*Women’s Political Particiapation: Issues, Challenges, and the Way Ahead*”.

Sesi 1 dipengerusikan oleh delegasi dari Amerika Syarikat dengan pembentangan dari delegasi Laos, Jepun, Iran dan Indonesia. Sesi 2 dipengerusikan oleh delegasi dari Iran dengan pembentangan dari delegasi Vietnam, Uzbekistan, Thailand, India dan negara tuan rumah, Republik Korea.

## LATIHAN, SEMINAR DAN BENGKEL

Sepanjang 2013, kesemua pegawai-pegawai penyelidik telah dihantar untuk menghadiri pelbagai kursus latihan, seminar dan bengkel untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka termasuklah menghadiri taklimat-taklimat mengenai isu-isu semasa yang khusus dan juga berbentuk am. Antara seminar dan taklimat yang telah dihadiri termasuklah *INTAN Economic Seminar Series*, Seminar Institusi Raja, dan Seminar Pilihan Raya Umum Yang ke-13 (anjuran Pejabat Peguam Negara dan Suruhanjaya Pilihan Raya).

## PENEMPATAN KHAS

Sepanjang 2013, tiga pegawai penyelidik telah ditempatkan secara khusus ke beberapa pejabat untuk membantu dalam kerja-kerja penyelidikan. Pegawai-pegawai tersebut adalah:-

a) Encik Ahmad Fauzi Mustafa - Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
b) Encik Johari Junid - Pejabat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara
c) Puan Kamala Bhaie - Pejabat Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Susulan dari penempatan khas ini, portfolio pegawai-pegawai penyelidik telah dirombak semula dan senarai portfolio baru telah ditetapkan untuk 10 pegawai penyelidik yang masih berkhidmat secara sepenuh masa di Unit Penyelidikan.


PARLIMEN
MALAYSIA

# BAHAGIAN PENGURUSAN DEWAN

Parlimen Malaysia




PAYA BESAR
BUKIT KATIL
LABUAN
KAPIT
KANOWIT

# BAHAGIAN PENGURUSAN DEWAN

## PEMBUBARAN PARLIMEN KEDUA BELAS 2012

Parlimen Kedua Belas telah dibubarkan pada hari Rabu, 3 April 2013. YBTan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menerima proklamasi perisytiharan pembubaran Parlimen Kedua Belas. Dengan perisytiharan itu, maka tempoh majlis Parlimen Kedua Belas adalah selama 4 Tahun 11 bulan. Tempoh ini adalah antara yang terpanjang dalam sejarah Majlis Parlimen Malaysia.

Susulan daripada pembubaran Parlimen, penamaan calon telah diadakan pada hari Sabtu, 20 April 2013 dan disusuli dengan Pilihanraya Umum Ketiga Belas pada hari Ahad, 5 Mei 2013. Keputusan Pilihanraya Umum Ketiga Belas menyaksikan Barisan Nasional memenangi 133 kerusi manakala pihak Pembangkang memperolehi 89 kerusi.

## MAJLIS TAKLIMAT AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT MAJLIS PARLIMEN KETIGA BELAS

Satu sesi taklimat kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat Parlimen ke-13 telah diadakan pada hari Selasa, 11 Jun 2013. Sesi ini adalah untuk memberi taklimat dan penjelasan mengenai prosedur persidangan Dewan Rakyat dan kemudahan Yang Berhormat Ahli-ahli. Majlis taklimat ini telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Datuk Roosme bt. Hamzah (Setiausaha Dewan Rakyat) dan Yang Berbahagia Dato' Lamien Sawiyo (Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia).

Pada majlis ini juga, YB Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia, Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah melancarkan "E-Buku Majlis Parlimen Ketiga Belas". E-Buku ini adalah dokumen rujukan digital dalam bentuk DVD dan pemacu *thumb drive* yang mengandungi maklumat yang berkaitan dengan prosedur Parlimen, kemudahan dan keistimewaan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen.

**SETIAUSAHA Dewan Rakyat, Datuk Rosmee Hamzah menyampaikan taklimat kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam.**
UTUSAN/MOHD. NAIM AZIZ



Perasmian Majlis Taklimat Ahli-ahli Dewan Rakyat



Pelancaran E-Buku Parlimen Ketiga Belas



## PEMILIHAN TUAN YANG DIPERTUA DEWAN RAKYAT

Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas telah diadakan pada hari Isnin, 24 Jun 2013. Hari pertama persidangan dimulai dengan Setiausaha memaklumkan kepada Dewan Rakyat tentang Proklamasi Yang Di-Pertuan Agong Memanggil Parlimen Untuk Bermesyuarat mengikut Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan.

Menurut Peraturan Mesyuarat 1, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, urusan pertama adalah pemilihan Tuan Yang di-Pertua. Dua nama telah dicadangkan iaitu satu daripada pihak Kerajaan dan satu lagi daripada pihak pembangkang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak mencadangkan Yang Berhormat Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia dan telah disokong oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin.

Pencalonan kedua ialah Yang Berbahagia Datuk Abdul Kadir Sulaiman yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim (Ahli Parlimen Bandar Tun Razak) dan disokong oleh Yang Berhormat Karpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor).

Menurut Peraturan Mesyuarat 4, memandangkan lebih daripada satu nama telah dicadangkan, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah memilih Yang di-Pertua melalui pengundian.Yang Berhormat Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia mendapat sebanyak 133 undi berbanding 89 undi yang diterima oleh Yang Berbahagia Datuk Abdul Kadir Sulaiman.

Oleh yang demikian, berdasarkan keputusan tersebut, Yang Berhormat Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia dimasyhurkan sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Beliau seterusnya telah mengangkat sumpah sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat bagi Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas.





## ISTIADAT MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT MAJLIS PARLIMEN KETIGA BELAS

Seramai 222 orang ahli Yang Berhormat telah mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Rakyat Parlimen ke-13 pada hari Isnin, 24 Jun 2013. Majlis angkat sumpah ini dilaksanakan selepas urusan pemilihan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Sumpah yang dilafazkan adalah seperti yang disebutkan dalam Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan. Majlis telah dimulakan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin mengangkat sumpah, serta diikuti oleh ahli-ahli Dewan Rakyat yang lain.





## PEMILIHAN TIMBALAN-TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Pada hari Isnin, 24 Jun 2013 juga setelah selesai semua 222 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat mengangkat sumpah, urusan pemilihan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah diadakan. Bagi Timbalan Yang di- Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak mencadangkan Yang Berhormat Datuk Ronald Kiandee (Ahli Parlimen Beluran) dan Yang Berhormat Dato' Haji Ismail Mohamed Said (Ahli Parlimen Kuala Krau) dan disokong oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin. Oleh kerana tiada pencalonan lain, Dewan Rakyat telah memasyhurkan kedua-dua Ahli Yang Berhormat Beluran dan Kuala Krau sebagai Timbalan Yang di- Pertua Dewan Rakyat.

## ISTIADAT PEMBUKAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KETIGA BELAS

Majlis Perasmian Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas telah diadakan pada hari Selasa, 25 Jun 2013, jam 10 pagi. Perasmian ini telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Ini merupakan tahun ketiga baginda merasmikan Persidangan Parlimen selepas ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-13.

Istiadat pada penggal ini mencatat sejarah kerana pertama kali Upacara Kawalan Kehormatan diadakan di Dewan Bankuet di Bangunan Parlimen disebabkan oleh cuaca jerebu yang melanda ibu negara ketika itu.

Bahagian Pengurusan Dewan telah menjadi urusetia kepada Istiadat Pembukaan Sidang Parlimen tersebut. Mesyuarat penyelarasan telah diadakan seawal 18 Februari 2013 dan kali keduanya pada Selasa 23 April 2013 dengan agensi-agensi utama seperti Istana Negara, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa dan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Luar Negeri, Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Filem Negara, dan lain-lain. Mesyuarat ini dan beberapa siri mesyuarat dalaman serta raptai telah dipengerusikan oleh Setiausaha Dewan Rakyat.

Dalam perarakan Istiadat Pembukaan Parlimen, Bentara Mesyuarat bertanggungjawab memimpin perarakan masuk ke dalam Dewan Persidangan. Selain itu, Bentara juga memastikan keselamatan semasa Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat/Dewan Negara bersidang.

Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas diadakan bersesama dengan kedua-dua Majlis Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan, Speaker-speaker Dewan Undangan Negeri, Menteri-menteri Besar, duta-duta asing serta tetamu-tetamu jemputan.





## MESYUARAT-MESYUARAT PENGGAL PERTAMA, MAJLIS PARLIMEN KETIGA BELAS

Mesyuarat-mesyuarat Dewan Rakyat bagi Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

| MESYUARAT | TARIKH | BILANGAN HARI | TAMBAHAN HARI | BILANGAN TAMBAHAN HARI | JUMLAH HARI PERSIDANGAN |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | 24 Jun hingga 18 Julai 2013 | 16 hari | Tiada | Tiada | 16 hari |
| Kedua | 23 September hingga 3 Oktober 2013 | 8 hari | Tiada | Tiada | 8 hari |
| Ketiga | 21 Oktober hingga 5 Disember 2013 | 27 hari | Tiada | Tiada | 27 hari |

Mesyuarat-mesyuarat Dewan Negara bagi Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

| MESYUARAT | TARIKH | BILANGAN HARI |
|---|---|---|
| Pertama | 25 Jun 2013, 22 Julai hingga 1 Ogos 2013 | 9 hari |
| Kedua | 7 hingga 10 Oktober 2013 | 4 hari |
| Ketiga | 9 hingga 19 Disember 2013 | 8 hari |

Sepanjang tahun 2013, Dewan Rakyat telah bersidang sebanyak 51 hari manakala Dewan Negara telah bersidang sebanyak 21 hari.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN PENYATA RASMI DEWAN RAKYAT / DEWAN NEGARA

Sebelum persidangan berlangsung, Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara telah mengeluarkan notis pemberitahuan Persidangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian, Agensi-agensi Kerajaan serta pihak-pihak berkenaan. Tarikh-tarikh notis tersebut adalah seperti berikut:

### DEWAN RAKYAT

| MESYUARAT | TARIKH NOTIS |
|---|---|
| Pertama | 22 Mei 2013 |
| Kedua | 21 Ogos 2013 |
| Ketiga | 19 September 2013 |

## DEWAN NEGARA

| MESYUARAT | TARIKH NOTIS |
|---|---|
| Pertama | 12 Jun 2013 |
| Kedua | 28 Ogos 2013 |
| Ketiga | 30 Oktober 2013 |





Dalam persediaan Persidangan Dewan Rakyat/Dewan Negara, satu Mesyuarat Pra-Persidangan bagi membincangkan Aturan Urusan Mesyuarat, termasuk soalan-soalan jawab lisan dan bertulis, Usul-usul dan Rang Undang-Undang telah diadakan bersama Parlimen Malaysia dengan Kementerian-kementerian. Sebanyak tiga mesyuarat telah diadakan bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi tahun 2013 yang dipengerusikan oleh Setiausaha Dewan Rakyat/Dewan Negara. Tarikh-tarikh mesyuarat adalah seperti berikut:

**Dewan Rakyat:**
- Isnin, 10 Jun 2013
- Isnin, 9 September 2013
- Isnin, 7 Oktober 2013

**Dewan Negara:**
- Jumaat, 5 Julai 2013
- Jumaat, 20 September 2013
- Jumaat, 26 November 2013

Ahli-ahli Parlimen dan pihak awam dapat mengakses Aturan Urusan Mesyuarat harian dengan melayari Portal Rasmi Parlimen Malaysia (*http://www.parlimen.gov.my*)

Aturan Urusan Mesyuarat harian boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris yang telah diterjemahkan oleh Cawangan Jurubahasa Serentak.

Manakala Penyata Rasmi bagi hari persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah dapat disiapkan dengan baik setiap hari. Ahli-ahli Parlimen dan orang awam dapat mengakses penyata tersebut di dalam Portal Rasmi Parlimen Malaysia. Cawangan Penyata Rasmi juga turut bertanggungjawab untuk menyediakan Laporan Prosiding bagi Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas bagi Dewan Rakyat/Dewan Negara.

## RANG UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN SEPANJANG PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KETIGA BELAS

Semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Majlis Parlimen Ketiga Belas, Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah meluluskan **1 Rang Undang-Undang,** iaitu **Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013.**

Pada mesyuarat Kedua, sebanyak **4 Rang Undang-Undang** telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara iaitu:

- **Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013;**
- **Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013;**
- **Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013;** dan
- **Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013**

Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Majlis Parlimen Ketiga Belas pula telah meluluskan sebanyak **7 Rang Undang-undang**. Senarai Rang Undang-undang yang telah diluluskan semasa persidangan Mesyuarat Ketiga Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah seperti berikut:

- Rang Undang-undang Perbekalan 2014;
- Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013;
- Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013;
- Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013;
- Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2013;
- Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia)(Pengesahan)2013; dan
- Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan)2013

**Pembentangan Belanjawan 2014** telah dibentangkan oleh **Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan** di Dewan Rakyat pada Jumaat, 25 Oktober 2013, jam 4 petang.

Secara keseluruhannya, sebanyak **12** Rang Undang-undang telah diluluskan sepanjang persidangan Penggal Pertama Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi Majlis Parlimen Ketiga Belas ini. Senarai Rang Undang-undang yang diluluskan adalah seperti berikut:

| MESYUARAT | BIL | RANG UNDANG-UNDANG | KEMENTERIAN |
|---|---|---|---|
| Pertama | 1. | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 | Kementerian Kewangan |
| Kedua | 2. | Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013; | Jabatan Perdana Menteri |
| | 3. | Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013; | Jabatan Perdana Menteri |
| | 4. | Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 | Kementerian Kewangan |
| | 5. | Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 | Kementerian Dalam Negeri |

| MESYUARAT | BIL | RANG UNDANG-UNDANG | KEMENTERIAN |
|---|---|---|---|
| Ketiga | 6. | Rang Undang-undang Perbekalan 2014 | Kementerian Kewangan |
| | 7. | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013; | Jabatan Perdana Menteri |
| | 8. | Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013 | Kementerian Kewangan |
| | 9. | Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013 | Kementerian Dalam Negeri |
| | 10. | Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2013 | Kementerian Dalam Negeri |
| | 11. | Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan)2013 | Kementerian Pelancongan & Kebudayaan |
| | 12. | Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan)2013 | Kementerian Kesihatan |

## PEMBENTANGAN KERTAS PERINTAH DAN STATUT

Sepanjang tahun 2013, sebanyak **132 kertas statut** dan **85 Kertas Perintah** telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Contoh Kertas Statut dan Kertas Perintah adalah seperti Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan daripada Agensi-agensi Kerajaan, Perintah-perintah serta dokumen-dokumen Perbendaharaan dan dokumen-dokumen Laporan Ketua Audit Negara.

Antara kertas statut yang mendapat perhatian umum adalah **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Pindaan) 2013 (ST.22 Tahun 2013)** dan **Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2013 (ST.23 Tahun 2012)** yang dibentangkan pada **17 Julai 2013** oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

## PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2014

Pembentangan Belanjawan 2014 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada **hari Jumaat, 25 Oktober 2013**. Bahagian Pengurusan Dewan merupakan bahagian teraju dalam persiapan pembentangan Belanjawan 2014 serta beberapa mesyuarat dalaman Parlimen Malaysia juga telah diadakan. Tujuan mesyuarat-mesyuarat ini adalah bagi memastikan kelancaran sesi pembentangan Belanjawan 2014 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan serta memastikan keselamatan dokumen-dokumen yang berkaitan.

Proses pembentangan dokumen-dokumen Bajet 2014 di Dewan Rakyat telah diadakan pada hari Khamis, 24 Oktober 2013, dengan kerjasama daripada beberapa agensi seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Setiap dokumen yang dibentangkan telah disertakan dengan satu set cakera padat (CD). Buat pertama kalinya juga, dokumen Senarai Perjawatan telah dibentangkan dalam bentuk CD, selaras dengan pindaan Peraturan Mesyuarat yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat pada hari Selasa, 27 November 2012.



## PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2012 SIRI I, SIRI II DAN SIRI III

Majlis Parlimen Ketiga belas mencatatkan sejarah apabila Laporan Ketua Audit Negara telah dibentangkan sebanyak **3 siri dalam setahun**. Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri I dan Siri II telah dibentangkan pada **hari Isnin, 1 Oktober 2013**. Berikut disenaraikan laporan-laporan yang telah dibentangkan:

| BIL | NOMBOR KERTAS PERINTAH | TAJUK LAPORAN |
|---|---|---|
| 1. | CMD.1 | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian / Jabatan dan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 Siri 1 |
| 2. | CMD.2 | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan PengurusanSyarikat Subsidiari Tahun 2012 Siri 1 |
| 3. | CMD.16 | Laporan Maklum Balas DaripadaPerbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit NegaraMengenai Aktiviti Kementerian / Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 1 |
| 4. | CMD.3 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2012 Siri 1 |
| 5. | CMD.4 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2012 Siri 1. |
| 6. | CMD.5 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2012 Siri 1. |
| 7. | CMD.6 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2012 Siri 1. |
| 8. | CMD.7 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2012 Siri 1. |
| 9. | CMD.8 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2012 Siri 1. |
| 10. | CMD.9 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2012 Siri 1. |

| BIL | NOMBOR KERTAS PERINTAH | TAJUK LAPORAN |
| --- | --- | --- |
| 11. | CMD.10 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2012 Siri 1. |
| 12. | CMD.11 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 Siri 1. |
| 13. | CMD.12 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2012 Siri 1. |
| 14. | CMD.13 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 1. |
| 15. | CMD.14 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012 Siri 1. |
| 16. | CMD.15 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2012 Siri 1. |
| 17. | CMD.25 | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian / Jabatan dan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 Siri 2. |
| 18. | CMD.26 | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Tahun 2012 Siri 2 |
| 19. | CMD.40 | Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian / Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2. |
| 20. | CMD.27 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2012 Siri 2. |
| 21. | CMD.28 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2012 Siri 2. |
| 22. | CMD.29 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2012 Siri 2. |
| 23. | CMD.30 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2012 Siri 2. |
| 24. | CMD.31 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2012 Siri 2 |
| 25. | CMD.32 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2012 Siri 2. |
| 26. | CMD.33 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2012 Siri 2. |
| 27. | CMD.34 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2012 Siri 2. |
| 28. | CMD.35 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 Siri 2. |
| 29. | CMD.36 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2012 Siri 2. |
| 30. | CMD.37 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 2. |
| 31. | CMD.38 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi DanPengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012 Siri 2. |
| 32. | CMD.39 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi DanPengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2012 Siri 2. |

Manakala bagi Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri III pula telah dibentangkan pada hari Isnin, 2 Disember 2013. Berikut disenaraikan laporan yang telah dibentangkan bagi siri III:

| BIL | NOMBOR KERTAS PERINTAH | TAJUK LAPORAN |
|---|---|---|
| 1. | CMD.48 | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Kementerian / Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012. |
| 2. | CMD.49 | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian / Jabatan dan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 Siri 3 |
| 3. | CMD.50 | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2012. |
| 4. | CMD.51 | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Tahun 2012 Siri 3. |
| 5. | CMD.52 | Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan, Aktiviti Kementerian / Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 3 |
| 6. | CMD.53 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Kedah Tahun 2012 |
| 7. | CMD.54 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Johor Tahun 2012 |
| 8. | CMD.55 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Kelantan Tahun 2012 |
| 9. | CMD.56 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Melaka Tahun 2012 |
| 10. | CMD.57 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2012 |
| 11. | CMD.58 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Pahang Tahun 2012 |
| 12. | CMD.59 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Perak Tahun 2012 |
| 13. | CMD.60 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Perlis Tahun 2012 |
| 14. | CMD.61 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 |
| 15. | CMD.62 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Sabah Tahun 2012 |
| 16. | CMD.63 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Sarawak Tahun 2012 |
| 17. | CMD.64 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Selangor Tahun 2012. |
| 18. | CMD.65 | Laporan Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Terengganu Tahun 2012 |
| 19. | CMD.66 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2012 Siri 3 |
| 20. | CMD.67 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2012 Siri 3 |

| BIL | NOMBOR KERTAS PERINTAH | TAJUK LAPORAN |
|---|---|---|
| 21. | CMD.68 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2012 Siri 3. |
| 22. | CMD.69 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2012 Siri 3 |
| 23. | CMD.70 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2012 Siri 3 |
| 24. | CMD.71 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2012 Siri 3 |
| 25. | CMD.72 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2012 Siri 3 |
| 26. | CMD.73 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2012 Siri 3 |
| 27. | CMD.74 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 Siri 3 |
| 28. | CMD.75 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2012 Siri 3 |
| 29. | CMD.76 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 3 |
| 30. | CMD.77 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012 Siri 3 |
| 31. | CMD.78 | Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2012 Siri 3 |

Seperti tahun-tahun kebelakangan, Bahagian Pengurusan Dewan dipertanggungjawabkan bagi persiapan dan persediaan pembentangan laporan ini. Proses pembentangan dokumen-dokumen laporan Ketua Audit Negara 2012 di Dewan Rakyat banyak dibantu dengan kerjasama daripada Jabatan Audit Negara dan Kementerian Kewangan.

Kesinambungan daripada pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2012 di Dewan Rakyat, Yang Berbahagia Tan Sri Ambrin Buang, Ketua Audit Negara, telah memberi taklimat dan membentangkan Laporan tersebut kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada **hari yang sama iaitu Selasa, 1 Oktober 2013 bagi Laporan Ketua Audit Negara Siri I dan Siri II**. Manakala **Laporan Ketua Audit Negara Siri III** pula telah diberi pada **Isnin, 2 Disember 2013**.





## JAWATANKUASA PEMILIH DEWAN RAKYAT

Pada 18 Julai 2013, Dewan Rakyat telah meluluskan satu usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai keanggotaan Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat Majlis Parlimen Ketiga Belas. Ahli-ahli tersebut ialah:

1. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia
   Yang di-Pertua Dewan Rakyat - (Pengerusi)

2. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
   Ahli Parlimen Pagoh / Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan

3. Yang Berhormat Datuk Seri Palanivel A/L Govindasamy
   Ahli Parlimen Cameron Highlands / Menteri Sumber Asli & Alam Sekitar

4. Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Anak Belaun
   Ahli Parlimen Selangau / Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

5. Yang Berhormat Dato' Sri Liow Tiong Lai
   Ahli Parlimen Bentong

6. Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
   Ahli Parlimen Permatang Pauh / Ketua Pembangkang

7. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang
   Ahli Parlimen Gelang Patah.

Susulan daripada itu, Jawatankuasa Pemilih Parlimen Ketiga Belas ini telah bermesyuarat pada 24 September 2013 bagi memilih ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat iaitu:

- Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
- Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat
- Jawatankuasa Dewan
- Jawatankuasa Hak & Kebebasan



## JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Pada Khamis, 18 Julai 2013, Dewan Rakyat telah meluluskan satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) mengenai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi PAC. Manakala bagi ahli-ahli PAC yang lain, Jawatankuasa Pemilih yang telah bermesyuarat Selasa 24 September 2013. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Majlis Parlimen Ketiga belas adalah terdiri daripada:

i. YB Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - Pengerusi
(Ahli Parlimen Pulai)

ii. YB Dr. Tan Seng Giaw - Timbalan Pengerusi
(Ahli Parlimen Kepong)

iii. YB Dato' Seri Reezal Merican b. Naina Merican
(Ahli Parlimen Kepala Batas)

iv. YB Datuk Chua Tee Yong
(Ahli Parlimen Labis)

v. Yang Berhormat Dato' Abd Aziz b. Sheikh Fadzir
(Ahli bagi kawasan Kulim Bandar Baru)

vi. YB Datuk Puan Mas Ermieyati bt. Shamsudin
(Ahli Parlimen Masjid Tanah)

vii. YB Tuan Liang Teck Meng
(Ahli Parlimen Simpang Renggam)

viii. YB Datuk Madius Tangau
(Ahli Parlimen Tuaran)

ix. YB Tuan Haji Hasbi b. Habibollah
(Ahli Parlimen Limbang)

x. YB Datuk Wee Jeck Seng
(Ahli Parlimen Tanjung Piai)

xi. YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas
(Ahli Parlimen Telok Kemang)

xii. YB Tuan William Leong Jee Keen
(Ahli Parlimen Selayang)

xiii. YB Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar
(Ahli Parlimen Tumpat)

xiv. YB Tuan Tony Pua Kiam Wee
(Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara)

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) berfungsi untuk memeriksa perbelanjaan wang kerajaan oleh kementerian-kementerian yang berkaitan. Ini bagi memastikan setiap peruntukkan dibelanjakan secara berhemah. Isu-isu yang diberi perhatian oleh PAC adalah berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara atau perkara-perkara yang melibatkan kepentingan awam. PAC menjalankan pemeriksaan melalui sesi mesyuarat, prosiding, lawatan kerja dan semakan dokumen-dokumen yang berkaitan. Sepanjang tahun 2013, PAC Parlimen Ketiga belas telah mengadakan mesyuarat sebanyak 8 kali manakala PAC Parlimen Kedua Belas telah diadakan sebanyak 2 kali pada awal tahun sebelum Majlis Parlimen Kedua Belas dibubarkan.



## AHLI-AHLI DEWAN NEGARA YANG MENGANGKAT SUMPAH

Pada 12 Mac 2013 (Selasa), **Yang Berhormat Senator Datuk Doris Sophia Brodi** telah dilantik semula sebagai senator dan mengangkat sumpah sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara setelah tamat tempoh keahlian beliau sebagai senator pada 11 Mac 2013. Usul pelantikan tersebut telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan disokong oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Pada 26 April 2013 (Jumaat), **Yang Berhormat Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang dilantik semula sebagai Senator seterusnya** telah mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang setelah tempoh keahlian sebagai Senator beliau berakhir pada 25 April 2013. Usul pelantikan tersebut telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan disokong oleh Yang Berhormat Dato' Hassan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan.



Sepanjang tahun 2013, seramai 10 orang Senator baru telah mengangkat sumpah dan seramai 7 orang Ahli telah dilantik semula. Senarai-senarai Ahli tersebut adalah seperti berikut:

### SENARAI SENATOR LANTIKAN SEMULA TAHUN 2013

| BIL | NAMA | TARIKH LANTIKAN |
|---|---|---|
| 1. | YB Senator Datuk Doris Sophia Brodi | 12 Mac 2013 |
| 2. | YB Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang | 26 April 2013 |
| 3. | YB Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat | 3 Mei 2013 |
| 4. | YB Senator Dato Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg | 19 Julai 2013 |
| 5. | YB Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman | 27 September 2013 |
| 6. | YB Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad | 16 Disember 2013 |
| 7. | YB Senator Dato' Boon Som a/l Inong | 16 Disember 2013 |

### SENARAI SENATOR LANTIKAN BARU TAHUN 2013

| BIL | NAMA | TARIKH LANTIKAN |
|---|---|---|
| 1. | YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan | 15 Mei 2013 |
| 2. | YB Senator Dato’ Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah | 15 Mei 2013 |
| 3. | YB Senator Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan | 15 Mei 2013 |
| 4. | YB Senator Dato’ Sri Abdul Wahid bin Omar | 15 Mei 2013 |
| 5. | YB Senator Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy | 15 Mei 2013 |
| 6. | YB Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani | 7 Oktober 2013 |
| 7. | YB Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam | 2 Oktober 2013 |
| 8. | YB Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin | 7 Oktober 2013 |
| 9. | YB Senator Dato’ Khairudin bin E.S. Abd Samad | 7 Oktober 2013 |
| 10. | YB Senator Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan | 18 November 2013 |

## PENAMBAHBAIKAN PENYATA RASMI

Laporan Penyata Rasmi persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dapat diterbitkan dengan jayanya setiap hari walaupun terdapat banyak hari yang masa persidangannya ditambah daripada waktu persidangan biasa. Ahli-ahli Parlimen dan orang awam dapat mengakses Laporan Penyata Rasmi tersebut di dalam Portal Rasmi Parlimen Malaysia pada jam 3 petang keesokan hari. Sepanjang tahun 2013 Seksyen Penyata Rasmi telah menerbitkan sejumlah 51 laporan Penyata Rasmi Dewan Rakyat dan sejumlah 21 laporan Penyata Rasmi Dewan Negara.

Selaras dengan pindaan Peraturan Mesyuarat 20(1) pada 27 November 2012, Dewan Rakyat telah membenarkan penyata rasmi diedarkan kepada Ahli Yang Berhormat dalam bentuk cetak, elektronik atau apa-apa rupa cara yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Pencapaian ini akan dapat menjimatkan kos kerana penggunaan kertas dapat dikurangkan.

Sepanjang tahun 2013 juga, Cawangan Penyata Rasmi telah menerbitkan sejumlah 10 Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan dua Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Dewan bagi Dewan Rakyat.

Ke arah membantu mencapai taraf ‘5 Bintang Portal Rasmi Parlimen Malaysia’, Seksyen ini telah berusaha mengemas kini paparan laporan-laporan penyata rasmi di dalam portal. Ekoran itu, sejumlah 1,155 naskhah Penyata Rasmi Dewan Rakyat dan 698 naskhah Penyata Rasmi Dewan Negara telah diimbas untuk dimuat naik ke Portal Rasmi Parlimen Malaysia bagi kemudahan para pengguna.


MALAYSIA
PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES
DEWAN RAKYAT
BELUM DISEMAK


PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
BELUM DISEMAK
Khamis
19 Disember

# BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

Parlimen Malaysia





# BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

## CAWANGAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

### (a) Pengurusan Perkhidmatan & Perjawatan

Bagi urusan perkhidmatan dan perjawatan, sebanyak 293 jawatan telah diisi secara tetap di mana 29 jawatan telah diisi secara '*Contract Of Service*'. Parlimen juga telah melantik 32 pekerja sambilan harian. Sebanyak 6 pegawai/kakitangan telah disahkan dalam pelantikan dan 18 pengesahan dalam perkhidmatan. Urusan pemberian taraf berpencen telah dilaksanakan untuk 29 pegawai/kakitangan manakala 2 pegawai/kakitangan masih dalam tempoh percubaan. Pada tahun 2013, hanya 1 orang sahaja pegawai yang telah bersara manakala 4 orang kakitangan telah meletak jawatan. 1 orang kakitangan telah ditamatkan perkhidmatan dibawah PU(A) 1/ 2012.

**KEDUDUKAN BILANGAN PERJAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN PADA 31 DISEMBER 2013**

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN | GRED JAWATAN | BILANGAN PERJAWATAN | BILANGAN PENGISIAN | | BILANGAN KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Tetap | Kontrak | |
| 1. | Kumpulan Pengurusan Tertinggi | Jusa | 3 | 3 | - | 0 |
| 2. | Kumpulan Pengurusan & Profesional | 41 hingga 54 | 77 | 56 | 21 | 21 |
| 3. | Kumpulan Sokongan I (Kumpulan B) (27 hingga 40 dan setaraf) | 27 hingga 40 | 50 | 37 | 7 | 13 |
| 4. | Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C) (17 hingga 26 dan setaraf) | 17 hingga 26 | 87 | 68 | - | 19 |
| 5. | Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D) (1 hingga 16 dan setaraf) | 1 hingga 16 | 137 | 129 | 1 | 8 |
| | **JUMLAH PERJAWATAN** | | **354** | **293** | **29** | **61** |
| 1. | Pekerja Sambilan Harian | N41 | - | - | 19 | - |
| | | N17 | - | - | 13 | - |
| | **Jumlah Pekerja Sambilan Harian** | | **-** | **-** | **32** | **-** |

### CARTA KEDUDUKAN BILANGAN PERJAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN PADA 31 DISEMBER 2013




**(b) Pengurusan Prestasi dan Tatatertib**

Bagi urusan Prestasi, unit ini telah mengurus penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang kepada 23 pegawai/kakitangan, 23 Perkhidmatan Terpuji dan 3 pegawai/kakitangan telah diluluskan pemangkuan.

| BILANGAN KAKITANGAN YANG DINILAI | ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG | ANUGERAH PERKHIDMATAN TERPUJI | ANUGERAH PERKHIDMATAN LAMA |
|---|---|---|---|
| 292 | 23 | 23 | 0 |

Bagi urusan tatatertib pula, sebanyak 15 kes tatatertib telah dilaporkan kepada urusetia dan kesemuanya merupakan kes tidak hadir bertugas tanpa izin/kebenaran atau sebab yang munasabah. 9 kes telah berjaya diselesaikan di mana seorang kakitangan telah dibuang kerja, 2 kakitangan telah diberi amaran serta lucut emolumen manakala 6 orang kakitangan diberi hukuman amaran, tangguh pergerakan gaji dan lucut hak emolumen.

Sementara itu, 6 kes masih lagi dalam tindakan urusetia dimana surat pertuduhan telah pun di kemukakan kepada 5 orang kakitangan dan 1 lagi telah di putuskan oleh Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan 2 untuk menyiarkan notis akhbar memohon kakitangan tersebut melapor diri bertugas.

| JUMLAH LAPORAN TATATERTIB | KES TATATERTIB YANG TELAH SELESAI | KES TATATERTIB YANG BELUM SELESAI |
|---|---|---|
| 15 | 9 | 6 |

### Mesyuarat Lembaga Tatatertib

| | | |
|---|---|---|
| 1 | 20/2/2013 | MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB KUMPULAN SOKONGAN (NO. 1) Bil 1 2013 |
| 2 | 8/10/2013 | MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB KUMPULAN SOKONGAN (NO.1 ) BIL 2/2013 |
| 3 | 8/10/2013 | MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB KUMPULAN SOKONGAN (NO.2) BIL. 1/2013 |

### Keanggotaan Lembaga Tatatertib

**Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan (No.2)**
- Pengerusi: Ketua Pentadbir Parlimen
- Ahli I: Setiausaha Dewan Rakyat
- Ahli II: Setiausaha Bahagian Sumber Manusia Dan Khidmat Pengurusan, Parlimen Malaysia

**Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1)**
- Pengerusi: Ketua Pentadbir Parlimen
- Ahli I: Setiausaha Dewan Rakyat
- Ahli II: Penasihat Undang-Undang Parlimen/Wakil Peguam Negara

**Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.2)**
- Pengerusi: Ketua Pentadbir Parlimen
- Ahli I: Setiausaha Dewan Rakyat
- Ahli II: Setiausaha Bahagian Sumber Manusia Dan Khidmat Pengurusan, Parlimen Malaysia

### (c) Pengurusan Latihan Dan Kompetensi

Aktiviti-aktiviti

- Menggubal, melaksana dan memantau Pelan Operasi Latihan di Parlimen Malaysia
- Menyelaras kursus induksi dengan Jabatan Perdana Menteri dan melaksanakan kursus-kursus jangka pendek
- Memproses permohonan kelulusan menyertai latihan/kursus/seminar anjuran Jabatan Perdana Menteri/ Kementerian/Agensi Swasta.

## LATIHAN

Perancangan dan pelaksanaan latihan di Parlimen Malaysia adalah didasari oleh Pelan Operasi Latihan berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 (SPP 2/2005)

Cawangan Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan menyelaras dan memaklumkan kursus-kursus kepada pegawai Parlimen Malaysia seperti berikut:

i. Kursus Induksi - Pegawai yang perlu menghadiri Kursus Induksi Umum dan Khusus akan diselaraskan dengan Bahagian Inovasi dan Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri selaku urusetia.

ii. Kursus Opsyenal - Kursus bersifat generik (umum) dan fungsional (khusus) yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai bagi peningkatan mutu kerja dan perkhidmatan.

Bagi tahun 2013, Unit Latihan telah merancang sebanyak 12 kursus di mana 11 kursus telah berjaya dilaksanakan. 1 kursus Asas Protokol tidak dilaksanakan kerana Parlimen telah menghantar 5 orang wakil sebagai peserta untuk menghadiri kursus yang sama anjuran Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa JPM. Selain daripada itu, sebanyak 6 kursus tambahan telah dilaksanakan. Oleh itu, jumlah keseluruhan kursus yang dilanksanakan bagi tahun 2013 sebanyak 17 kursus.

### KURSUS-KURSUS ANJURAN UNIT LATIHAN BAGI TAHUN 2013

| BIL | NAMA KURSUS | KUMPULAN SASARAN (GRED JAWATAN) | TARIKH KURSUS | LOKASI |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Taklimat E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) | JUSA<br>P&P Sokongan | 22.01.2013 | Bilik Taklimat Parlimen Malaysia |
| 2. | Kursus Motivasi Peningkatan Kualiti Kerja Pengawal Keselamatan Siri I | Sokongan | 30.01.2013 hingga 31.01.2013 | Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang Sepang |
| 3. | Kursus Motivasi Peningkatan Kualiti Kerja Pengawal Keselamatan Siri II | Sokongan | 18.02.2013 hingga 19.02.2013 | Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang Sepang |
| 4. | Arahan Keselamatan | JUSA<br>P&P Sokongan | 14.03.2013 | Bilik Taklimat |
| 5. | Kursus Prosiding Pengurusan Dewan/ Perundangan | JUSA<br>P&P Sokongan | 17.06.2013 hingga 18.06.2013 | Bilik Taklimat Parlimen Malaysia |
| 6. | Kursus Kesihatan: Keluarga Sihat, Kelurga Bahagia | JUSA<br>P&P Sokongan | 08.11.2013 | Bilik Taklimat Parlimen Malaysia |
| 7. | Kursus IT - Microsoft Excel, Word, Excess dan Powerpoint 2007/2010 | P&P Sokongan | 09.04.2013 hingga 11.04.2013 | IMATEC, INTAN Bukit Kiara |
| 8. | Kursus Pengurusan Pentadbiran dan Perolehan Kontrak | JUSA<br>P&P Sokongan | 26.08.2013 hingga 27.08.2013 | Bilik Jawatankuasa 2 Parlimen Malaysia |
| 9. | Etika Dan Keselamatan Di Jalan Raya | JUSA<br>P&P Sokongan | 17.10.2013 | Bilik Taklimat Parlimen Malaysia |

| BIL | NAMA KURSUS | KUMPULAN SASARAN (GRED JAWATAN) | TARIKH KURSUS | LOKASI |
|---|---|---|---|---|
| 10. | Kursus Pengurusan Stor | P&P Sokongan | 11.09.2013 hingga 13.09.2013 | Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang Sepang |
| 11. | Lawatan Sambil Belajar Ke Dewan Undangan Negeri | JUSA<br>P&P Sokongan | 02.10.2013 hingga 04.10..2013 | Kedah |
| 12. | Kursus Spesifikasi L-S1 JKR dan Teknikal Bagi Kumpulan Pelaksana Parlimen Malaysia | P&P Sokongan (Baru) | 07.03.2013 | Bilik J/K 1, Parlimen Malaysia |
| 13. | Bengkel Sistem E-Latihan | P&P Sokongan (Baru) | 23.03.2013 | Bilik Mesyuarat SUDN, Tkt. 8 |
| 14. | Bengkel Microsoft Word | P&P Sokongan (Baru) | 14 dan 21.06.2013 | Lab NIEW, Kem. Pembangunan Wanita Keluarga & Masyarakat |
| 15. | Seminar Kecemerlangan Pembantu Tadbir | Sokongan (Baru) | 19.08.2013 hingga 21.08.2013 | Eagle Ranch Resort, Port Dickson |
| 16. | Bengkel Pengurusan Risiko Projek Menaiktaraf dan Ubahsuai Bangunan Parlimen Malaysia Fasa 2B & 3 (RMKe 10 - RP3) | P&P Sokongan (Baru) | 10.09.13 hingga 12.09.13 | Bilik Latihan OSALIS, Tingkat 18, Menara PJD |
| 17. | Bengkel Sistem Pengurusan Aset (SPA) | P&P Sokongan (Baru) | 21.10.2013 hingga 22.10.2013 | Crystal Crown Harbour View Hotel Port Klang |

## KURSUS-KURSUS ANJURAN JABATAN LAIN / AGENSI SWASTA

| BIL | NAMA KURSUS | KUMPULAN SASARAN (GRED JAWATAN) | TARIKH KURSUS |
|---|---|---|---|
| 1. | Seminar Pilihan Raya dari Sudut Perundangan | 48 Terbuka (11 orang) | 26.02.2013 |
| 2. | Kursus Teknik Penyuntingan Gambar Foto Digital | S41 | 06 - 07.03.2013 |
| 3. | Bengkel Penyuntingan Terjemahan | N44 (2 orang)<br>N41 (3 orang) | 11 - 14.03.13 |
| 4. | Kursus Fotografi - Komposis & Kreatif | B17 | 13-15.03.13 |
| 5. | Kursus Lanskap Dan Penyelenggaraan Pokok (P203) | J54, J48, J36,G22, R4 (2 org), R3, R1 (3 org) | 1 - 4.04.13 |
| 6. | Kursus Asas Pengambaran Kamera Video/ Video DSLR | JTK J17 | 18 - 19.03.13 |
| 7. | Kursus Teknik Penyuntingan Video Digital | JTK J17 | 20 - 22.03.13 |
| 8. | Membina Grafik Animasi "Adobe Flash" | N41 | 25 - 26.03.13 |
| 9. | Kursus Penterjemahan Am (Intensif) | N41 | 1 - 13.04.13 |

| BIL | NAMA KURSUS | KUMPULAN SASARAN (GRED JAWATAN) | TARIKH KURSUS |
|---|---|---|---|
| 10. | Kursus Pengendalian Flash Dan Studio Fotografi | B17, N41 | 1 - 2.04.13 |
| 11. | Kelas Vokal Untuk Percakapan dan Penampilan Suara | S41 | 03.04.2013 |
| 12. | Kursus Asas Pengecaman Pokok Hutan | G22, R1 (2 org) | 13 - 16.05.13 |
| 13. | Biomass Asia Conference 2013 | 48 Terbuka | 21 - 22.05.13 |
| 14. | Kreativiti Di Tempat Kerja | N27 | 7 - 10.05.13 |
| 15. | Persidangan Tahunan Puspanita Kali Pertama 2013 | N48, S27, N27 | 3 - 4.06.13 |
| 16. | Kursus Radiation Protection Conference & Workshop | 48 Terbuka | 4 - 6.06.13 |
| 17. | Seminar Institut Raja (SIRaj) 2013 anjuran Unimap | N52, N48, 48 (Terbuka) (13 org), S44, N44, N41 | 5 - 6.06.13 |
| 18. | Bengkel 7 Langkah Penyelidikan Berkesan Penyelidik Profesional anjuran IKIM | 48 Terbuka (4 orang) | 11 - 12.06.13 |
| 19. | Persidangan Digital Kebangsaan 2013 (NDC 2013) anjuran Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. | F44, F41 F29 | 2 - 3.07.13 |
| 20. | Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke 14 anjuran USM | N44 (2 orang) N41 (3 orang) | 27 - 29.08.13 |
| 21. | Kursus Asas Polis Bantuan anjuran PDRM | KP11 (11 org) | 25.08.13 - 26.10.13 |
| 22. | Kursus Construction Safety and Health Officer (CSHO) anjuran CIDB | 48 (Terbuka) | 2 - 6.9.13 |
| 23. | Kursus Lanskap Kejur: Kolam Pancuran dan Pencahayaan anjuran FRIM | J54, J17 (2 org), R4, R3 R1 | 17 - 19.9.13 |
| 24. | Kursus Perlindungan Sinaran Untuk Pegawai anjuran Agensi Nuklear Malaysia | J48, F41, KP27 | 17 - 27.9.13 |
| 25. | Kursus K-Worker Tips dan Tricks | N17 | 23 - 24.09.13 |
| 26. | Bengkel Perhubungan Awam Siri 1/2013 anjuran Jabatan Penerangan Malaysia | S41 | 24 - 27.09.13 |
| 27. | Bengkel Kemahiran Asas Perundangan anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia & Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Gombak | S41, S27, N17 | 25 - 26.09.13 |
| 28. | Seminar Psikologi Perkhidmatan Awam Ke - 19 dan Hari Kesihatan Mental Tahun 2013 | N48, N44 | 10.10.13 |
| 29. | Persidangan Antarabangsa Bahasa dan Pendidikan "International Language And Education Conference anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM Tijarah Holdings Sdn. Bhd.) | N41 | 27 - 28.11.13 |
| 30. | Kursus Protokol dan Pengurusan Majlis Bil. 2/2013 Anjuran Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, JPM | 48 (Terbuka) N27 KP32 N17 (2 org) | 12.11.13 hingga 15.11.2013 |

| BIL | NAMA KURSUS | KUMPULAN SASARAN (GRED JAWATAN) | TARIKH KURSUS |
|---|---|---|---|
| 30. | Kursus Protokol dan Pengurusan Majlis Bil. 2/2013 Anjuran Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, JPM | 48 (Terbuka) N27 KP32 N17 (2 org) | 12.11.13 hingga 15.11.2013 |
| 31. | The 7th International Legal Conference 2013 anjuran UUM | 48 (Terbuka) | 13.11.13 hingga 14.11.13 |
| 32. | Kursus Microsoft Office Word 2007 | N44, N17 | 20.11.13 hingga 21.11.13 |
| 33. | Kursus Pengenalan Penulisan Ringkas (Tulisan Rintas) anjuran UTM space | N44 (2 orang) | 5.12.13 hingga 6.12.13 |

**KURSUS-KURSUS LUAR NEGARA**

| BIL | NAMA KURSUS | LOKASI | TARIKH KURSUS |
|---|---|---|---|
| 1. | The 4th International Seminar For Parliamentary Research Service In Seoul | Seoul | 31.10.13 hingga 2.11.13 |

**(d) Pengurusan HRMIS**

Bagi urusan HRMIS, pencapaian pelaksanaan Modul Profil Perkhidmatan (Perjawatan) adalah sebanyak 99.98%, Profil Peribadi 99.98%, Saraan Faedah Ganjaran (Cuti) 89.38%, Perisytiharaan Harta 90.81% , dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 71.11%. Pencapaian keseluruhan bagi urusan pelaksanan HRMIS adalah seperti carta berikut:-



(e) **Pengurusan Pembayaran Elaun Lantikan Ahli Dewan Negara/Ahli Dewan Rakyat Dan Urusan Tamat Tempoh Perkhidmatan**

**Dewan Negara**

Cawangan ini telah mensasarkan untuk mengurus penyediaan dokumen bagi pembayaran tamat tempoh untuk 16 ahli Dewan Negara. Walau bagaimanapun hanya 9 ahli sahaja yang tamat tempoh manakala 7 ahli telah dilantik semula. Jumlah keahlian Dewan Negara sehingga 31 Disember 2013 adalah seramai 57 ahli.

**Dewan Rakyat**

Bagi tahun 2013 cawangan ini telah berjaya mengurus penyediaan dokumen bagi pembayaran ganjaran tamat tempoh Ahli Dewan Rakyat untuk 222 bekas Ahli Dewan Rakyat Parlimen ke 12 dalam tempoh yang ditetapkan bagi mencapai tempoh pembayaran ganjaran oleh Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu sehari selepas Pembubaran Parlimen pada 03 April 2013.

Bagi pembayaran Elaun Ahli Dewan Rakyat Parlimen ke 13, cawangan ini telah siap menyediakan Penyata Kewangan 8 bagi tujuan pembayaran tersebut pada Jun 2013 yang melibatkan kos sebanyak RM2.63 juta.

(f) **Pelaksanaan Kerja-Kerja Pentadbiran Parlimen Malaysia sepanjang tahun 2013 meliputi:**

i. **Menguruskan kenderaan jabatan dan penggunaan kad inden minyak kenderaan serta '*Touch n Go*'**

Kenderaan jabatan di Parlimen Malaysia yang telah diuruskan dalam tahun 2013 adalah seperti berikut:

- Memproses sebanyak 635 permohonan penggunaan kenderaan Jabatan.
- Kos penyelenggaraan dan alat ganti kenderaan jabatan (pajero, bas coaster, dan bas panjang) adalah berjumlah RM44,025.40.
- Penggunaan Kad *Touch n Go* iaitu sebanyak 6 kad adalah berjumlah RM5,576.15.
- Penggunaan kad inden minyak pula adalah berjumlah RM37,025.95.

Pada 7 Mei 2013, Unit Pentadbiran telah membuat perolehan sebuah kenderaan jabatan berjenama "*Hyundai Starex*" yang bernilai RM141,064.45 bagi mengantikan Pajero yang telah mendapat kelulusan pelupusan pada 17 Oktober 2012.

ii. **Urusetia Mesyuarat-mesyuarat Berkala Jabatan**

Menjadi urusetia bagi Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ), Mesyurat Pengurusan, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) dan Perhimpunan Bulanan. Sepanjang tahun 2013, Mesyuarat MBJ telah dilaksanakan sebanyak 3 kali iaitu pada 06/02/2013, 28/05/2013 dan 17/09/2013, Mesyuarat Pengurusan sebanyak 5 kali, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) sebanyak 4 kali iaitu pada 09/05/2013, 01/08/2013, 01/11/2013 dan 07/2/2014 dan Perhimpunan Bulanan sebanyak 7 Kali.

iii. **Kerja-kerja Percetakan**

Sepanjang tahun 2013, bagi Dewan Rakyat sebanyak 50 naskah hansard telah dicetak dan 222 hansard berupa CD manakala bagi Dewan Negara sebanyak 70 hansard telah dicetak dan 70 hansard berupa CD juga dibuat. Setiap naskah dianggarkan menggunakan sebanyak 120 sehingga 250 helaian kertas. Kadar cetakan ini meningkat terutamanya pada waktu persidangan berlangsung iaitu sebanyak tiga penggal bagi setiap tahun.

iv. **Laporan Bulanan Bil Utiliti dan Perbelanjaan Operasi Parlimen Malaysia**

Laporan Penggunaan Utiliti dan Perbelanjaan Operasi Lain bagi Parlimen Malaysia disediakan secara bulanan bagi tahun 2013 berjumlah RM3,891,870.32 dan dibentangkan di dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan bagi tujuan mengenal pasti usaha-usaha penjimatan yang boleh dilaksanakan oleh Parlimen Malaysia. Perincian Bil Utiliti dan Perbelanjaan Operasi Parlimen Malaysia bagi tahun 2012 adalah seperti jadual berikut:

| BIL | JENIS UTILITI | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Elektrik | 2,583,499.25 |
| 2. | Air | 277,143.30 |
| 3. | *Toner* | 338,739.40 |
| 4. | Kertas | 175,078.16 |
| 5. | Minyak | 37,025.95 |
| 6. | *Touch n Go* | 5,576.15 |
| 7. | Kerja Lebih Masa | 513,644.17 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **3,930,706.38** |

v. **Menguruskan Tempahan Bilik-Bilik Mesyuarat Di Parlimen Malaysia**

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 821 borang permohonan tempahan bilik-bilik mesyuarat daripada kementerian/agensi dan permohonan dalaman telah diproses. Kadar permohonan penggunaan bilik-bilik mesyuarat di Parlimen Malaysia akan meningkat ketika sesi persidangan dewan berlangsung.

vi. **Urus Setia Pelaksanaan Penerapan Nilai-Nilai Islam, Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam dan Pendekatan Islam Hadhari**

Sepanjang tahun 2013, sebanyak sepuluh (10) siri ceramah agama telah dijalankan di bawah Program Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA). Selain itu, antara aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan kearah pelaksanaan penerapan nilai-nilai islam adalah seperti bacaan doa pada setiap pagi, pada Perhimpunan Bulanan Jabatan, menyertai program Sambutan Maulidur Rasul, Ma'al Hijrah, Ihya' Ramadhan, bacaan yasin dan tahlil dan lain-lain program yang berkaitan.

vii. **Menguruskan Permohonan dan Pendaftaran Aset (Harta Modal Dan Inventori) Parlimen Malaysia**

Sebanyak 490 unit aset yang merangkumi harta modal (87 unit) dan inventori (403 unit) telah didaftarkan pada tahun 2013 yang melibatkan nilai keseluruhan berjumlah RM459,601.35. Carta di bawah menunjukkan pecahan nilai aset yang didaftarkan bagi tahun 2013:

**NILAI ASET DIDAFTARKAN DI PARLIMEN MALAYSIA BAGI TAHUN 2013: RM459,601.35**




Berikut pula merupakan jadual perincian Laporan Kedudukan Harta Modal dan Inventori bagi setiap suku tahun 2013:

| SUKU TAHUN | BULAN | KEDUDUKAN HARTA MODAL | | KEDUDUKAN INVENTORI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | BIL. KEW PA-2 | NILAI PEROLEHAN HARTA MODAL (RM) | BIL. KEW PA-3 | NILAI PEROLEHAN INVENTORI (RM) |
| Pertama | Januari | - | - | 02 | 2,270.00 |
| | Februari | 01 | 968.00 | 01 | 720.00 |
| | Mac | - | - | 07 | 3,431.00 |
| Kedua | April | 01 | 2,380.00 | 03 | 6,830.00 |
| | Mei | 01 | 141,064.45 | 07 | 28,910.00 |
| | Jun | 11 | 26,260.00 | 02 | 23,999.50 |
| Ketiga | Julai | 32 | 52,570.00 | 13 | 14,509.00 |
| | Ogos | 07 | 10,641.15 | 06 | 6,396.25 |
| | September | 20 | 36,200.00 | 05 | 6,950.00 |
| Keempat | Oktober | 09 | 8,175.00 | 25 | 46,827.00 |
| | November | 01 | 750.00 | 03 | 4,650.00 |
| | Disember | 04 | 7,140.00 | 20 | 27,960.00 |
| **JUMLAH** | | **87** | **286,148.60** | **94** | **173,452.75** |

# CAWANGAN KEWANGAN

## PRESTASI PERUNTUKAN PARLIMEN MALAYSIA

### PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS B01 - PARLIMEN MALAYSIA

Peruntukan Mengurus Parlimen Malaysia pada tahun 2013 di bawah B01 adalah sebanyak RM83,815,000.00. Prestasi keseluruhan perbelanjaan B01 adalah sebanyak RM82,483,310.60 iaitu 98.41%.

**KESELURUHAN PERUNTUKAN B01: RM83,815,000.00**




### PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TANGGUNGAN T05 - YANG DIPERTUA DEWAN RAKYAT

Peruntukan Tanggungan Yang Dipertua Dewan Rakyat pada tahun 2013 di bawah T05 adalah sebanyak RM1,240,000.00. Prestasi keseluruhan perbelanjaan T05 adalah sebanyak RM1,120,921.11 iaitu 90.40%.

**KESELURUHAN PERUNTUKAN T05: RM1,240,000.00**



**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TANGGUNGAN T06 - YANG DIPERTUA DEWAN NEGARA**

Peruntukan Tanggungan Yang Dipertua Dewan Negara pada tahun 2013 di bawah T06 adalah sebanyak RM1,280,000.00. Prestasi keseluruhan perbelanjaan T06 adalah sebanyak RM996,007.43 iaitu 77.81%.

**KESELURUHAN PERUNTUKAN T06: RM1,280,000.00**




- **Permohonan Pindah Peruntukan**

  Sepanjang 2013 terdapat sebanyak 13 permohonan pindah peruntukan yang telah diluluskan di bawah B01 dan tiada permohonan pindah peruntukan dibawah T05 dan T06.

- **Senarai Bayaran Bil Di Bawah AP58(A) Tahun 2013**

  Sepanjang 2013, kedudukan bayaran bil di bawah AP58(a) bagi Parlimen Malaysia (B01) adalah sebanyak 533 bil yang bernilai RM1,934,498.67. Pembayaran bil di bawah AP58(a) ini dibuat menggunakan peruntukan tahun semasa kerana bil-bil tersebut tidak dijelaskan dalam tahun yang ditetapkan.

| AKTIVITI | BILANGAN | NILAI (RM) |
|---|---|---|
| Bil Terkumpul (Januari - Disember) | 533 | 1,934,498.67 |
| Bil Belum Selesai | 0 | 0 |

- **Pengurusan Pungutan Dan Tunggakan Hasil**

  Jumlah keseluruhan Akaun Belum Terima (ABT)/Tunggakan Hasil Parlimen Malaysia sehingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM17,949.90 yang melibatkan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman seperti berikut:

| AKTIVITI | JUMLAH TUNGGAKAN MENGIKUT TEMPOH (RM) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | <1 TAHUN | 1-3 TAHUN | 3-6 TAHUN | >6 TAHUN | JUMLAH |
| Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman | 0.00 | 0.00 | 17,949.90 | 0.00 | 17,949.90 |

- **Pelaksanaan e-Perolehan**

  Sebanyak 770 Pesanan Kerajaan bernilai RM5,860,906.90 telah dikeluarkan sepanjang tahun 2013.Peratusan pengeluaran melalui ePerolehan adalah 97.94% bernilai RM5,740,178.00. Manakala, baki perbelanjaan dengan nilai RM120,728.90 atau 2.06% adalah melalui eSPKB.

- **Prestasi Bayaran Bil 14 hari**

  Prestasi pembayaran bil 14 hari di bawah Vot B01 bagi tempoh mulai dari Januari hingga Disember 2013 adalah sebanyak 99.96% iaitu sebanyak 5,263 bil dengan jumlah nilai RM22,927,665.08. Perincian bilangan hari bayaran adalah seperti jadual berikut:

| JUMLAH BIL | NILAI (RM) | HARI DIPROSES | BILANGAN BIL | NILAI (RM) | % BIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 5272 | 22,936,491.58 | < 7 | 5238 | 22,736,200.80 | 99.13 |
| | | 8 - 14 | 25 | 191,464.28 | 0.83 |
| | | > 14 | 3 | 8,826.50 | 0.04 |
| | | **Jumlah** | **5272** | **22,936,491.58** | **100** |

- **Permohonan Pinjaman Komputer**

  Sebanyak sembilan (9) permohonan telah diterima dan diluluskan. Pecahan pemohonan mengikut kategori pemohon adalah seperti berikut:

| KATEGORI PEMOHON | BILANGAN |
|---|---|
| Ahli Parlimen | 0 |
| Kakitangan Parlimen | 9 |
| **Jumlah** | **9** |

- **Permohonan Pinjaman Kenderaan**

  Sebanyak 18 permohonan telah diterima dan diluluskan. Pecahan permohonan mengikut kategori pemohon adalah seperti berikut:

| KATEGORI PEMOHON | BILANGAN |
|---|---|
| Ahli Parlimen | 16 |
| Kakitangan Parlimen | 2 |
| **Jumlah** | **18** |

- **Perolehan**

  Sebanyak 21 urusan perolehan bernilai RM7,462,908.95 telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 dengan pecahan jenis perolehan seperti berikut:

| JENIS PEROLEHAN | BILANGAN URUSAN | NILAI PEROLEHAN |
|---|---|---|
| Tender | 2 | 3,337,340.00 |
| Sebutharga | 14 | 2,980,376.50 |
| eBidding | 1 | 279,328.00 |
| Rundingan Terus | 4 | 865,864.45 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **21** | **7,462,908.95** |

Senarai perolehan yang telah dilaksanakan mengikut jenis perolehan adalah seperti jadual berikut:

| BIL | NO. RUJUKAN / PERIHAL | NILAI PEROLEHAN (RM) |
|---|---|---|
| | Tender | |
| 1. | PAR.2/368 T.2/2013<br>Perkhidmatan Secara Sewaan Bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara 245 Unit Tablet PC Di Dewan Rakyat Dan Dewan Negara Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun | 1,649,340.00 |
| 2. | PAR.2/368 T.3/2013<br>Perkhidmatan Pengurusan Dan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Kerja-Kerja Pembersihan (Housekeeping) Dan Kawalan Serangga Perosak Di Bangunan Parlimen Malaysia | 1,688,000.00 |
| | Sebutharga | |
| 1. | PAR.2/367 SH.1/2013<br>Kerja-Kerja penyelenggaraan Elektrik di Bangunan Parlimen Malaysia, Kediaman Rasmi YPDN dan Kediaman Rasmi YPDR, Kuala Lumpur | 57,595.00 |
| 2. | PAR.2/367 SH.2/2013<br>Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Pagar Utama dan Pintu Gerbang di Parlimen Malaysia dengan Jaminan/Warranty Lima (5) Tahun | 148,560.00 |
| 3. | PAR.2/367 SH.3/2013<br>Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Semula Petak Tempat Letak Kereta, Road Marking dan Kerb Jalan di Sekitar Bangunan Parlimen Malaysia | 73,961.00 |
| 4. | PAR.2/367 SH.5/2013<br>Kerja-Kerja Chemical Cleaning Bagi Sistem Penyaman Udara Jenis Berasingan Di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur | 331,575.00 |
| 5. | PAR.2/367 SH.6/2013<br>Perkhidmatan Pembersihan Softscape (Memotong Rumput Dan Penyelenggaraan Tanaman Landskap) Dan Kerja-Kerja Pembersihan Hardscape Di Dalam Kawasan Parlimen Malaysia | 400,904.00 |
| 6. | PAR.2/367 SH.7/2013<br>Kerja-Kerja Naiktaraf Sound System Di Bangunan Parlimen Malaysia Dan Penyelenggaraan Sistem CCTV Di Kediaman Rasmi YPDN Dan YPDR, Kuala Lumpur | 88,411.00 |
| 7. | PAR.2/367 SH.8/2013 Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengjui, Mentauliah Dan Menyelenggara (Maintanace Support And Assistance) Perkakasan Keselamatan Dan Rangkaian Dewan Rakyat Dan Dewan Negara Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun | 218,816.00 |

| BIL | NO. RUJUKAN / PERIHAL | NILAI PEROLEHAN (RM) |
|---|---|---|
| | Sebutharga | |
| 8. | PAR.2/367 SH.9/2013<br>Perkhidmatan Secara Sewaan Bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara Computer Peribadi, Computer Riba, Pencetak,Projector Dan Pengimbas Di Parlimen Malaysia Untuk Tempoh Dua (2) Tahun | 248,040.00 |
| 9. | PAR.2/367 SH.10/2013<br>Kerja-Kerja Operasi Dan Penyelenggaraan Sistem Penyaman Udara Dan Pengudaraan Sistem Pencegahan Kebakaran Dan Sistem Air Sejuk Dan Pam Penggalak Di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur | 472,720.00 |
| 10. | PAR.2/367 SH.11/2013<br>Perkhidmatan Sewaan Modular Tent Untuk Dijadikan Balai Tetamu Ahli Parlimen Selama Tiga (3) Bulan Di Kompleks Parlimen Malaysia | 74,900.00 |
| 11. | PAR.2/367 SH.12/2013<br>Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem CCTV Di Bangunan Parlimen Malaysia | 121,450.00 |
| 12. | PAR.2/367 SH.13/2013<br>Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem CCTV Di Kediaman Rasmi YPDN, Kuala Lumpur | 14,530.00 |
| 13. | PAR.2/367 SH.14/2013<br>Perkhidmatan Membekal Dan Menghantar Toner/Catridge Untuk Pencetak, Mesin Penyalin Dan Mesin Faksimili Di Parlimen Malaysia Untuk Tempoh 12 Bulan | 488,914.50 |
| 14. | PAR.2/367 SH.15/2013<br>Perkhidmatan Membekal Dan Menghantar Kertas 80gsm Saiz A4 Dan A3 Kertas Putih Jenis Berkualiti Tinggi Di Parlimen Malaysia Untuk Tempoh 12 Bulan | 240,000 |
| | eBidding | |
| 1. | PAR.2/389 E.2/2013<br>Perkhidmatan Penyewaan 35 Unit Mesin Penyalin Di Parlimen Malaysia Untuk Tempoh 24 Bulan | 279,328.00 |
| | Rundingan Terus | |
| 1. | PAR.2/386(sk)<br>Perolehan Secara Rundingan Terus Satu (1) unit Kenderaan Starex Royale Premium (2500c, Diesel) Untuk Parlimen Malaysia | 141,064.45 |
| 2. | PAR.300-2/1/1(BD)<br>Perolehan Secara Rundingan Terus Bagi Beg Dokumen Untuk Kegunaan Ahli Dewan Rakyat Sempena Majlis Parlimen Penggal Ketiga Belas dan Pelantikan Baru Bagi Ahli Dewan Negara Parlimen Malaysia | 110,000.00 |
| 3. | PAR.KP.100-3/4/1(23)<br>Perolehan Secara Rundingan Terus Membekal dan Menyediakan Minuman Bagi Majlis Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Majlis Parlimen Ke-13 Pada 25 Jun 2013 | 94,800.00 |
| 4. | PAR.7/11 Jilid 2(27)<br>Rundingan Terus Bagi Perkhidmatan Penambahbaikan Rangkaian Internet TM Direct Over Metro-E (DOME) Berkapasiti 20 Mbps Untuk Dewan Rakyat Dan Dewan Negara Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun | 520,000.00 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **7,462,908.95** |

## CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pengurusan Sistem Teknologi Maklumat (ICT) Parlimen Malaysia sepanjang tahun 2013 adalah meliputi aktiviti-aktiviti berikut:

**PENGURUSAN APLIKASI DAN PEMBANGUNAN SISTEM**

Berikut adalah sistem-sistem utama bawah kendalian dan tanggungjawab Cawangan ICT yang meliputi skop penggunaan oleh Ahli-ahli Parlimen, Pengurusan Dewan dan kakitangan Parlimen Malaysia.

Sistem-sistem ini dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu:

1. **Sistem Persidangan Dewan**

- Sistem Kehadiran Ahli Parlimen (*e-Attendance*)
- Sistem Pengundian Elektronik Persidangan Dewan (*e-Voting*)
- Sistem Paparan Maklumat Persidangan Dewan (PIDS)
- Sistem Mikrofon Persidangan Dewan (PACS)
- Sistem Rakaman Audio dan Video Persidangan Dewan (MIM)
- Komputer Boleh Sentuh (*MP Touch Screen Panel*)
- Jam Digital Berorientasikan GPS (*Master Clock*)

Sistem Persidangan Dewan diselenggara secara preventif (*preventive maintenance*) sebanyak tiga (3) kali setahun disamping monthly health check yang dilakukan setiap bulan sepanjang tahun 2013. Sebarang konfigurasi dan pembaikan sentiasa dilakukan berdasarkan kepada keperluan pengguna khususnya Bahagian Pengurusan Dewan dari semasa ke semasa. Bagi tahun 2013, satu konfigurasi *'Backup Audio'* telah dilakukan bagi memastikan audio persidangan dapat direkod tanpa sebarang kehilangan audio.

2. **Sistem-Sistem Dalaman (*Internal Application*)**

- Portal Rasmi Jabatan
- Sistem Emel Rasmi Jabatan
- Sistem e-Dewan (Pengurusan Penyediaan Penyata Rasmi, Aturan Urusan Mesyuarat)
- Sistem e-Risalat (Pengurusan Penyediaan Risalat)
- Sistem Paparan Maklumat Harian Parlimen Malaysia (PADS)
- Sistem ILMU (Perpusatakaan Parlimen)
- Sistem e-Jari (Kehadiran Kakitangan Parlimen)

Pada tahun 2013, satu pendekatan intensif dilakukan oleh Pihak Pengurusan Parlimen dengan kerjasama Cawangan ICT untuk membangunkan satu **Portal Rasmi Parlimen Malaysia** yang menepati ciri-ciri dan spesifikasi MDEC/MAMPU. Pendekatan tersebut dizahirkan melalui penubuhan satu Jawatankuasa Portal Parlimen bagi membincangkan segala keperluan (brain-storming) termasuk mengemaskini maklumat, merekabentuk paparan dan navigasi, pecahan kerja bagi pemantauan dan lain-lain yang berkaitan. Hasil penambahbaikan Portal Rasmi Parlimen Malaysia tersebut telah dilancarkan melalui Majlis Malam Apresiasi dan Pelancaran Portal Parlimen Malaysia oleh Yang di-Pertua Dewan Negara pada 19 Januari 2013 bertempat di Dewan Bankuet Parlimen. Dengan usaha ini, **Portal Rasmi Parlimen Malaysia telah diberi pengiktirafan 5 Bintang oleh MDEC/MAMPU pada 13 Disember 2013**.

Antara ulasan dan petikan Buku Laporan Malaysia Government Portal and Websites Assessment (MGPWA) 2013:

***"Parliament of Malaysia website demonstrated the most outstanding advancement by leaping from 48 points the previous year to 94 points this year".***

Selain itu, **Sistem e-Risalat** telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan pendigitalan dokumen-dokumen risalat Ahli Parlimen. **Usaha *paper-less* ini telah direalisasikan pada 26 April 2013. Taklimat, penerangan dan latihan kepada semua kementerian telah diadakan pada 30 April 2013 bertempat di Dewan Rakyat dan Dewan Negara Sementara**. Sementara itu, **satu *e-book* rasmi yang dinamakan e-Buku Parlimen Malaysia telah dilancarkan pada Jun 2013 dan diedarkan kepada semua Ahli-ahli Parlimen.**

Pada tahun 2013 juga, **Sistem Emel Jabatan Parlimen** telah dinaiktaraf dan peratus penggunaan emel jabatan bagi urusan rasmi telah meningkat daripada **23% kepada 80%. Peningkatan mendadak ini adalah hasil usaha pendekatan Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia yang menggalakkan kakitangan Parlimen Malaysia menggunakan emel rasmi jabatan dalam menjalankan urusan rasmi jabatan dan menjadikan emel sebagai medium komunikasi harian samada menerusi kemudahan komputer yang disediakan mahupun telefon bimbit pintar (*smart phone*)**.

**3. Sistem Integrasi eG-Net**

- HRMIS
- e-SPKB
- e-Perolehan
- e-Terimaan

Sistem Integrasi eG-Net ini dipantau sepanjang tahun 2013 untuk kegunaan kakitangan Parlimen khususnya untuk Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan serta Cawangan Kewangan Parlimen Malaysia.

**4. Sistem Pemantauan dan Keselamatan Bersepadu Parlimen Malaysia**

- Sistem Pengawasan Bawah Kenderaan (UVIS)
- Sistem Pengurusan Pelawat (ViMS)
- Sistem Pengurusan Keselamatan Bersepadu (ISMS)
- Sistem Pengesanan Pencerobohan (PIDS)
- Sistem Pengurusan Video CCTV

Sistem Pemantauan dan Keselamatan Bersepadu Parlimen Malaysia ini adalah sistem bawah kendalian Bahagian Urus Bangunan dan Landskap namun dibantu (assist) oleh pihak ICT bagi khidmat nasihat berkaitan teknikal ICT.

## PENGURUSAN RANGKAIAN DAN KESELAMATAN ICT PARLIMEN MALAYSIA

Skop ini lebih kepada memastikan *network connectivity* antara blok-blok bangunan Parlimen sentiasa berfungsi dan boleh berkomunikasi dengan Pusat Data ICT bagi membolehkan pengguna-pengguna mengkases sistem masing-masing selain kemudahan akses ke internet. Blok-blok yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Blok Utama Parlimen Malaysia
2. Blok Menara Parlimen Malaysia
3. Blok Dewan Persidangan (Dewan Rakyat dan Dewan Negara)

Pada tahun 2013, usaha penambahbaikan sistem rangkaian bagi Blok Dewan Persidangan (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) dan Blok Utama telah dijalankan dengan sokongan pihak pentadbiran Parlimen Malaysia. Langkah penambahbaikan yang telah diambil ialah:

i. Membuat perolehan talian jalur lebar yang berkapasiti 20 Mbps yang **dikhususkan** untuk kegunaan Ahli-Ahli Parlimen sahaja di Dewan Sementara ini yang telah siap pada 25 Oktober 2013.

ii. Melaksanakan proses perolehan bagi memasang perkakasan rangkaian dan keselamatan yang **dikhususkan** untuk Dewan Sementara agar sumber *bandwidth* tidak lagi dikongsi dengan Blok Menara yang telah siap pada 25 Oktober 2013.

iii. Capaian Local Area Network (LAN) juga telah diasingkan ke laluan baru yang bersumberkan talian jalur lebar 20 Mbps ini semasa Dewan tamat bersidang pada 30 Disember 2013.

iv. Penambahan enam (6) Access Point di Blok Menara bagi lokasi yang tidak mempunyai capaian WiFi.

**PENGURUSAN KEMUDAHAN PERKAKASAN ICT**

Kemudahan ICT seperti komputer, komputer riba, pencetak, pengimbas, projektor, *thumbdrive* dan lain-lain adalah bawah seliaan Cawangan ICT. Segala keperluan dan permintaan daripada Ahli-ahli Parlimen, Kakitangan dan Pejabat Kementerian akan dipenuhi secara berperingkat-peringkat bergantung kepada bajet tahunan. Kesemua kemudahan direkod dan dilakukan perlupusan setelah perkakasan obsolete. Perkakasan yang rosak turut dibaikpulih oleh Unit Operasi dan Teknikal ICT Parlimen. Selain itu sebarang keperluan perkakasan ICT untuk mesyuarat dan majlis-majlis tertentu turut dikendalikan oleh unit ini. Berikut adalah ringkasan aktiviti:

1. Sewaan Perkakasan ICT untuk Kakitangan Parlimen

2. Perolehan Perkakasan Ahli-Ahli Parlimen

3. Perolehan Perkakasan Kakitangan Parlimen

4. Perolehan Perkakasan Pejabat Kementerian

5. Rekod Harta Modal

6. Perlupusan Aset

7. Baikpulih Perkakasan

8. Kesediaan Mesyuarat dan Majlis

**PENGURUSAN PEMANTAUAN PROJEK**

Berikut adalah senarai projek yang dipantau dan diselia oleh Cawangan ICT. Skop pengurusan adalah lebih kepada pemantauan status semasa, penyelenggaraan berkala, baikpulih perkakasan, penglibatan mesyuarat projek, perbincangan teknikal dan konfigurasi teknikal:

1. Projek Naik Taraf ICT Parlimen Malaysia
2. Projek Sistem Pemantauan dan Keselamatan Bersepadu Parlimen Malaysia

**PENGURUSAN KURSUS DAN LATIHAN KAKITANGAN ICT**

Pembangunan Pengetahuan Personel ICT dilakukan dengan mengadakan kursus-kursus berkaitan disamping menghantar kakitangan untuk menghadiri seminar dan latihan berdasarkan kepada skop kerja dan bidang masing-masing. Antara program yang dihadiri oleh personel ICT pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

i. Kursus Sistem Keselamatan Bersepadu Parlimen Malaysia (CCTV).

ii. *Advanced Conference System, Presentation on Concealed Audio, Reproduction Biometric Attendance Face, HD IP Camera Solution Unified Communication and Tele Presence*.

iii. Seminar Pemantapan Laman Web Sektor Awam untuk agensi-agensi sektor awam.

iv. *IPV6 Implementation & Deployment Workshop*.

v. Projek Pembangunan ICT JKR 2013-2016 - *VMWARE Virtualization*.

vi. Projek Pembangunan ICT JKR 2013-2016 - CLEAR CUBE - Blade PC.

vii. Persidangan Keselamatan ICT Sektor Awam 2013.

viii. *KIK Outreach 2013*.

ix. Persidangan Digital Kebangsaan 2013 (NDC 2013).

x. Solutions For Your ICT Vision 2013.

xi. Bengkel Pengurusan Risiko Projek Menaiktaraf Dan Ubahsuai Bangunan Parlimen Malaysia Fasa 2b & 3 **(RMKeIO - RP3).**

xii. Kursus Lindungan Sinaran untuk Pegawai.

xiii. *AIPA Intranet Design Workshop*.

**PENGURUSAN PELAN STRATEGIK ICT**

Pelan Strategik ICT telah dirangka bagi tahun 2010 hingga 2013. Pelan-pelan terlibat akan cuba direalisasikan mengikut perancangan. **Antara perancangan yang telah berjaya dilaksanakan mengikut Pelan Strategik ICT adalah seperti berikut:**

1. **Naik Taraf Portal Rasmi Jabatan**

2. **Naik Taraf Sistem Emel Jabatan**

3. **Naik Taraf Sistem e-Dewan**

4. **Pengwujudan Sistem Intranet**

5. **Pendigitalan Dokumen Persidangan Dewan**

6. ***Live Streaming* Persidangan Dewan dengan kerjasama pihak RTM**

7. **Pengwujudan Sistem e-Risalat**

**PENUTUP**

Peranan teknologi maklumat sangat penting di dalam sesautu organisasi yang semakin mencabar dan menghadapi persiangan global ini. Dunia yang dianggap sudah tidak bersempadan ini dari pada sudut pergerakan maklumat telah memberikan inspirasi supaya setiap organisasi menerima tanpa soal jawab aplikasi dan implementasi ICT dalam sesuatu organisasi berkenaan.

Parlimen Malaysia sangat bertuah kerana mempunyai Ketua Pentadbir yang aktif dan memberikan sokongan yang mantap untuk meningkatkan, memajukan dan menjayakan kemudahan ICT teknologi yang terkini kepada semua warga di Parlimen Malaysia. Tanpa pengurusan yang mantap dan berkesan, kejayaan di atas mungkin akan menghadapi laluan yang jauh.

Cawangan Teknologi Maklumat adalah sebagai pemangkin untuk memberikan kemudahan ICT teknologi terkini dan sentiasa peka dengan kehendak ahli-ahli Parlimen serta membuat penambahbaikan "*improvement*" untuk kelancaran perjalanan semasa dewan bersidang di Parlimen dan lain-lain kemudahan di Parlimen Malaysia. Cawangan Teknologi Maklumat juga akan senantiasa mengkaji dan menilai perkembangan teknologi IT serta akan melaksanakan teknologi-teknologi yang bersesuaian dengan kehendak dan kos dari masa ke semasa .

Mudah-mudahan Parlimen Malaysia akan senantiasa memantap dan mempertingkat infrastuktur ICT kearah 5 bintang serta unggul di persada antarabangsa pada 2018.

## CAWANGAN KESELAMATAN

### 1. Pengurusan Pas Keselamatan

Menguruskan pengeluaran Pas Keselamatan Parlimen Malaysia meliputi pas tetap dan pas sementara. Semua permohonan Pas Keselamatan hendahlah dikemukakan kepada Cawangan Keselamatan dan perlulah mendapat kelulusan daripada Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia atau Timbalan Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia. Jumlah pengeluaran pas keselamatan mengikut kategori masing-masing ialah seperti berikut:

| BIL | JENIS PAS KESELAMATAN | JUMLAH PENGELUARAN |
|---|---|---|
| 1. | Tetap | 365 |
| 2. | Sementara | 863 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **1228** |

Anggota Pengawal Keselamatan sedang memproses Pas Keselamatan





2. **Pengurusan Kemasukan Pegawai Bertugas, Pelawat, Tetamu dan Lain-lain**

Menyelaras dan menyelia kemasukan pelawat, pegawai bertugas, lawatan, petugas media, tetamu, rombongan dan pekerja kontrak serta memastikan pengurusan kemasukan sentiasa terkawal dengan mematuhi peraturan dan etika pemakaian yang ditetapkan Parlimen Malaysia.

Sepanjang tahun 2013 Cawangan Keselamatan menerima kemasukan pegawai bertugas, petugas media, pekerja kontrak, tetamu, pelawat dan rombongan seperti berikut:

| BIL | JENIS PAS KESELAMATAN | JUMLAH PENGELUARAN |
|---|---|---|
| 1. | Pelawat | 17481 |
| 2. | Rombongan | 9930 |
| 3. | Petugas Media | 4312 |
| 4. | Pegawai Bertugas | 8916 |
| 5. | Pekerja Kontrak | 241 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **40880** |



Pelawat sedang mendaftarkan kehadiran dalam Buku Pelawat di Kaunter Menara.



Anggota Keselamatan bertugas di Lif Kaunter Menara bagi kegunaan VIP.





Anggota Keselamatan sedang membuat pemeriksaan terhadap individu yang ingin memasuki Bangunan Parlimen dengan menggunakan Mesin Pengimbas & *Walk thru Metal Detector* serta memastikan pelawat memakai pas keselamatan sebelum memasuki Bangunan Parlimen di Kaunter 1.




Anggota Keselamatan bertugas di Kaunter 7.

**3. Pengurusan Sistem Keselamatan Di Parlimen Malaysia**

Parlimen Malaysia adalah bangunan kerajaan yang dilengkapi oleh sistem pengurusan Keselamatan. Antara Sistem Pengurusan Keselamatan tersebut ialah Sistem Televisyen Litar Tertutup (CCTV), *Under Vehicle Inspection System* (UVIS), *Portable Particle And Vapor Tracer* dan *Bollards*.

Parlimen Malaysia telah diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Oleh yang demikian, bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan di Kawasan Larangan memerlukan keupayaan tenaga manusia dan juga sistem keselamatan tambahan yang menyeluruh di Parlimen Malaysia.

**GAMBAR-GAMBAR SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DI PARLIMEN MALAYSIA**








Sistem Keselamatan CCTV di Parlimen Malaysia










Sistem Keselamatan UVIS di Parlimen Malaysia





Sistem Keselamatan *Portable Particle And Vapor Tracer* di Parlimen Malaysia





Sistem Keselamatan Bollards di Parlimen Malaysia

**4. Pengurusan Unit Ronda**

Tugasan utama Unit Ronda adalah mengawal lalulintas keluar dan masuk bagi laluan kenderaan Ahli Parlimen, Petugas Parlimen, pelawat dan orang awam yang memasuki kawasan Bangunan Parlimen supaya berjalan dengan lancar semasa hari persidangan. Unit Ronda juga bertanggungjawab bagi memastikan semua kenderaan diletakkan di ruang parkir mengikut zon yang telah ditetapkan. Anggota keselamatan membuat rondaan di seluruh kawasan Parlimen Malaysia dan melaporkan segala bentuk perlanggaran keselamatan serta menguatkuasakan peraturan keselamatan yang telah ditetapkan.





Anggota Pengawal Keselamatan bertugas di ruang masuk parkir kawasan Parlimen





Anggota Pengawal Keselamatan mengikut zon yang ditetapkan serta laluan masuk ke Dewan Semantara bagi laluan Khas Ahli Parlimen.









Kawalan bagi meletakkan kenderaan pelawat agar tidak menghalang lalulintas.



Kawalan pengiring bermotosikal oleh anggota Pangawal Keselamatan untuk mengiringi kenderaan VIP.



Kawalan pintu pagar belakang Bangunan Parlimen Malaysia.

**5. Pengurusan Kawalan Penyerahan Memorandum**

Menguruskan dan mengawal keselamatan semasa penyerahan memorandum di Parlimen Malaysia. Sehingga Disember 2013, sebanyak tujuh belas (17) memorandum telah diserahkan secara berkumpulan dalam kawasan Parlimen Malaysia antaranya ialah :

a) Memorandum Berkaitan Mohon Bantuan Kepada Penternak / Mangsa Wabak Virus Nipah (26 Jun 2013)
b) *Memorandum To Parliament : Political Motive Of K.Murugan's Murder In Tapah Perak During General Election* -13 (27 Jun 2013)
c) *Agreement* [TPPA] (16 Julai 2013)
d) Memorandum @ Petisyen (Rayuan) Berkaitan Kematian Tahanan Dalam Lokap Polis Di Balai Polis Tampin 1 Jun 2013 (25 September 2013)
e) Memorandum Oleh Perwakilan Penduduk Kuantan Kepada Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi Berkenaan Pengoperasian Kilang LYNAS Di Kuantan (26 September 2013)
f) Memorandum Rakyat Tolak Tahan Tanpa Bicara Kepada Menteri Dalam Negeri (30 September 2013)
g) Memorandum Kanak-Kanak Cebebral Palsy Di Malaysia Dinafikan Hak Bersekolah (2 Oktober 2013)

h) Memorandum Kepada Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar Mengenai Isu Perumahan Kampung Railway Sentul (1 Oktober 2013)
i) Memorandum Kepada Menteri Sumber Manusia Dalam Menuntut Kerajaan Lebih Serius Dalam Pelaksanaan Skim Gaji Minima (24 Oktober 2013)
j) Memerandum Dewan Pemuda PAS Mengenai Rakyat Malaysia Menentang Pelaksanaan GST (25 Oktober 2013)
k) Memorandum Oleh *Tamilar Action Force* (TAF) Mengenai Memohon Agar Kerajaan Malaysia Memboikot Mesyuarat CHOGM 2013 Yang Di Pengerusikan Oleh Kerajaan Sri Lanka Pada Hujung Tahun 2013 Di Sri Lanka (29 Oktober 2013)
l) Memorandum Bantahan Terhadap Tindakan Pencerobohan Kuil Sri Muneswararr Kaliyaman Di Jalan P.Ramlee Pada 10 November 2013 Oleh DBKL Dengan Bantuan PDRM (12 November 2013)
m) *Memorandum To Members Of Parliament On The Abolishment Of ' E-Voting' System In Campus Election* (14 November 2013)
n) Memorandum Kepada Menteri Pertanian Berkenaan Permasalahan Berbangkit Daripada Nelayan - Nelayan Seluruh Malaysia (16 November 2013)
o) Memorandum Kepada Pihak Berkuasa Daripada Masyarakat Orang Asal Sarawak Yang Diancam Oleh Empangan Murum (20 November 2013)
p) Memorandum Bantahan Pembinaan Loji Pembakaran Sampah (*Incinerator*) Di Tapak Pelupusan Sampah Taman Beringin, Jinjang Utara, Kepong (25 November 2013)
q) Memorandum Hentikan Segera Monopoli Syarikat ASTRO Oleh Sekretriat Bantahan ASTRO Bersama Pelanggan ASTRO (5 Disember 2013)






Kawalan keselamatan bagi urusan penyerahan memorandum di dalam kawasan Parlimen Malaysia.

6. **Taklimat / Kursus Keselamatan / Lawatan Kerja**

Mengatur taklimat/Kursus Keselamatan/ Lawatan Kerja seperti berikut:

| BIL | PERKARA | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Kursus Motivasi Peningkatan Kualiti Kerja Pengawal Keselamatan Siri 1 | 30 & 31 Jan 2013 |
| 2. | Kursus Motivasi Peningkatan Kualiti Kerja Pengawal Keselamatan Siri 2 | 18 & 19 Feb 2013 |
| 3. | Kursus Pengendalian Mesin Pengimbas | 6 Mac 2013 |
| 4. | Lawatan Kerja Bahagian Keselamatan Di Angkasapuri | 14 Mac 2013 |
| 5. | Ceramah Ancaman Bom | 25 April 2013 |
| 6. | Taklimat Keselamatan Kebakaran | 3 April 2013 |
| 7. | Kursus Asas Polis Bantuan Siri 1/ 2013 | 25 Ogos - 26 Oktober 2013 |

7. **Penubuhan Polis Bantuan Parlimen Malaysia**

Parlimen Malaysia telah diluluskan penubuhan Polis Bantuan Parlimen Malaysia berkuatkuasa pada 04 Mac 2013. Pada 25 Ogos 2013, Parlimen Malaysia telah menghantar seramai 11 orang anggota bagi menjalani Kursus Asas Polis Bantuan Siri 03/2013 di Pusat Latihan Polis Bukit Sentosa, Rawang, Selangor. Peserta kursus telah didedahkan dengan kepakaran ilmu kepolisan dan pengetahuan mengenai Jabatan Polis. Berkat kesabaran dan usaha gigih seramai 228 orang Pelatih Polis Bantuan yang menjalani latihan selama 9 minggu bermula pada 25 Ogos 2013, mereka telah berjaya menamatkan Kursus Asas Polis Bantuan dan telah diraikan dalam satu majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Polis Bantuan Siri 03/2013 pada 26 Oktober 2013 (Sabtu) bertempat di Dataran Kawad PULAPOL Bukit Sentosa. Kesemua pelatih ini adalah dari 20 buah agensi termasuk 11 orang wakil dari Parlimen Malaysia. Salah seorang pelatih dari Parlimen Malaysia iaitu KONST/PB Mohd Aidishariman Bin Marzuki yang mewakili Platun 7 telah menerima Anugerah Pelatih Terbaik (Latihan Luar).





# CAWANGAN PUSAT SUMBER

| BIL | PENGGUNA DAN PERKHIDMATAN PEMINJAMAN | TAHUN 2013 |
|---|---|---|
| 1. | Bilangan Buku peminjam | 200 |
| 2. | Bilangan Pengunjung (Orang Luar) | 16 |
| 3. | Bilangan Notis Yang Dikeluarkan Bagi Buku Yang Tidak Dipulangkan | 56 |
| 4. | Memberikan Perkhidmatan Peminjaman Kepada Pengguna (SPP) | 135 |
| 5. | Bahan Dipminjam Perpustakaan Luar (SPP) | 9 |
| 6. | Jumlah Peminjam (YB) | 63 (Orang) |
| 7. | Jumlah Peminjam (Kakitangan) | 55 (Orang) |
| 8. | Keahlian berdaftar<br>**Bilangan ahli baru**<br>**Jumlah ahli berdaftar** | <br>**20 (Orang)**<br>**298 (Orang)** |

## KOLEKSI BAHAN

| BIL | PENJILIDAN BAHAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Menjilid jawapan-jawapan lisan harian | 71 |
| 2. | Rang Undang-undang | 4 |
| 3. | Penyata rasmi dewan rakyat | 50 |
| 4. | Kertas statu | 44 |
| 5. | Laporan prosiding | 46 |
| 6. | Aturan Urusan Mesyuarat | 4 |
| | **JUMLAH KOS RM6,061.00** | |

| JUDUL MAJALAH | |
|---|---|
| TIME | NONA |
| NONA | PA & MA |
| PA & MA | RAPI |
| RAPI | READER'S DIGEST |
| READER'S DIGEST | SAJI |
| SAJI | WANITA |
| WANITA | MASTIKA |
| MASTIKA | SME ENTREPRENUERSHIP |
| SME ENTREPRENUERSHIP | APARTMENT |
| APARTMENT | MANAGEMENT MAGAZINE |
| MANAGEMENT MAGAZINE | GATRA |
| GATRA | TEMPO |
| TEMPO | HIDAYAH |
| IMPIANA | I SIHAT |
| LAMAN IMPIAN | KELUARGA |
| RASA | LIBUR |
| UTUSAN CONSUMER | MAJALAH PC |
| UTUSAN PENGGUNA | MALAYSIAN BUSINESS |
| AL ISLAM | FOTO GRAFIKA |
| AL MUSLIMAH | NONA |
| ANJUNG SERI | PA & MA |
| DEWAN MASYARAKAT | SME ENTREPRENUERSHIP |
| RAPI | SAJI |
| READER'S DIGEST | READER'S DIGEST |
| MASTIKA | APARTMENT |
| MANAGEMENT MAGAZINE | GATRA |
| GATRA | TEMPO |

## PANGKALAN DATA DILANGGAN

Contoh: Mylib, NSTP On-line, Bernama, Sirim Link dan lain-lain:
(i) Lawnet
(ii) NSTP emedia
(iii) Mylib
(iv) Malaysiakini
(v) Blis.bernama
(vi) CLJlaw
(vii) Asiarisk

# BAHAGIAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PROTOKOL

Parlimen Malaysia





# BAHAGIAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PROTOKOL

## AKTIVITI BAHAGIAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PROTOKOL BAGI TAHUN 2013

| | 2013 | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGO | SEP | OKT | NOV | DIS | JUMLAH |
| 1. | Law Masuk | 1 | 2 | | | | | 1 | | 1 | | | | 5 |
| 2. | Law Keluar | 1 | | | | | 1 | 2 | | | 1 | | | 5 |
| 3. | Persidangan | 5 | | | 1 | 4 | 1 | | 1 | 1 | 4 | 4 | 2 | 23 |
| 4. | Kunjungan Hormat | 3 | 3 | | | 1 | 1 | 4 | 1 | 4 | 6 | 7 | 5 | 35 |
| | Jumlah Keseluruhan | | | | | | | | | | | | | 68 |



## AKTIVITI BAHAGIAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PROTOKOL
## >> JANUARI - APRIL 2013

| BIL | TAJUK | JAN | FEB | MAC | APR |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Lawatan Masuk** | Lawatan Rasmi oleh ***Secretary Ronaldo M. Lamas, Philippines Presidential Political Adviser*** ke Malaysia, **20 - 23 Januari 2013** | Lawatan Kerja (M) **oleh Mr. Igor N. Rudensky**, ***Head of the Committee of the Economic Policy, Innovative Development and Entrepreneurship, Lower House of the Federal Assembly of the Russian Federation (State Duma)*** ke Malaysia, 3 - 8 Februari 2013<br><br>Lawatan Rasmi (M) **oleh Tuan Yang Terutama Mr. Ilgizar Sobirov,** ***Chairman of the Senate of the Oliy Majlis of the Republic of Uzbekistan*** ke Malaysia, 26 - 27 Februari 2013 | | |
| 2. | **Lawatan Keluar** | Lawatan Kerja YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, **Yang di-Pertua Dewan Rakyat ke Johanessburg, Afrika Selatan,** **13 - 16 Januari 2013** | | | |
| 3. | **Persidangan** | 22nd Conference of the Commonwealth Speakers and Presiding Officers **(CSPOC) Swakopmund, Namibia,** **10 - 13 Januari 2012**<br><br>*16th General Assembly of the Asia Pacific Parliamentarians Conference on Environment and Development* **(APPCED), Kathmandu, Nepal,** **14 - 18 Januari 2013** | | | *The 22nd* ***Asean Summit,*** **Brunei Darussalam, 24 - 25 April 2013** |

| BIL | TAJUK | JAN | FEB | MAC | APR |
|---|---|---|---|---|---|
| 3. | **Persidangan** | *$8^{th}$ Session of the Parliamentary Union of the OIC Member States (PUIC) Conference,* **Khartoum, Sudan,**<br>**17 - 22 Januari 2013**<br><br>*The $21^{st}$ Annual Meeting of Asia-Pacific Parliamentary Forum* **(APPF) Vladivostok, Russia,**<br>**27 - 31 Januari 2013**<br><br>*$5^{th}$ Global Organisation of Parliamentarians against Corruption (GOPAC),* **Manila, Filipina,**<br>**30 Jan - 2 Feb 2013** | | | |
| 4. | **Kunjungan Hormat** | Kunjungan hormat H.E. Mohamed Saad Ibrahim, Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary of the Arab Republic ke atas **TYPDN,**<br>**9 Januari 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Mr. Constantin Nistor, Romanian Ambassador of Romania ke atas **YPDN,**<br>**14 Januari 2013**<br><br>Kunjungan hormat TYT Jia Qing Lin, Senior Member of the Standing Committee of the Political Bureau of the Communist Party of China Central Committee ke atas **YPDN,**<br>**31 Januari 2013** | Kunjungan hormat Hon. Igor N. Rudensky, Chairperson of the Committee of the Economic Policy, Innovative Development and Entrepreneurship ke atas **YPDN & YPDR,**<br>**4 Februari 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Adam Wacław Jelonek, Ambassador of the Republik of Poland ke atas **YPDN,**<br>**22 Februari 2013**<br><br>Kunjungan hormat Tuan Yang Terutama Ilgzar Sobirov, Chairman of the Senate of the Oliy Majlis of the Republic Uzbekistan ke atas **YPDN & YPDR,**<br>**21 Februari 2013** | | |

## AKTIVITI BAHAGIAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PROTOKOL
## >> MEI - OGOS 2013

| BIL | TAJUK | MEI | JUN | JUL | OGOS |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Lawatan Masuk** | | Lawatan Kerja Hon. Lindiwe Maseko Kasolo, MP Chairperson of CPA Africa Region and the Speaker of Gauteng Provincial Legistlature ke Malaysia, **9 - 10 Julai 2013** | Lawatan Kerja (M) **oleh Mr. Igor N. Rudensk** | |
| 2. | **Lawatan Keluar** | | Lawatan Kerja YB Senator Datuk Doris Sophia Brodi, **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara** dan Delegasi Malaysia ke **Russia** dan **Italy**, **26 Jun 2013 - 8 Julai 2013** | Lawatan Rasmi oleh YB Datuk Ronald Kiandee, **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat** dan Delegasi Malaysia ke **Warsaw, Poland,** **24 - 28 Julai 2013**<br><br>Lawatan Rasmi YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, **Yang di-Pertua Dewan Rakyat** ke **Republik India,** **29 Julai 2013 - 2 Ogos 2013** | |
| 3. | **Persidangan** | *10th Meeting of the AIPA Fact Finding Committee (AIFOCOM)* to Combat Drug Menace, **Bandar Seri BegawanBrunei Darussalam,** **12 - 16 Mei 2013**<br><br>*5th* ***AIPA Caucus*** *Meeting*, **Da Lat Lam Dong, Vietnam,** **12 - 13 Mei 2013** | *World Trade Organization* **(WTO)** *and The Temasek Foundation Centre For Trade & Negotations* *(TFCTN) Parliamentarians Workshop On International Trade* **Singapore,** **9 - 13 Jun 2013** | | Persidangan Parlimen Komanwel Ke-59 ***(59th Commonwealth Parliamentary Conference)***, Johannesburg, **South Africa,** **28 Ogos - 6 September 2013** |

| BIL | TAJUK | MEI | JUN | JUL | OGO |
|---|---|---|---|---|---|
| 3. | **Persidangan** | *30th Meeting of the* **PUIC Executive Committee, Baku, Azerbaijan, 23-24 Mei 2013**<br><br>*24th* ***CPA Annual Parliamentary Seminar,*** **Singapore, 27 Mei - 1 Jun 2013** | | | |
| 4. | **Kunjungan Hormat** | Kunjungan hormat *Upper House of Parliament of India* ke atas **YPDN, 28 Mei 2013** | Kunjungan hormat *National Congress People Congreess Republic China* dan *First Vice-President Senate Thailand* ke atas **TYPDN, 12 Jun 2013** | Kunjungan hormat Hon. Lindiwe Maseko Kasolo, MP *Chairperson of CPA Africa Region and the Speaker of Gauteng Provincial Legistlature* ke atas **YPDR, 9 Julai 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Prof. Dr. Qaley Allahverdiyev Duta Azerbaijan ke atas **YPDR, 16 Julai 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Huynh Ngoc Son Vice Chairman of National Assembly of Vietnam ke atas **YPDR, 25 Julai 2013**<br><br>Kunjungan hormat Ahli Parlimen Republik Iran ke atas **YPDR, 25 Julai 2013** | |

## AKTIVITI BAHAGIAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PROTOKOL
## >> SEPTEMBER - DISEMBER 2013

| BIL | TAJUK | SEP | OKT | NOV | DIS |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Lawatan Masuk** | Lawatan Rasmi TYT Thura U Shwe Mann, Speaker of Pyidaungsu Hluttaw and Pyithu Hluttaw (Speaker Parlimen Myanmar) ke Malaysia, **26 - 28 September 2013** | | | |
| 2. | **Lawatan Keluar** | | Lawatan Rasmi oleh Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang, **Yang di-Pertua Dewan Negara** dan Delegasi Malaysia ke **Kazakhstan** dan **Uzbekistan, 13 - 22 Oktober 2013** | | |
| 3. | **Persidangan** | *34th General Assembly of the Asean Inter Parliamentary Assembly* **(AIPA), Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 17 - 23 September 2013** | *The 129th Inter-Parliamentary Union* **(IPU)** *and Related Meetings,* **Geneva, Switzerland, 4 - 11 Oktober 2013**<br><br>*The Global Parliamentarians on Habitat* **(GPH), Split, Croatia, 12 - 15 Oktober 2013**<br><br>Mesyuarat *South East Asian Parliamentarians Against Corruption* **(SEAPAC) Medan, Indonesia, 23 - 24 Oktober 2013**<br><br>**AIPA Workshop, Jakarta, Indonesia, 27 - 31 Oktober 2013** | *Work shop on* **AIPA Intranet Design, Vientiane, Lao PDR, 13 - 15 November 2013**<br><br>*Commonwealth Heads of Government Meeting* **(CHOGM) Colombo, Sri Lanka, 15 - 17 November 2013**<br><br>Lawatan Delegasi *Asean Inter Parliamentary Assembly* **(AIPA), ke Parlimen Negara Jepun, 25 - 29 November 2013**<br><br>*Women in Parliaments Global Forum* **(WIP) Annual Summit, Brussels, Belgium, 27 - 29 November 2013** | *6th Asian Parliamentary Assembly* **(APA) Islamabad, Pakistan, 8 - 11 Disember 2013**<br><br>Lawatan Kerja oleh Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara **(PAC) ke Parlimen United Kingdom, 9 - 13 Disember 2013** |

| BIL | TAJUK | SEP | OKT | NOV | DIS |
|---|---|---|---|---|---|
| 4. | **Kunjungan Hormat** | Lawatan delegasi Vice Chairman Economy Lao PDR ke Parlimen Malaysia, **5 September 2013**<br><br>Kunjungan hormat Hon. Mr. Narong Duding, *Senior Member Of Thailand's House Of Representatives & President Of The Thailand - Malaysia Parliamentarians Friendship Group & Delegation* Ke Atas YPDN, **23 September 2013**<br><br>Kunjungan hormat Hon. Mr. Narong Duding, *Senior Member Of Thailand's House Of Representatives & President Of The Thailand - Malaysia Parliamentarians Friendship Group & Delegation* Ke Atas **YPDR, 23 September 2013**<br><br>Kunjungan hormat TYT Thura U Shwe Mann, Speaker Of Pyidaungsu Hluttaw And Pyithu Hluttaw (Speaker Parlimen Myanmar) ke atas **YPDR, 25 September 2013** | Kunjungan hormat H.E. Jose Antonio Amorim Dias, Duta Besar Timur-Leste ke atas **YPDR, 1 Oktober 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Ahmed Faouzi, Duta Besar Morocco ke atas **YPDR, 1 Oktober 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Vladimir Zagursky Duta Besar Republik Belarus ke atas **YPDR, 22 Oktober 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Cho Byungjae, Duta Besar Republik Korea ke atas **YPDN, 29 Oktober 2013**<br><br>Kunjungan Hormat H.E. Cho Byungjae, Duta Besar Republik Korea ke atas **YPDR, 29 Oktober 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Jose Antonio Amorim Dias, Duta Besar Timor Lest ke atas **YPDN, 30 Oktober 2013** | Kunjungan Hormat Hon. Barry House, MLC, *President Of The Legislative Council Western* Australia Ke Atas **YPDR, 7 Nov 2013**<br><br>Kunjungan Hormat Hon. Barry House, MLC, *President Of The Legislative Council Western* Australia Ke Atas **YPDR, 7 Nov 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Dr. Rolf Lenz Ambassador of Switzerland ke atas **YPDN, 12 November 2013**<br><br>Kunjungan hormat oleh Drs. H. Adang Daradjatun, Tim Pengawas Untuk Pelindungan Tenaga Kerja Indonesia di Luar Negeri, Dewan Perwakilan Rakyat, Republik Indonesia (DPR-RI) ke atas **TYPDR, 15 November 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Daniyar Sarekenov Ambassador Republik Kazakhtan ke atas **YPDN, 19 November 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Ihor V. Humenny Ambassador Ukraine keatas **YPDR, 19 November 2013**<br><br>Kunjungan hormat Delegasi CPA United Kingdom ke atas **YPDR, 18 November 2013** | Kunjungan hormat H.E. Ahmed Faouzi, Duta Besar Ambassador of Morocco keatas **YPDN, 3 Disember 2013**<br><br>Kunjungan hormat Legislation Bureau of Public Administration Republic Korea keatas **TYPDN, 10 Disember 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Mr. Ukin Djusupov Charge D'Affaires of Kyrgyz Republic keatas **YPDN, 10 Disember 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Mr. Li Shi Shi, Chairman of Legislative Commission of the NPC China keatas **YPDN, 13 Disember 2013**<br><br>Kunjungan hormat Ms Michelle Gyles-Mcdonnough UN Resident Coordinator & UNDP Resident Representatives for Malaysia keatas **YPDN, 19 Disember 2013** |

| BIL | TAJUK | SEP | OKT | NOV | DIS |
|---|---|---|---|---|---|
| 4. | **Kunjungan Hormat** | | | Kunjungan hormat Delegasi CPA United Kingdom ke atas **YPDN, 18 November 2013**<br><br>Kunjungan hormat Parlimen Namibia ke atas **TYPDR, 18 November 2013**<br><br>Kunjungan hormat H.E. Holger Michael Ambassador Federal Republic Germany keatas **YPDR, 28 November 2013** | |

## AKTIVITI BAHAGIAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PROTOKOL >> LAIN-LAIN

| BIL | TAJUK | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Pembukaan Penggal Pertama, Majlis Parlimen Yang ke-13 - Majlis Angkat Sumpah | 24 Jun 2013 |
| 2. | Pembukaan Penggal Pertama , Majlis Parlimen Yang ke-13 - Istidat Pembukaan | 25 Jun 2013 |
| 3. | Majlis Berbuka Puasa Yang di-Pertua Dewan Negara | 23 Julai 2013 |
| 4. | Jamuan Hari Puasa dengan kerjasama Kelab Kebajikan Sukan Parlimen Malaysia (KKSPM) dan PUSPANITA | 29 Ogos 2013 |
| 5. | Pembentangan Bajet 2014 | 25 Oktober 2013 |

# BAHAGIAN URUS BANGUNAN & LANDSKAP

Parlimen Malaysia





# BAHAGIAN URUS BANGUNAN DAN LANDSKAP

## FUNGSI UTAMA

1. Melaksanakan pemeriksaan dan audit keadaan fizikal bangunan untuk menilai dari segi aspek struktur bangunan, sistem mekanikal dan sistem elektrikal supaya berfungsi dengan baik dan sempurna dari segi kefungsian dan keselamatan teknikal;
2. Merancang dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas kompleks Parlimen serta kediaman rasmi Speaker Dewan;
3. Memohon peruntukan tahunan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembangunan Kompleks Parlimen Malaysia;
4. Mengurus dan mentadbir kontrak penyelenggaraan di Parlimen serta kediaman rasmi Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negara;
5. Menyelaras kerja-kerja ubahsuai dan naiktaraf bangunan Parlimen yang dilaksanakan oleh JKR;
6. Menguruskan pembersihan kawasan Parlimen dan penyelenggaraan landskap;
7. Mengurus, menyelaras, memantau dan melaksanakan persiapan logistik dan keperluan infra bagi majlis-majlis rasmi di Parlimen;
8. Memastikan sistem Mekanikal, Elektrikal dan Sistem Keselamatan beroperasi dengan baik sepanjang masa di Bangunan Parlimen dan kediaman rasmi YPDN & YPDR; dan
9. Melaksanakan pendaftaran aset bangunan/aset tak alih.



# CARTA ORGANISASI
# BAHAGIAN URUS BANGUNAN & LANDSKAP


**IR. HJH RUHANI BT. HJ. ALI**
KETUA JURUTERA GRED J54

### PENTADBIRAN


**MUHD ZUDI MOHD ZAIN**
PEMBANTU TADBIR N17


**SAIPUL RIZAL ABD WAHID**
PEMBANTU AWAM GRED H11


**ABDUL JAWAT MANSOR**
JURUTERA MEKANIKAL
GRED J48


**SITI NURULHUDA AMIRRUDIN**
JURUTERA AWAM GRED J48


**IR. HALIMAH MOHAMAD**
JURUTERA ELEKTRIK
GRED J48

### UNIT BANGUNAN


**MAHATHIR DARUS**
PEN. JURUTERA (A)
GRED J36


**MUHD. KHALIL MOHD NOR**
PEN. JURUTERA (M)
GRED J29


**REZWAN MUSIRAN**
PENJAGA JENTERA
ELEKTRIK KANAN J22


**AZHAR DAHALAN**
PENJAGA JENTERA
ELEKTRIK KANAN J22


**HAFIZZAN ISMAIL**
PENJAGA JENTERA
ELEKTRIK J17


**MUHD. RIDHWAN MOHD YAZID**
PEMBANTU KEMAHIRAN H17


**ANUAR ABDULLAH**
PEMBANTU KEMAHIRAN H17


**MOHD HASANUDDIN MOHD IKHWAN**
PEMBANTU KEMAHIRAN H17


**MOHD FIRMAN MOHD FAIZAL**
PEMBANTU KEMAHIRAN H17


**KAMAZAMAN TUNGGAL**
PEMBANTU KEMAHIRAN H11

### UNIT LANSKAP


**MOHD. NAZIR TAMBAH**
PEMB. PERTANIAN GRED G22


**RAJENDRAN MUTHOO**
PEMBANTU AWAM GRED H11


**ROHLAN BADRI**
PEMBANTU AWAM GRED H11


**MOHD. SAHRIN NOOR DIN**
PEMBANTU AWAM GRED H11


**MD. SYAHIRIY TAHIR**
PEMBANTU AWAM GRED H11


**MUHD. NORAZAM ISMAIL@HUSSIEN**
PEMBANTU AWAM GRED H11


**MAHATHIR MUSTAFA KAMAL**
PEMBANTU AWAM GRED H11

## FUNGSI UTAMA

**UNIT BANGUNAN**

1. Mengurus dan mentadbir kontrak penyelenggaraan bangunan dan infrastruktur ke atas Bangunan Parlimen dan kediaman rasmi Yang di-Pertua Dewan untuk kesemua dispilin kejuruteraan awam & stuktur, mekanikal dan elektrikal.

2. Merancang, mengurus, mengawas dan menyelaras kerja-kerja penyelanggaraan, membaikpulih dan menaiktaraf Bangunan Parlimen dan Kediaman Rasmi Yang di-Pertua Dewan.

3. Menyedia, memproses dan mengeluarkan tender / sebutharga kerja-kerja segera penyelenggaraan dan menaik taraf Bangunan Parlimen dan Kediaman Rasmi Yang di-Pertua Dewan untuk kesemua dispilin kejuruteraan awam & stuktur, mekanikal dan elektrikal.

4. Menjalankan kerja-kerja pembaikan kecil secara tenaga jabatan.

5. Menyelaras dan mengurus persiapan logistik majlis rasmi Parlimen.

6. Menyelaras kerja ubahsuai dan naiktaraf dengan JKR untuk kesemua dispilin kejuruteraan awam & stuktur, mekanikal dan elektrikal.

7. Penyediaan anggaran Belanjawan Tahunan bagi kerja penyelenggaraan untuk kesemua dispilin kejuruteraan awam & stuktur, mekanikal dan elektrikal.

8. Menyelia pembersihan bangunan.

9. Memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal kepada Parlimen.

**UNIT LANDSKAP**

1. Mengurus penyelenggaraan landskap dan taman.

2. Mengurus tapak semaian.

3. Mengurus penyelenggaraan lanskap dalam bangunan.

4. Mengurus ternakan haiwan rusa.





# LAPORAN PENCAPAIAN
# BAHAGIAN URUS BANGUNAN & LANDSKAP

1. **Ringkasan perbelanjaan peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan secara *one-off* di parlimen malaysia**

   Ringkasan pencapaian tahunan kewangan BUBL untuk tahun 2013 bagi kerja-kerja *one-off* adalah seperti jadual di bawah. Perolehan kerja-kerja penyelenggaraan secara *one-off* ini telah dilaksanakan melalui kaedah lantikan terus dan panggilan sebutharga.

| BIL | JENIS PERBELANJAAN PEROLEHAN | BIL. PEROLAHAN | KOS (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Perolehan Bagi Kerja-Kerja Awam Yang Dilaksanakan Oleh Parlimen | 37 | 1,077,649.00 |
| 2. | Perolehan Bagi Kerja-Kerja Mekanikal Yang Dilaksanakan Oleh Parlimen | 27 | 790,062.50 |
| 3. | Perolehan Bagi Kerja-Kerja Elektrikal Yang Dilaksanakan Oleh Parlimen | 31 | 748,237.40 |
| 4. | Perolehan Bagi Kerja-Kerja Taman Dan Landskap Yang Dilaksanakan Oleh Parlimen | 6 | 69,805.00 |
| 5. | Perolehan Yang Dilaksanakan Oleh JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 4 | 516,100.00 |
| | **Jumlah keseluruhan (RM)** | | **3,201,853.90** |

2. **Mentadbir kontrak penyelenggaraan sistem lif, sistem penyaman udara, sistem pencegah kebakaran, sistem pam air, *housekeeping* dan pembersihan *landskap***

   Untuk kontrak penyelenggaraan berpenggal, terdapat sebanyak 8 bilangan kontrak berpenggal yang diuruskan oleh BUBL sehingga kini.

   Senarai butiran kontrak penyelenggaraan berpenggal yang diurus dan ditadbir oleh BUBL adalah seperti jadual berikut:

| BIL | KONTRAK PENYELENGGARAAN | KOS KONTRAK (UNTUK 1 TAHUN) | TEMPOH KONTRAK |
|---|---|---|---|
| 1. | Kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan sistem penyaman udara dan pengudaraan, sistem pencegah kebakaran dan sistem air sejuk dan pam penggalak di bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur untuk tempoh satu (1) tahun. | RM 472,720.00 | 01/10/2013 - 30/09/2014 |
| 2. | Kerja-kerja servis dan senggaraan secara komprehensif bagi dua (2) unit lif penumpang di Blok Menara, bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur. | RM 38,664.00 (RM 77,328.00 - 2 tahun) | 02/04/2012 - 01/04/2014 |
| 3. | Kerja-kerja servis dan senggaraan bagi tiga (3) unit lif penumpang di Blok Utama, bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur. | RM 15, 300.00 (RM 30,600.00 - 2 tahun) | 01/09/2012 - 31/08/2014 |

| BIL | KONTRAK PENYELENGGARAAN | KOS KONTRAK (UNTUK 1 TAHUN) | TEMPOH KONTRAK |
|---|---|---|---|
| 4. | Kerja-kerja servis dan senggaraan secara komprehensif bagi satu (1) unit lif OKU di Blok Utama, Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur. | RM 5,400.00 | 13/10/2011 - 12/10/2013 |
| 5. | Kerja-kerja penyelenggaraan sistem penyaman udara dan sistem air sejuk dan pam penggalak di rumah kediaman rasmi YPDR & YPDN. | RM 60,220.00 (RM 120,440.00 - 2 tahun) | 01/10/2012 - 30/09/2014 |
| 6. | Kerja-kerja servis dan senggaraan secara komprehensif bagi dua (2) unit lif penumpang di Blok Dewan Sementara, Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur. | RM 20,400.00 (RM 40,800 - 2 tahun) | 01/10/2012 - 30/09/2014 |
| 7. | Perkhidmatan Pembersihan *Softscape* (Memotong Rumput Dan Penyelenggaraan Tanaman Landskap) Dan Kerja-Kerja Pembersihan *Hardscape* Di Dalam Kawasan Parlimen Malaysia. | RM400,904.00 | 01/06/13 - 31/05/14 |
| 8. | Perkhidmatan Pengurusan Dan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Kerja-Kerja Pembersihan (*Housekeeping*), Dan Kawalan Serangga Perosak Di Bangunan Parlimen, Malaysia. | RM844,500.00 (RM 1.688 juta - 2 tahun) | 01/11/13 - 31/10/15 |

**3. Menyediakan dokumen tender dan sebutharga kontrak penyelenggaraan berpenggal dan kerja-kerja penyelenggaraan serta pembaikan *one-off***

a) Terdapat tiga (3) kontrak penyelenggaraan berpenggal yang tamat pada tahun 2013 dan perlu diperbaharui kontrak. Ketiga-tiga kontrak penyelenggaraan berpenggal yang terlibat adalah seperti berikut:

| BIL | TAJUK DOKUMEN TENDER / SEBUTHARGA |
|---|---|
| 1. | Perkhidmatan Pembersihan Softscape (Memotong Rumput Dan Penyelenggaraan Tanaman Landskap) Dan Kerja-Kerja Pembersihan Hardscape Di Dalam Kawasan Parlimen Malaysia - 1 tahun |
| 2. | Kerja-Kerja Operasi Dan Penyelenggaraan Sistem Penyaman Udara Dan Pengudaraan, Sistem Pencegah Kebakaran Dan Sistem Air Sejuk Dan Pam Penggalak Di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur Untuk Tempoh Satu (1) Tahun |
| 3. | Perkhidmatan Pengurusan Dan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Kerja-Kerja Pembersihan (*Housekeeping*), Dan Kawalan Serangga Perosak Di Bangunan Parlimen, Malaysia. - 2 tahun |

b) Untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan secara one-off, sebanyak lapan (8) bilangan sebutharga telah berjaya dipanggil dan dilaksanakan oleh BUBL. Kelapan-lapan sebutharga yang terlibat adalah seperti berikut:

| BIL | TAJUK DOKUMEN TENDER / SEBUTHARGA |
|---|---|
| 1. | Kerja-kerja penyelenggaraan elektrik di Bangunan Parlimen Malaysia, Kediaman Rasmi YPDN dan Kediaman Rasmi YPDR |
| 2. | Cadangan kerja-kerja mengecat pagar utama dan pintu gerbang di Parlimen Malaysia dengan jaminan dan warranty 5 tahun |
| 3. | Kerja-kerja mengecat semula tempat petak *parking, road marking* dan kerb jalan sekitar bangunan Parlimen Malaysia |
| 4. | Kerja-Kerja *Chemical Cleaning* Bagi Sistem Penyaman Udara Jenis Berasingan Di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur |
| 5. | Kerja-Kerja Naiktaraf *Sound System* Di Bangunan Parlimen Malaysia Dan Penyelenggaraan Sistem CCTV Di Kediaman Rasmi YPDN DAN YPDR, Kuala Lumpur. |
| 6. | Perkhidmatan Sewaan *Modular Tent* Untuk Dijadikan Balai Tetamu Ahli Parlimen Selama 3 Bulan Di Kompleks Parlimen Malaysia |
| 7. | Kerja-kerja pembaikan Sistem CCTV di kediaman rasmi YPDN, Kuala Lumpur |
| 8. | Kerja -kerja penyelenggaraan sistem CCTV di Bangunan Parlimen Malaysia |



4. **Memantau dan menyelaras pelaksanaan projek Baikpulih dan Naiktaraf Bangunan Parlimen yang dilaksanakan oleh JKR**

Terdapat 5 projek baikpulih dan naiktaraf Bangunan Parlimen yang sedang dilaksanakan secara berfasa oleh JKR Malaysia. Pelaksanaan projek tersebut adalah seperti jadual di bawah:

| FASA | TEMPOH PEMBINAAN | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2011 | | 2012 | | | | 2013 | | | | 2014 | | | | 2015 | | | | 2016 | | | | |
| | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | |
| **Fasa 1A**: Dewan Serbaguna untuk dijadikan Dewan Negara dan Dewan Rakyat sementara | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | Siap pada 5 September 2011 **Kos: RM31 Juta** |
| **Fasa 2A:** Baikpulih Panel Fasad dan Bumbung Pinnacle Blok Utama dan Blok Menara | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | Siap pada 26 Sept 2013 **Kos: RM17 juta** |
| **Fasa 2B**: Baikpulih dan Naiktaraf Blok Utama serta kerja-kerja berkaitan | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | Pembinaan dijadualkan bermula Mac 2014. (30 bln) Dijadualkan siap pada Julai 2016. |
| **Fasa 2C**: Baikpulih Blok Menara | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | Pembinaan dijadualkan bermula pada November 2015. Dijadualkan siap pada Dis 2016. |
| **Fasa 3**: Pembinaan Blok Baru Ahli Parlimen dan Pentadbiran dengan 550 tempat letak kenderaan besmen | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | Pembinaan dijadualkan bermula pada Julai 2014 Dijadualkan siap pada Julai 2016. |

5. **Melaksanakan pembaikan dan penyelenggaraan secara dalaman**

Bahagian ini juga melaksanakan beberapa kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan secara dalaman dan menggunakan khidmat kepakaran staf bahagian seperti berikut:

a) Membaiki kerosakan lampu, pendawaian dan peralatan elektrik;
b) Menguji sistem extra voltan rendah untuk persidangan dewan seperti sistem siaraya, loceng dewan, siaran tv dewan dan sistem-sistem lain yang berkaitan;
c) Menyediakan audio sistem untuk kegunaan majlis rasmi jabatan, bilik mesyuarat utama seperti Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1 dan 2, Dewan Banquet serta Lounge Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan tempat-tempat lain mengikut keperluan;
d) Memeriksa sistem keselamatan bersepadu agar sentiasa berfungsi dengan baik yang merangkumi sistem CCTV, ***bollards, perimeter intrusion detection system*** dan lain-lain sistem yang telah diintegrasi;
e) Menyemai pokok-pokok hiasan parlimen dan kerja-kerja taman yang berkaitan; dan
f) Membaiki kerosakan paip, pintu dan peralatan lain yang berkaitan.

## LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI BAHAGIAN 2013

- 18 FEBRUARI 2013
- FRIM, KEPONG
- Lawatan kerja sambil belajar ke FRIM Kepong









- 20 FEBRUARI 2013
- PARLIMEN MALAYSIA
- Program menanam pokok Hutan Kita@Parlimen bersama Yang di-Pertua Dewan Negara.













- 1 - 4 APRIL 2013
- FRIM, KEPONG
- Kursus Lanskap dan Penyelenggaraan Pokok di FRIM, Kepong














- 30 APRIL 2013
- PARLIMEN MALAYSIA
- YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal , Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia menjadi tetamu kehormat di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia. Majlis juga diikuti dengan acara menanam sebatang pokok jenis ***podocarpus macrophyllus*** oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) sebagai tanda kenangan.














- 29 OGOS 2013
- PARLIMEN MALAYSIA
- YB Dato' Haji Ismail Mohamed Said, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat menjadi tetamu kehormat Majlis Perhimpunan Bulanan Parlimen Malaysia dengan tema Hari Merdeka.













- 10 - 12 SEPTEMBER 2013
- IBUPEJABAT JKR, MENARA PJD
- Bengkel Pengurusan Risiko untuk Projek Baikpulih dan Naiktaraf Parlimen Malaysia di Ibu Pejabat JKR Malaysia.













- 11 NOVEMBER 2013
- PARLIMEN MALAYSIA
- Majlis Penyerahan Projek Siap bagi Projek Kerja-kerja Membaiki Panel Fasad dan Permukaan Dalaman & Luaran Bumbung *Pinnacle* Bangunan Parlimen Malaysia (Fasa 2A).















- 18 NOVEMBER - 14 DISEMBER 2013
- PARLIMEN MALAYSIA & HOTEL RENNAISANCE
- Pertandingan Lakaran Bangunan Parlimen dan Pertandingan Idea Rekabentuk Cadangan Landskap Laman Parlimen Malaysia Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke 50 Tahun Bangunan Parlimen Malaysia.
















# PELAN STRATEGIK 2013 - 2018

Parlimen Malaysia






VISI
MISI
MOTO
STAKEHOLDERS



## Parlimen Malaysia sebagai institusi perundangan unggul bertaraf dunia.

Sebagai sebuah institusi legislatif yang terulung, Parlimen Malaysia berwawasan untuk terus menjadi peneraju dan penanda aras kepada institusi-institusi legislatif tempatan dan Antarabangsa.

## Memastikan tadbir urus yang profesional, inovatif dan strategik untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti.

Komited untuk sentiasa menjalankan tanggungjawab dengan cekap kepada *stakeholders*, memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan serta mengguna pakai amalan terbaik dan strategik dalam pengurusan sumber dan pentadbiran organisasi.

## Mendukung Profesionalisme.

Warga Parlimen konsisten memberikan perkhidmatan yang terbaik dan profesional tanpa mengira perbezaan latar belakang pelanggannya.

1. **Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**
2. **Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat**

## PELANGGAN

1. **Ahli Parlimen**
   - Kami bersedia memberi khidmat kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara.

2. **Kementerian / Jabatan**
   - Kami akan sentiasa memberikan kerjasama dan memudah cara segala urusan berkaitan Parlimen kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan.

3. **Parlimen-parlimen Luar Negara dan Pertubuhan Parlimen Antarabangsa**
   - Selaras dengan strategi menjadikan Parlimen Malaysia sebagai '*Second track Diplomacy*', kami akan sentiasa komited untuk menjaga kepentingan dan nama baik Parlimen Malaysia dalam hubungan dua hala, dan pelbagai hala dengan Parlimen-Parlimen Luar Negara dan Pertubuhan-pertubuhan Parlimen Antarabangsa.

4. **Media**
   - Pihak media daripada dalam atau luar negara yang membuat liputan semasa persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan diberi perkhidmatan dan kemudahan yang professional.

5. **Orang Awam**
   - Orang Awam daripada dalam atau luar negara yang berurusan dengan Parlimen Malaysia akan diberikan perkhidmatan yang professional dan terbaik.

## NILAI SEPUNYA ORGANISASI

1. **Profesional**
   - Warga Parlimen komited untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran yang berterusan. Warga Parlimen juga mengamalkan prinsip profesionalisme dalam memberi perkhidmatan tanpa membezakan latarbelakang pelanggannya.

2. **Integriti**
   - Setiap tugas yang dipertanggungjawabkan dipikul dengan penuh amanah. Warga Parlimen juga komited untuk mengamalkan ciri-ciri keutuhan peribadi sepanjang masa.

3. **Kerja berpasukan**
   - Warga Parlimen komited untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama berpasukan sesama warga Parlimen atau pun dengan pihak luar.

4. **Proaktif**
   - Warga Parlimen sentiasa mencari jalan memaju dan memperkemaskan perkhidmatan kepada para pelanggannya. Budaya inovasi sentiasa diamalkan untuk mencari kaedah kerja yang lebih pantas dan lebih menjimatkan.

5. **Responsif**
   - Warga Parlimen komited untuk melaksanakan setiap dasar baru dan program yang diperkenalkan oleh stakeholders. Warga Parlimen juga peka kepada maklum balas dan aduan pelanggan.

## ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

1. **Modal Insan**
   Modal insan yang berwibawa, berkemahiran tinggi, kreatif, kompetitif dan efektif adalah tunjang ke arah pencapaian prestasi yang tinggi di Parlimen Malaysia. Teras kepada kualiti modal insan adalah penekanan kepada aspek peningkatan, pengetahuan dan kemahiran yang berterusan.

2. **Teknologi dan Inovasi**
   Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) perlu dimanfaatkan secara optimum. Budaya ICT dan inovasi akan menjadi pendorong kepada pencapaian visi Parlimen Malaysia.

3. **Proses dan Prosedur**
   Penambahbaikan ke atas proses dan prosedur secara berterusan adalah penting bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan yang diberi oleh Parlimen Malaysia kepada *stakeholders* dan pelanggan.

4. **Infrastruktur**
   Kemudahan infrastruktur fizikal dan ICT yang lengkap dan sempurna adalah kritikal kepada mutu perkhidmatan dan prestasi Parlimen Malaysia.

## 6 TERAS STRATEGIK

**1. Pemerkasaan Sistem Penyampaian Perkhidmatan;**

**1 STRATEGI** Pemantapan pengurusan dan operasi organisasi.

**2 STRATEGI** Peningkatan motivasi, daya usaha serta komitmen kerja warga Parlimen.

**3 STRATEGI** Pemantapan Perkhidmatan kepada Ahli-ahli Parlimen.

**4 STRATEGI** Pemantapan sistem keselamatan.

2. **Pemantapan Keupayaan Dan Kapasiti;**

**1 STRATEGI** Pemantapan organisasi.

**2 STRATEGI** Pemerkasaan pengetahuan dan kecekapan warga kerja Parlimen.

3. **Peningkatan Kemudahan Infrastruktur Fizikal & ICT;**

**1 STRATEGI** Menaik taraf prasarana sedia ada dan pembinaan bangunan baru bagi kemudahan kakitangan dan pelanggan Parlimen Malaysia.

**2 STRATEGI** Pemerkasaan kemudahan ICT bagi meningkatkan keberkesanan dan kualiti kerja.

4. **Pengukuhan Jalinan Hubungan Antara Parlimen;**

**1 STRATEGI** Meningkatkan kefahaman dan menerima pengiktirafan agensi-agensi pusat mengenai peranan Parlimen Malaysia sebagai *second track diplomacy* selaras dengan dasar luar negara.

**2 STRATEGI** Parlimen sebagai platform dalam merapatkan hubungan dua hala dan pelbagai hala.

**3 STRATEGI** Meningkatkan pengetahuan Ahli Parlimen berhubung isu antarabangsa dan amalan-amalan terbaik (*best practices*) Parlimen Antarabangsa.

**4 STRATEGI** Perkongsian amalan, prosedur serta pengalaman Parlimen Malaysia dengan Parlimen-Parlimen Antarabangsa.

5. **Pemantapan Penyelidikan dan Pembangunan; dan**

**1 STRATEGI**

Pengukuhan kerjasama strategik dengan badan/agensi yang terpilih.

**2 STRATEGI**

Peningkatan kualiti penyelidikan sebagai bahan rujukan perbahasan Ahli Parlimen.

6. **Merakyatkan Parlimen.**

**1 STRATEGI**

Peningkatan kesedaran dan pengetahuan rakyat (Orang Awam) mengenai Parlimen.

**2 STRATEGI**

Parlimen sebagai mercu tanda Kebangsaan dan Bangunan Warisan demokrasi berperlembagaan yang mesra pelawat/pelancong dari dalam dan luar negara.

**Perincian Teras Strategik adalah seperti jadual berikut:**

| BIL | PELAN TINDAKAN | PETUNJUK PRESTASI | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|
| **TERAS STRATEGIK 1: PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN** | | | |
| **STRATEGI 1: Pemantapan pengurusan dan operasi organisasi.** | | | |
| 1.1 | Mengkaji proses kerja secara berterusan bagi mengenal pasti sistem atau teknologi yang boleh membantu meningkatkan kecekapan dan produktiviti. | Pengurangan masa dan kos yang diambil bagi melaksanakan sesuatu proses. | 2013 |
| 1.2 | Menambah baik sistem dan proses kerja. | Mendapatkan persijilan ISO yang berkaitan. | 2016 |
| **STRATEGI 2: Peningkatan motivasi, daya usaha serta komitmen kerja warga Parlimen.** | | | |
| **BIL** | **PELAN TINDAKAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TAHUN SASARAN** |
| 2.1 | Memastikan kebajikan kakitangan sentiasa terpelihara. | Sekurang-kurangnya 70% daripada perkara yang dibangkitkan melalui Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) berjaya di laksanakan. | 2013 |
| 2.2 | Menjalankan kursus/program motivasi bagi menimbulkan rasa tanggungjawab dan bangga dengan tugasan serta peranan masing-masing dalam organisasi. | Setiap kakitangan menghadiri program motivasi sekurang-kurangnya sekali setiap 2 tahun. | 2014 |
| 2.3 | Menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi bagi menggalakkan gaya hidup seimbang. | Kemudahan gelanggang futsal, badminton, tenis dan gimnasium. | 2016 |
| **STRATEGI 3: Pemantapan Perkhidmatan kepada Ahli-ahli Parlimen.** | | | |
| **BIL** | **PELAN TINDAKAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TAHUN SASARAN** |
| 3.1 | Mewujudkan Seksyen Ahli Parlimen yang khusus untuk menguruskan perkhidmatan dan kemudahan kepada Ahli-ahli Parlimen. | Seksyen Ahli Parlimen diwujudkan. | 2013 |
| 3.2 | Mewujudkan *One-stop counter* bagi memudahkan Ahli Parlimen mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat berkaitan kemudahan mereka. | Satu kaunter khas dibuka semasa sesi Persidangan Dewan berlangsung. | 2013 |
| 3.3 | Menambahkan akses kepada *online research* portals dan langganan pangkalan data. | Langganan pangkalan data iaitu LEXIS, MLJ dan Law-Net. | 2015 |
| 3.4 | Menambah bilangan koleksi bahan rujukan yang komprehensif di pusat sumber. | Kuantiti dan bilangan tajuk buku ditingkatkan 50% dari jumlah sedia ada. | 2017 |

| STRATEGI 4: Pemantapan sistem Keselamatan Perlindungan di kompleks Parlimen. | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **PELAN TINDAKAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TAHUN SASARAN** |
| 4.1 | • Menyediakan kelengkapan dan sistem keselamatan perlindungan (fizikal dan dokumen)yang efisien.<br>• Menguatkuasakan peraturan-peraturan keselamatan dengan sepenuhnya. | Tiada kes pelanggaran keselamatan dilaporkan. | 2014 |

**TERAS STRATEGIK 2:**
**PEMANTAPAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI**

| STRATEGI 1: Pemantapan Organisasi. | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **PELAN TINDAKAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TAHUN SASARAN** |
| 1.1 | Kajian semula perjawatan berdasarkan keperluan semasa. | • Cadangan penstrukturan semula organisasi diluluskan. | 2013 |
| | | • Pengisian perjawatan sepenuhnya. | 2014 |

| STRATEGI 2: Pemerkasaan pengetahuan dan kecekapan warga kerja Parlimen. | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **PELAN TINDAKAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TAHUN SASARAN** |
| 2.1 | Menganalisa keperluan dan menyediakan latihan/program yang khusus bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran bagi setiap warga kerja dalam bidang kerja masing-masing. | Sekurang-kurangnya 1 program latihan khusus setiap tahun bagi setiap bahagian / cawangan / unit. | 2014 |
| 2.2 | Menjalankan *attachment* program dan *internship training* yang bersesuaian kepada kakitangan Parlimen. | Sekurang-kurangnya 1 program dijalankan setahun. | 2014 |

**TERAS STRATEGIK 3:**
**PENINGKATAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR FIZIKAL & ICT**

| STRATEGI 1: Menaik taraf prasarana sedia ada dan pembinaan bangunan baru bagi kemudahan Ahli Parlimen, kakitangan dan pelanggan Parlimen Malaysia. | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **PELAN TINDAKAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TAHUN SASARAN** |
| 1.1 | Membaik pulih dan menaik taraf bangunan sedia ada. | Projek disiapkan dengan sempurna mengikut jadual yang ditetapkan. | 2016 |
| 1.2 | Menyediakan ruang kerja khas yang bersesuaian bagi kegunaan Ahli Parlimen dan kakitangan. | Satu ruang khas untuk kegunaan setiap Ahli Parlimen. | 2016 |
| 1.3 | Perluasan kawasan tanah rezab Parlimen Malaysia untuk pembangunan di masa hadapan dan peluasan kawasan hijau (*green lung*). | Permohonan perluasan diluluskan. | 2016 |

| **STRATEGI 1:**<br>**Menaik taraf prasarana sedia ada dan pembinaan bangunan baru bagi kemudahan Ahli Parlimen, kakitangan dan pelanggan Parlimen Malaysia.** | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **PELAN TINDAKAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TAHUN SASARAN** |
| 1.4 | Penambahan laluan akses ke Kompleks Parlimen dari jalan-jalan utama yang berhampiran. | Sekurang-kurangnya satu laluan tambahan dibina sama ada dari/ke Jalan Duta atau Lebuhraya Mahameru. | 2017 |

| **STRATEGI 2:**<br>**Pemerkasaan kemudahan ICT bagi meningkatkan keberkesanan dan kualiti kerja.** | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **PELAN TINDAKAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TAHUN SASARAN** |
| 2.1 | Menyediakan ICT *Strategic Plan* (ISP) 2014-2017 | ICT *Strategic Plan* diwujudkan dan dilaksanakan. | 2014 |
| 2.2 | Meningkatkan sistem penyampaian maklumat dan perkhidmatan melalui pembudayaan ICT di kalangan warga Parlimen. | Penyebaran maklumat dan maklum balas diterima pada hari yang sama. | 2014 |
| 2.3 | Menyediakan perkakasan ICT dan teknologi terkini yang selari dengan kehendak dan keperluan pengguna. | Semua pengguna diperuntukan perkakasan dan sistem ICT yang bersesuaian dengan bidang tugas. | 2014 |
| 2.4 | Memperkasakan pengumpulan dan dokumentasi maklumat dalam bentuk digital. | • Buku Digital digunakan secara rasmi.<br>• *e-Risalat* digunakan secara rasmi.<br>• Pangkalan data *Hansard* secara digital sepenuhnya. | 2013<br>2013<br>2014 |
| 2.5 | Membangunkan sistem rekod Ahli Parlimen. | Pendigitalan rekod Ahli Parlimen. | 2014 |
| 2.6 | Menjadikan Portal rasmi Parlimen Malaysia sebagai satu medium utama penyimpanan dan penyampaian maklumat yang relevan dan mudah dicapai. | Menerima penarafan 5 Bintang. | 2013 |

**TERAS STRATEGIK 4:**
**PENGUKUHAN JALINAN HUBUNGAN ANTARA PARLIMEN**

**STRATEGI 1:**
**Meningkatkan kefahaman dan menerima pengiktirafan agensi-agensi pusat mengenai peranan Parlimen Malaysia sebagai *second track diplomacy* selaras dengan dasar luar negara.**

| BIL | PELAN TINDAKAN | PETUNJUK PRESTASI | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|
| 1.1 | Mengadakan sesi taklimat dan konsultasi dengan agensi-agensi pusat mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh badan legislatif. | Sekurang-kurangnya 1 sesi taklimat dengan 3 agensi dalam setahun. | 2014 |

**STRATEGI 2:**
**Parlimen sebagai platform dalam merapatkan hubungan dua hala.**

| BIL | PELAN TINDAKAN | PETUNJUK PRESTASI | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|
| 2.1 | Mengadakan sesi konsultasi dengan Kementerian Luar Negeri untuk mengenal pasti negara sasaran atau isu sasaran yang ingin ditangani. | Sekurang-kurangnya sekali setahun. | 2014 |
| 2.2 | Meningkatkan program seperti lawatan dan jemputan dengan negara sasaran. | Sekurang-kurangnya 1 program membabitkan negara sasaran. | 2014 |

**STRATEGI 3:**
**Meningkatkan pengetahuan Ahli Parlimen berhubung isu Antarabangsa dan amalan-amalan terbaik (*best practices*) Parlimen Antarabangsa.**

| BIL | PELAN TINDAKAN | PETUNJUK PRESTASI | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|
| 3.1 | Meningkatkan penyertaan Ahli Parlimen ke seminar/bengkel/ persidangan/ forum/ lawatan kerja dalam dan luar Negara. | Sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh penggal perkhidmatannya. | 2018 |
| 3.2 | Mengadakan sesi taklimat/seminar atau apa jua bentuk penyampaian maklumat berkenaan sesuatu isu. | Sekurang-kurangnya 1 sesi setiap tahun. | 2014 |

**STRATEGI 4:**
**Perkongsian amalan, prosedur serta pengalaman Parlimen Malaysia dengan Parlimen-Parlimen Antarabangsa.**

| BIL | PELAN TINDAKAN | PETUNJUK PRESTASI | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|
| 4.1 | Menyediakan dokumen dalam teks Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris yang membolehkan perjalanan urusan persidangan Parlimen Malaysia dirujuk oleh pihak awam khususnya dari luar negara. | Penerbitan Hansard dwi bahasa, iaitu Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris. | 2018 |

## TERAS STRATEGIK 5: PEMANTAPAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

**STRATEGI 1:**
**Pengukuhan kerjasama strategik dengan badan/agensi yang terpilih.**

| BIL | PELAN TINDAKAN | PETUNJUK PRESTASI | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|
| 1.1 | Mengenal pasti entiti yang boleh dijadikan sebagai rakan usahasama dalam perkongsian ilmu. | 2 agensi setahun | 2014 |
| 1.2 | Melaksanakan program kerjasama yang boleh memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan para penyelidik. | 2 program setahun | 2014 |

**STRATEGI 2:**
**Peningkatan kualiti penyelidikan sebagai bahan rujukan perbahasan Ahli Parlimen.**

| BIL | PELAN TINDAKAN | PETUNJUK PRESTASI | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|
| 2.1 | Menghasilkan bahan penyelidikan serta penerbitan yang diiktiraf berkaitan perundangan dan institusi Parlimen. | Sekurang-kurangnya 1 hasil penulisan diterbitkan di media arus perdana atau jurnal yang diiktiraf di peringkat kebangsaan. | 2014 |
| 2.2 | Mewujudkan pangkalan data hasil penyelidikan untuk dikongsi bersama dikalangan Pegawai Penyelidik dan warga Parlimen. | Pangkalan data diwujudkan. | 2014 |

## TERAS STRATEGIK 6: MERAKYATKAN PARLIMEN

**STRATEGI 1:**
**Peningkatkan kesedaran rakyat mengenai Parlimen.**

| BIL | PELAN TINDAKAN | PETUNJUK PRESTASI | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|
| 1.1 | Mengadakan ***outreach*** program di sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi dan jelajah negeri-negeri (*road-tour*). | Sekurang-kurangnya 1 *outreach* program setahun. | 2013 |
| 1.2 | Mewujudkan Mini Parlimen. | Satu persidangan setiap tahun. | 2017 |
| 1.3 | Menerbitkan satu video korporat mengenai Parlimen secara menyeluruh. | Video korporat diterbitkan. | 2014 |
| 1.4 | Mengadakan Hari Terbuka Parlimen. | Sekali setahun. | 2017 |

**STRATEGI 2:**
**Parlimen sebagai mercu tanda kebangsaan dan Bangunan Warisan demokrasi berperlembagaan yang mesra pelawat/pelancong dari dalam dan luar negara.**

| BIL | PELAN TINDAKAN | PETUNJUK PRESTASI | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|
| 2.1 | Menyediakan laluan khas untuk para pelawat dan zon awam yang tidak mengganggu laluan dan urusan Ahli Parlimen. | Laluan khas dan zon awam diwujudkan. | 2017 |
| 2.2 | Mengumpul dan mempamerkan bahan-bahan bersejarah berkaitan Parlimen. | Galeri Parlimen diwujudkan secara berperingkat. | 2014 |

| STRATEGI 2: Peningkatkan kesedaran rakyat mengenai Parlimen. | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **PELAN TINDAKAN** | **PETUNJUK PRESTASI** | **TAHUN SASARAN** |
| 2.3 | Mempergiatkan usaha untuk memperkenal dan mendekatkan Parlimen Malaysia kepada orang awam. | • Membina *photo shooting* deck di Tugu Negara dan lokasi-lokasi yang bersesuaian bagi membolehkan orang awam merakam gambar Parlimen tanpa perlu memasuki kompleks Parlimen. | 2014 |
| | | • Produk lawatan ke Parlimen yang diperkuat dengan elemen-elemen baru seperti *pre-tour* & *post-tour briefing*. | |
| | | • Mewujudkan *virtual gallery* di laman portal Parlimen Malaysia. | 2014 |
| 2.4 | Menyediakan kemudahan infrastruktur yang mesra pengguna termasuk golongan warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU). | Menyediakan kemudahan laluan yang mesra OKU. | 2014 |

# PERPUSTAKAAN

Parlimen Malaysia





# PERPUSTAKAAN

## PENGENALAN

Perpustakaan Parlimen Malaysia adalah satu pusat kecemerlangan rujukan dalam urusan perundangan, parlimen, pentadbiran kerajaan dan pentadbiran awam bagi menyokong keperluan penyelidikan Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan kakitangan Parlimen Malaysia ke arah pembelajaran sepanjang hayat. Justeru, Perpustakaan Parlimen Malaysia berusaha memantapkan perkhidmatan dan sumber rujukannya bagi meningkatkan penjanaan maklumat dan ilmu supaya dapat memberi perkhidmatan yang proaktif setimpal dengan kehendak pelanggan.



## PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Peminjaman dan Rujukan

   - Koleksi Terbitan Parlimen
     - Buletin Parlimen
   - Koleksi Perundangan Malaysia
   - Koleksi Monograf (Buku)
   - Koleksi Jurnal
   - Keratan Akhbar

2. Perkhidmatan Elektronik

   - Sistem ILMU ( WebOPAC)
   - *BERNAMA Library Infolink Servis* (BLIS)
   - LawNet dan CLJ Legal Network
   - NSTP e-Media
   - EBSCO
   - Mylib
   - Malaysia Kini.com

3. Peminjaman Antara Perpustakaan

## KEAHLIAN

Penggunaan Perpustakaan Parlimen Malaysia ini terhad kepada Ahli-ahli Parlimen dan kakitangan Parlimen Malaysia sahaja. Pengguna luar yang ingin menggunakan Perpustakaan Parlimen perlu memohon kepada Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia di alamat:

Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia
Cawangan Perpustakaan
Bangunan Parlimen
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur
Faks : 03-2026 0914
Emel : perpustakaan@parlimen.gov.my

## KOLEKSI TERBITAN PARLIMEN

Dokumen Parlimen merangkumi bahan-bahan yang dikeluarkan oleh Parlimen Malaysia di dalam urusan perundangan seperti:

- Penyata Rasmi Dewan Negara dan Dewan Rakyat (Hansard)
- Aturan Urusan Mesyuarat (AUM)
- Undi-undi Perjalanan Mesyuarat
- Rang Undang-Undang
- Kertas Statut
- Kertas Perintah
- Laporan Jawatankuasa-Jawatankuasa









## KOLEKSI PERUNDANGAN MALAYSIA

Koleksi ini merangkumi sumber utama dan sumber sekunder Undang-undang Malaysia yang terdiri daripada:

- Perundangan Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
- Perundangan subsidiari
- Akta-akta
- Akta Pindaan
- Enakmen
- Ordinan
- P.U.(A)
- P.U.(B)
- Warta Kerajaan

## KOLEKSI MONOGRAF (Buku)

Koleksi terbesar di Perpustakaan Parlimen Malaysia ialah koleksi monograf yang meliputi pelbagai bidang seperti perundangan, perlembagaan, politik, sejarah, pentadbiran kerajaan, koleksi dari institusi parlimen luar negara, tokoh-tokoh politik, pilihan raya, parti-parti politik dan lain-lain koleksi yang berkaitan dengan fungsi Parlimen Malaysia.

Perpustakaan Parlimen Malaysia melanggan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan isu-isu semasa dari dalam dan luar negara. Selain itu, Perpustakaan Parlimen turut menerima lain-lain bahan penerbitan dari jabatan/agensi kerajaan, badan bukan kerajaan serta institusi dalam dan luar negara. Antara koleksi Jurnal yang terdapat di Perpustakaan Parlimen adalah seperti berikut:

**Keratan Akhbar**

Koleksi ini terdiri daripada keratan-keratan akhbar mengenai isu-isu Parlimen Malaysia yang dikeluarkan dalam surat khabar tempatan dalam bentuk digital dan secara konvensional.

Peraturan-Peraturan Perpustakaan

1. Pelawat/Pengguna dibenarkan masuk ke dalam perpustakaan selepas mendapat kelulusan rasmi dari Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia.

2. Pelawat/pengguna mestilah memakai pakaian yang sopan dan rasmi. Pemakaian selipar dan seluar jeans adalah tidak dibenarkan.

3. Semua pelawat/pengguna mestilah mempamerkan Pas Pelawat.

4. Pengguna perpustakaan dari agensi bukan kerajaan akan dikenakan bayaran perkhidmatan sebanyak RM30 sehari dan 20 sen bagi setiap salinan yang dibuat. Pengguna dari agensi bukan kerajaan juga tidak dibenarkan untuk meminjam koleksi perpustakaan.

5. Pelawat/Pengguna perpustakaan diminta untuk meletakkan buku yang telah digunakan di troli yang disediakan.

6. Alat elektronik seperti alat pemain muzik dan alat pengimbas tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam perpustakaan.

7. Pegawai Kerajaan yang bertugas perlu membawa komputer riba sendiri dan tidak dibenarkan menggunakan Bilik Teknologi Maklumat. Semua keperluan untuk mencetak perlu diajukan ke

Bilik Urusetia.

8. Pegawai Kerajaan yang bertugas tidak dibenarkan meminjam koleksi perpustakaan dan akan dikenakan caj sebanyak 20 sen bagi setiap salinan.

9. Semua bahan-bahan perpustakaan yang dipinjam mesti dipulangkan. Peminjam akan diberi tiga notis untuk memulangkan buku yang dipinjam selepas tarikh pemulangan tamat. Jika peminjam masih tidak memulangkan buku pinjaman, peminjam akan diberi notis keempat untuk membayar harga buku yang dipinjam dan perlu dibayar ke Cawangan Kewangan. Jika bayaran tidak diterima dalam masa 2 minggu selepas notis keempat, surat akan dipanjangkan kepada Cawangan Kewangan untuk memotong gaji peminjam.

10. Dilarang merokok, makan dan minum di dalam kawasan perpustakaan.

11. Beg, topi keledar dan payung mestilah ditinggalkan di kaunter.

12. Dilarang mencuri dan merosakkan harta perpustakaan.

13. Kakitangan perpustakaan mempunyai kuasa untuk melarang sesiapa daripada menggunakan perpustakaan.

14. Pihak pengurusan perpustakaan mempunyai hak untuk menukar peraturan perpustakaan bila-bila masa difikirkan perlu.

## WAKTU OPERASI

Hari Berkerja
Isnin Hingga Khamis: 8.30 pagi - 4.00 petang
Jumaat : 8.30 pagi - 12.00 tengah hari & 3.00 petang - 4.00 petang

Semasa Dewan Bersidang
Isnin Hingga Khamis: 8.30 pagi sehingga Dewan ditangguhkan
Sabtu, Ahad & Cuti Umum: Tutup





# LAWATAN

ke Parlimen Malaysia





# LAWATAN KE PARLIMEN MALAYSIA

Semua pelawat sama ada individu atau berkumpulan, institusi dan pertubuhan dalam dan luar negara boleh mengunjungi Parlimen Malaysia.

Lawatan hanya dibenarkan semasa hari dan waktu bekerja sahaja.

Pelawat yang ingin membuat permohonan lawatan perlu mengikuti peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut:

i) Segala urusan lawatan dikendalikan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Parlimen Malaysia. Surat permohonan lawatan hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut untuk kelulusan:

   **Bahagian Komunikasi Korporat**
   **Tingkat 8, Blok Menara,**
   **Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen,**
   **50680 Kuala Lumpur**
   **Tel: +(603) 2601 7329/ 7330**
   **Faks: +(603) 2072 7436**
   **Emel: info@parlimen.gov.my/ pro@parlimen.gov.my**

ii) Surat permohonan hendaklah mencatatkan nombor telefon dan faks pemohon.

iii) Selain itu, permohonan lawatan juga boleh dikemukakan secara atas talian.

iv) Pelawat dikehendaki menunjukkan surat kebenaran lawatan di Balai Pengawal, pintu masuk utama kompleks Parlimen. Ketua rombongan dikehendaki membawa senarai lengkap pelawat yang mengandungi nama penuh, nombor kad pengenalan serta alamat terkini. Hanya mereka yang disenaraikan Sahaja dibenarkan masuk mengikuti persidangan.

v) Semua pelawat perlu mematuhi tatacara berpakaian semasa berada di Bangunan Parlimen. Tatacara berpakaian adalah seperti di muka surat berikut:



KOD ETIKA BERPAKAIAN SERTA PERATURAN-PERATURAN BAGI PELAWAT-PELAWAT AWAM SEMASA BERADA DI PARLIMEN MALAYSIA

PAKAIAN YANG DIBENARKAN

**LELAKI**

1. Lounge Suit dan bertali leher
2. Baju kemeja lengan panjang dan bertali leher
3. Baju batik lengan panjang
4. Baju Melayu lengkap bersamping dan bersongkok
5. Seluar panjang berwarna gelap (slack)
6. Kasut kulit.

**WANITA**

1. Baju kurung atau kebaya labuh/blouse berlengan panjang
2. Skirt panjang di bawah paras lutut
3. Sari dengan blouse berlengan dan pakaian kebangsaan kaum-kaum lain
4. Seluar panjang (slack)
5. Lain-lain pakaian yang kemas dan sopan
6. Berkasut

**PELAJAR SEKOLAH**

1. Pakaian seragam sekolah

**PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN**

1. Baju tanpa lengan
2. Jaket
3. Seluar jeans
4. Pakaian ketat dan mencolok mata
5. Selipar/ kasut sukan
6. Baju berkolar bulat
7. Baju T



PELAWAT TIDAK DIBENARKAN:

1. Membawa kanak-kanak di bawah umur enam tahun
2. Merokok di kawasan Parlimen
3. Mengambil gambar semasa berada di dalam Bangunan Parlimen
4. Membawa masuk telefon bimbit, kamera serta lain-lain alat telekomunikasi ke dalam Dewan Negara/ Dewan Rakyat (Alatan ini boleh disimpan di Kaunter Pengawal Pintu 7)
5. Membawa peralatan berbahaya yang boleh mengancam keselamatan

Pelawat dikehendaki menepati masa lawatan yang telah dipersetujui.

Pelawat akan memasuki bangunan Parlimen selepas mereka melalui pemeriksaan keselamatan rapi dan melalui mesin pengimbas bagi tujuan keselamatan di Pintu 7.











# SOROTAN MAJLIS-MAJLIS DAN AKTIVITI-AKTIVITI DI PARLIMEN MALAYSIA SEPANJANG TAHUN 2013




MERIAM INI TELAH DIKURNIAKAN
PADUKA BAGINDA YANG DI–PERTUAN
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ
ALMARHUM SULTAN HISAMUDDIN
ALHAJ, SULTAN SELANGOR PADA 01
MERIAM INI MERUPAKAN PENINGGALAN
SETELAH TENTERA BELANDA KALAH DALAM
PEPERANGAN DENGAN ANGKATAN SULTAN
IBNI SULTAN SALEHUDDIN (SULTAN SELANGOR
YANG KE–2) PADA 27 JUN 1785 DI BUKIT
KUALA SELANGOR.

# SOROTAN MAJLIS-MAJLIS DAN AKTIVITI-AKTIVITI DI PARLIMEN MALAYSIA SEPANJANG TAHUN 2013

## MALAM APRESIASI DAN PELANCARAN PORTAL PARLIMEN MALAYSIA (19 JANUARI 2013)



YB Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang menyampaikan amanat pada Malam Apresiasi.



YB Senator Tan Sri Abu Zahar melancarkan Portal Rasmi Parlimen Malaysia dan diiringi YB Datuk Dr. Wan Junaidi dan YBhg. Dato' Lamien Sawiyo.




Salah seorang peserta yang menyertai Pertandingan Parliament's Got Talent




YB Senator Tan Sri Abu Zahar menyampaikan sumbangan kepada salah seorang anak kakitangan Parlimen Malaysia yang cemerlang dalam peperiksaan PMR dan SPM.



YB Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang menerima cenderamata kenang-kenangan dari Parlimen Malaysia.

## MAJLIS MENANAM POKOK DIBAWAH PROGRAM HUTAN @ PARLIMEN (20 FEBRUARI 2013)



YB Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang bersama-sama Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia, Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara ketika mendengar taklimat yang diberikan.



Ketua Jurutera memberi taklimat mengenai Projek Pembangunan di Parlimen Malaysia.



YB Senator Tan Sri Abu Zahar menanam pokok sebagai tanda perasmian Majlis Menanam Pokok Dibawah Program Hutan @ Parlimen.



YBhg. Dato' Lamien Sawiyo, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia turut meluangkan masa menanam pokok di dalam program tersebut.

## KEJOHANAN BOWLING TERTUTUP PARLIMEN MALAYSIA (2 MAC 2013)



Antara warga Parlimen Malaysia yang menyertai kejohanan ini.



YBhg. Dato' Lamien Sawiyo dan isteri serta YBhg. Datuk Roosme Hamzah bersama-sama para peserta Pertandingan Bowling Tertutup Parlimen Malaysia.



Dato' Lamien Sawiyo menyampaikan hadiah kepada pemenang individu.



Warga Parlimen yang hadir dan memeriahkan  Pertandingan Bowling Tertutup Parlimen Malaysia.

## MESYUARAT PENUBUHAN PUSPANITA CAWANGAN PARLIMEN MALAYSIA (15 MAC 2013)



Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia menyampaikan ucapan dalam Mesyuarat Penubuhan PUSPANITA Parlimen Malaysia.



Turut hadir di dalam mesyuarat tersebut ialah YBhg. Datin Normah Ibrahim selaku Pengerusi PUSPANITA Parlimen Malaysia, YBhg. Datuk Roosme Hamzah.



Warga Parlimen yang ketika pemilihan Ahli-ahli Jawatankuasa PUSPANITA Parlimen Malaysia.

## STAFF DAY SALE
## (3 APRIL 2013)



YB Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang, Yang di-Pertua Dewan Negara melawat gerai-gerai yang dibuka oleh warga Parlimen Malaysia diiringi Dato' Lamien Sawiyo,Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia.



Antara kakitangan Parlimen Malaysia yang mengambil bahagian dalam Program "*Staff Day Sale*".




Salah satu gerai yang dibuka oleh kakitangan Parlimen Malaysia.



Dato' Lamien Sawiyo beramah mesra bersama warga Parlimen Malaysia yang menyertai Pertandingan Permainan Tradisional.



YB Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang turut meluangkan masa melawat gerai yang dibuka oleh RHB Bank.



Pengerusi PUSPANITA Parlimen Malaysia merakamkan gambar kenang-kenangan bersama-sama Ahli PUSPANITA LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) yang turut memeriahkan program *Satff Day Sale*.

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2012 (30 APRIL 2013)



Dato' Lamien Sawiyo menyambut ketibaan YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.



Antara warga Parlimen Malaysia yang hadir ke Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012.



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bergambar bersama-sama YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dan YBhg. Dato' Lamien Sawiyo serta pegawai-pegawai kanan Parlimen Malaysia.



YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal menerima cenderamata sebagai tanda kenangan.



Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia turut berkesempatan menanam pokok sebagai tanda kenang-kenangan.

## MAJLIS PELANCARAN SENAM SENI 1 MALAYSIA (08 MEI 2013)




YBhg En. Mohamad Razy Mohd Nor, Timbalan Ketua Pengarah(Dasar & Perancangan), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) bersama-sama Dato' Lamien Sawiyo merasmikan Program Senam 1Malaysia di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia.



Datuk Roosme Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat dan Datuk Zamani Sulaiman, Setiausaha Dewan Negara turut hadir memeriahkan Majlis Pelancaran Program Senam 1Malaysia.



Warga Parlimen Malaysia bersama-sama memeriahkan majlis perasmian tersebut.



Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Perancangan), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menerima cenderamata dari Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia sebagai tanda kenangan.

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN TERPUJI 2013 (31 MEI 2013)



Kumpulan Kompang Parlimen Malaysia mengiringi YBhg. Dato' Lamien Sawiyo menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan & Anugerah Perkhidmatan Terpuji 2012.



Warga Parlimen Malaysia menandatangani kehadiran ke majlis tersebut.




Kumpulan Koir Parlimen Malaysia turut membuat persembahan di Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji 2013.



YBhg. Dato' Lamien Sawiyo diiringi oleh YBhg. Datuk Roosme Hamzah dan YBhg. Datuk Zamani Sulaiman menyampaikan anugerah kepada para penerima.



Penerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji 2012 bergambar kenang-kenangan bersama YBhg. Dato' Lamien Sawiyo serta pegawai-pegawai kanan Parlimen Malaysia.

## EKSPEDISI MENAWAN PUNCAK BROGA (05 JULAI 2013)



Warga Parlimen Malaysia kelihatan bersemangat di awal pendakian.



Wajah-wajah warga Parlimen yang menyertai Ekspedisi Mendaki Bukit Broga.



Wajah ceria warga Parlimen yang telah berjaya menawan puncak Bukit Broga.




Warga Parlimen Malaysia bergambar di puncak Bukit Broga sebagai kenang-kenangan.



Peserta ekspedisi berhati-hati ketika menuruni Bukit Broga.

## MAJLIS RAKAMAN TAKBIR HARI RAYA BAGI PEGAWAI ATASAN DAN KAKITANGAN PARLIMEN MALAYSIA
## (30 JULAI 2013)



Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat antara tetamu kehormat yang hadir dalam program rakaman takbir raya.



YB Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang dan YB Dato' Haji Ismail Mohamed bersama-sama menjayakan rakaman program takbir raya.



Kakitangan Parlimen Malaysia yang menjayakan program rakaman takbir raya.



Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia bergambar bersama-sama pegawai dan kakitangan Parlimen Malaysia.

## MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA PARLIMEN MALAYSIA (29 OGOS 2013)



YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Mohd Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri beramah mesra dengan warga Parlimen di Majlis Sambutan Hari Raya Parlimen Malaysia.



Yang di-Pertua Dewan Negara beramah mesra dengan pegawai dan kakitangan Parlimen Malaysia.



YB Senator Datuk Doris Sophia Brodi, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara turut hadir di majlis tersebut.



Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia menyampaikan ucapan alu-aluan.



Wajah-wajah warga Parlimen yang memeriahkan Sambutan Hari Raya Parlimen Malaysia.



YBhg. Datuk Roosme Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat turut membuat persembahan bersama-sama iringan Band 1Parlimen.




Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia turut memeriahkan majlis dengan membuat persembahan.




Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia membuat cabutan untuk cabutan bertuah.




YBhg. Datuk Roosme Hamzah menyampaikan hadiah untuk cabutan bertuah.



Salah seorang pegawai turut menerima hadiah cabutan dari Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

## MAJLIS PERSARAAN PEGAWAI [PUAN AZIYAH BINTI ABDUL AZIZ (PENOLONG AKAUNTAN)] DARI CAWANGAN KEWANGAN (06 NOVEMBER 2014)



Datuk Roosme Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat turut bersama-sama meraikan Puan Aziyah Abdul Aziz.



Warga Parlimen Malaysia yang hadir di dalam majlis tersebut.



Ketua Parlimen Malaysia menyampaikan amanat kepada Puan Aziyah Abdul Aziz.



Puan Aziyah Abdul Aziz bersama-sama tetamu kehormat.



Puan Aziyah Abdul Aziz menerima cenderamata kenangan dari Yang di-Pertua Dewan Negara.



Pelukan daripada salah seorang kakitangan Parlimen Malaysia untuk Puan Aziyah Abdul Aziz.



Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia mengiringi Puan Aziyah Abdul Aziz sambil diperhatikan oleh kakitangan Parlimen Malaysia.

## SEMINAR KESIHATAN DAN KECERGASAN PARLIMEN MALAYSIA (8 NOVEMBER 2013)



Salah seorang kakitangan Parlimen Malaysia yang menjalani pemeriksaan ujian darah untuk gula.



Sesi kaunseling oleh Pegawai Perubatan dari Pejabat Kesihatan Kepong kepada kakitangan Parlimen Malaysia.



Salah seorang kakitangan Parlimen Malaysia membuat pemeriksaan *Body Mass Index* (BMI).




Bahan-bahan pameran mengenai kesihatan turut dipamerkan kepada warga Parlimen Malaysia.




Dr. Inthirani A/P M. Sivarajah yang merupakan seorang Pegawai Perubatan dari Pejabat Kesihatan Kepong memberikan ceramah bertajuk “Amalkan Gaya Hidup Sihat Untuk Mengelakkan Penyakit Kronik”.



Kakitangan Parlimen Malaysia mengambil kesempatan untuk memeriksa tekanan darah dan meminta khidmat nasihat daripada Pegawai Perubatan.

# PROGRAM-PROGRAM SEPANJANG SAMBUTAN 50 TAHUN BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

## GALERI PAMERAN




Gambar-gambar Bangunan Parlimen Malaysia yang dipamerkan di Galeri Pameran.




Cokmar Dewan Negara dan Dewan Rakyat turut dipamerkan untuk tontonan umum di Galeri Pameran.




Gambar-gambar dari Persidangan Parlimen yang pertama dan jubah Yang di-Pertua turut dipamerkan.



Barang-barang dan dokumen-dokumen lama yang dipamerkan di Galeri Pameran.

## PROGRAM LARIAN SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA (08 DISEMBER 2013)



Peserta larian melakukan senaman regangan sebelum memulakan acara larian.



Peserta daripada pelbagai peringkat yang menyertai program Larian Parlimen.




Pelatih dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) memimpin para peserta dalam melakukan senaman regangan.




Para peserta bersiap sedia di garisan permulaan.



Para peserta larian kelihatan bersemangat menghabiskan larian.



Yang di-Pertua Dewan Negara dan Ahli Parlimen Bakri turut menyertai larian tersebut.



Yang di-Pertua Dewan Negara menyampaikan hadiah kepada pemenang.



Pengerusi Puspanita Parlimen Malaysia diiringi oleh Setiausaha Dewan Rakyat menyampaikan hadiah kepada pemenang.



Kakitangan dari Cawangan Bentara merupakan salah seorang pemenang dalam program tersebut.

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH DAN PERTANDINGAN MEWARNA & MELUKIS SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN BANGUNAN PARLIMEN (14 DISEMBER 2013)



Peserta pertandingan mewarna bersedia untuk memulakan pertandingan.



Setiausaha Dewan Rakyat bergambar bersama-sama salah seorang peserta pertandingan.



YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan hadiah kepada para pemenang.




Pemenang-pemenang untuk Pertandingan Lakaran Landskap dan Pertandingan Lakaran Bangunan Parlimen turut dipamerkan pada hari tersebut.



Panel juri sedang menilai penyertaan untuk Pertandingan Mewarna dan Melukis.



YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia bersama-sama melihat hasil ciptaan untuk pertandingan-pertandingan yang telah dijalankan.



Timbalan Ketua Pentadbir mengiringi Pengerusi PUSPANITA Parlimen Malaysia menyampaikan hadiah kepada salah seorang juri pertandingan.

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT**

Parlimen Malaysia, Tingkat 8,
Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen
50680, Kuala Lumpur
Tel : 603-2072 1955 Fax : 603-2072 7436
Email : info@parlimen.gov.my

ISSN 2289-5124

9 772289 512000